

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Shah Alam, Rabu 14 Julai 2010

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**(Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009)**

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

Dewan disambung semula pada jam 10.00 pagi

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan Bacaan Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan. Sambungan.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, soalan No. 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : **SEKTOR PERTANIAN**

13. Sektor pertanian adalah industri yang menjadi penyumbang ketiga pada pembangunan ekonomi negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Apakah strategi kerajaan negeri untuk menambah nilai sumbangan sektor ini pada ekonomi negeri?
- b) Apakah fokus bidang pertanian yang mahu dimajukan oleh kerajaan negeri pada masa kini?
- c) Apakah langkah kerajaan negeri untuk memastikan sektor ini dipermodenkan dari semasa ke semasa?

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: *Bismillahi rahmani rahim,* Tuan Speaker, Bagi menjawab soalan dari Sungai Air Tawar, Apakah strategi kerajaan negeri untuk menambah nilai sumbangan sektor ini pada ekonomi negeri? Jawapannya ialah bagi meningkatkan nilai sumbangan sektor pertanian pada ekonomi negeri terdapat empat strategi yang akan dan telah dilaksanakan iaitu menubuhkan badan pengurusan bagi mengelompokkan petani tradisional

untuk membangunkan projek pertanian moden dan berskala besar. Sebagai contoh, projek perintis pengurusan padi di Kuala Selangor dan Sabak Bernam sedang dijalankan yang melibatkan seramai 5,205 peserta dengan kawasan seluas 7,443 hektar. Yang kedua, mewujudkan jaringan kerjasama dengan pihak swasta bagi membangunkan sektor pertanian, contohnya projek mentor-menti bagi tanaman cendawan dengan Syarikat Mufamex berjaya menambahkan pendapatan tambahan RM800.00 sebulan dan ikan keli dengan Syarikat Ikat Tawar serta Syarikat Sepang Maju bagi membekal ubi kayu. Yang ketiga, melengkapkan infrastruktur pertanian, perikanan dan penternakan supaya selaras dengan perladangan insentif contohnya perladangan integrasi di TKPM Batang Seri, TPKM Batang Arang dan TPKM Hulu Yam. Mewujudkan rangkaian pengeluaran dengan aktiviti nilai ditambah secara komprehensif. Bagi maksud tersebut, kerajaan negeri akan mewujudkan pusat pengumpulan di semua daerah dan sebagai permulaan kerajaan negeri akan menubuhkan pusat pengumpulan tersebut di Sepang, Kuala Langat dan Sabak Bernam.

Bagi soalan kedua, apakah fokus bidang pertanian yang mahu dimajukan oleh kerajaan negeri pada masa kini? Fokus pembangunan pertanian pada masa kini adalah bertujuan memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi dengan menggunakan teknologi moden. Ini adalah kerana kawasan pertanian di negeri Selangor semakin mengecil dan dengan penggunaan teknologi moden, hasil dapat ditingkatkan. Oleh itu, antara projek yang disasarkan adalah, satu, meningkatkan hasil padi melalui penggunaan *transplanted* dengan ditambah baik melalui aktiviti pengapuran dan perataan tanah serta penaburan benih yang baik. Yang kedua, projek litigasi tanaman buah-buahan singkat masa seperti di Pulau Indah, Klang. Permanian beradas bagi menghasilkan lembu berkualiti tinggi di dalam *fit lot* yang kecil, 1 ekar sahaja bagi 50 ekor lembu betina. Yang keempat, perladangan sayuran organik seperti di TPKM Hulu Yam. Yang Kelima, penggunaan efektif mikro organisma (EM) bagi perladangan babi dan nominal serta unggas. Dengan lulus Enakmen penternakan babi 1991 dan pada 12 Julai yang lalu, maka semua ladang babi di negeri Selangor diwajibkan menggunakan EM di ladang masing-masing.

Persoalan ketiga, apakah langkah kerajaan negeri untuk memastikan sektor ini dipermodenkan dari semasa ke semasa? Bagi memastikan sektor pertanian sentiasa dipermodenkan selaras perkembangan teknologi maka kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Veterinar telah menyediakan infrastruktur asas pembangunan sistem ICT yang cekap. Di samping itu, *regulatory* dan pengiktirafan kepada petani, penternak dan nelayan di negeri Selangor seperti skim akreditasi ke atas sesuatu bidang contohnya untuk dapat SLM, SOM, VHM, SLAT, GMP dan HACCP. Yang kedua, peningkatan pengumpulan maklumat dan risikan pasaran berhubung penggunaan teknologi moden di luar negara dan yang ketiga, mengadakan skim perintis ke atas projek pertanian moden yang mesra alam seperti fertigasi, hidroponik, aeroponik dan perladangan organik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, terima kasih. Soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO Pertanian mengenai projek perintis pengurusan padi di kawasan Sabak Bernam untuk menolong pada petani meningkatkan hasil dan menambah pendapatan. Susulan daripada itu, saya ingin meminta pandangan daripada Yang Berhormat EXCO, apakah pihak negeri memberikan kuasa atau bercadang untuk memaklumkan kepada Kementerian Pertanian tentang fenomena di mana Kementerian Pertanian membiarkan, membiarkan Syarikat Bernas mengimport beras dari luar negeri secara berleluasa tanpa sekatan kerana mutakhir ini permit lesen mengimport beras hanya ada pada Bernas sahaja. Mereka monopoli, jadi mereka mengimport beras yang berlebihan ke pasaran tempatan sekali gus telah menyebabkan harga beras di pasaran tempatan naik harga, terjejas,

menyebabkan pendapatan petani merosot. Ini satu. Tiada gunanya kita ada taraf perintis dan sebagainya tetapi kita tidak dapat menjamin pendapatan yang sebaya, *survival* untuk petani, itu satu. Yang kedua, adakah, bilakah pihak kerajaan negeri akan memulakan ataupun mengadakan satu insentif sebagai penggalak kepada petani iaitu dengan memberi galakan ataupun hadiah kepada petani yang berjaya menaikkan hasil pendapatan mereka mengikut kumpulan seperti yang pernah saya cadangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Sekinchan, bagi soalan pertama Sekinchan saya rasa itu semua boleh dilaksanakan seandainya kita mampu menawan Putrajaya dan kita ubah polisi di Kerajaan Pusat. Bagi soalan kedua, Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar telah pun mengumumkan akan pemberian insentif kepada blok-blok yang berjaya. Beberapa struktur ukur untuk beri hadiah RM50,000.00 untuk peringkat pertama, RM30,000.00 yang kedua dan RM20,000.00 bagi yang ketiga dan hadiah-hadiah ini akan kita beri pada bulan Disember ini. Peringkat ini kita sedang buat penilaian kepada blok-blok yang mencapai sasaran ini. Jadi mudah-mudahan dengan ini maka tiap-tiap blok berlumba-lumba untuk memastikan bahawa mereka mendapat insentif RM100,000.00 yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Terima kasih, Tuan Speaker. Lazimnya ekonomi krisis yang berputar dalam 10 - 2 tahun menimbulkan juga masalah pertanian khususnya bekalan makanan. Soalannya adakah sektor pertanian sudah mengambil kira bekalan makanan semasa ekonomi krisis.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih. Bagi memastikan bekalan makanan cukup kerajaan negeri mengekalkan kawasan TPKM Hulu Yam. Memastikan bahawa sekurang-kurangnya 80% pengeluaran sayur-sayuran cukup untuk Lembah Klang. Bagi kawasan pertanian padi kawasan Sabak Bernam dikekalkan sebagai kawasan pertanian walaupun mendapat desakan daripada Sekinchan supaya dibuka sedikit untuk kawasan perumahan. Bagi memastikan bekalan makanan cukup kita pastikan kawasan itu kekal. Bagi memastikan cukup umbi kawasan-kawasan di Kuala Langat, Sepang kekal untuk kawasan umbi dan *short clock* jadi dijangkakan dengan itu bekalan makanan cukup. Walau bagaimanapun pengeluaran makanan untuk keperluan negeri Selangor tidak mencukupi dan kita masih memerlukan *supplier* dari negeri lain ataupun import.

TUAN SPEAKER : Ya, Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Soalan Tambahan. Terima kasih, Tuan Speaker. YB. EXCO menyebutkan tentang Hulu Yam dan saya juga ingin bertanya tentang Hulu Yam di mana Kerajaan Negeri melalui anak syarikat, kalau saya tidak silap PNSB telah memajak gadai tanah seluas 500 ekar kepada petani untuk dijadikan sebagai ladang menanam sayur-sayuran. Apa yang saya ingin bertanya ialah sama ada kerajaan menukar gantikan perjanjian pajak sewa ini kepada pemberian tanah ataupun gazet tanah pertanian yang kekal kepada petani-petani ini kerana apa yang petani bimbang ialah jika terdapat pertukaran pendapat dari segi Kerajaan apabila kerajaan memutus untuk membatalkan perjanjian pajak sewa itu, maka tanah-tanah pertanian ini akan hapus dan mereka merasakan tidak ada satu bentuk jaminan kepada mereka kerana perjanjian itu hanya bertahan selama 30 tahun bermula tahun 2006 sahaja.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Berhubung dengan TPKM Hulu Yam, mesyuarat telah pun dibuat untuk menyusun semula kawasan TPKM Hulu Yam bagi memastikan kawasan

tersebut kekal sebagai kawasan sayur-sayuran dan kerajaan negeri bersama jabatan-jabatan terlibat dan punya tanah PNSB telah bermesyuarat dan rancangan sedang dibuat memastikan bahawa supaya keadaan TPKM Hulu Yam lebih teratur dan tersusun dan kita memberi jaminan kepada petani-petani bahawa kawasan itu kekal untuk kawasan pertanian.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu

YB TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker, soalan No. 14.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN WONG KOON MUN

(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : **ORANG ASLI**

14. Kerajaan negeri menubuhkan Badan Bertindak Tanah Orang Asli yang bertujuan untuk menjaga kepentingan tanah Orang Asli di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini usaha yang dilakukan oleh Badan Bertindak Tanah Orang Asli ini?
- b) Bagaimanakah status perkembangan ekonomi, sosial dan pendidikan keluarga Orang Asli dan anak-anak mereka sehingga kini?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Badan Bertindak Tanah Orang Asli bagi penggal pertama tahun ini. Satu, pemetaan tanah orang asli, mengadakan latihan pemetaan komuniti dengan menggunakan GPS dengan izin *Global Positioning System* dalam latihan ini para peserta yang terdiri daripada Orang Asli dilatih menggunakan alat GPS untuk mengadakan latihan praktikal di kawasan perkampungan berhampiran. Latihan termasuk mengumpul dan merekodkan data-data. Dua, mengadakan latihan susulan bagi merekodkan data GPS ke dalam perisian komputer dengan izin GIS ataupun *Geographic Information Center*. Wakil-wakil masyarakat Orang Asli yang telah menyertai latihan pemetaan tersebut dipilih untuk membantu kerajaan negeri dalam proses pengukuran semula kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan perkampungan Orang Asli yang akan diwartakan. Proses pengukuran ini adalah dengan kerjasama penduduk kampung dengan menumpu. Kita menumpukan beberapa daerah, kita bermula dengan Daerah Sepang sebagai daerah pertama untuk proses pengukuran. Sehingga kini terdapat 4 buah kampung yang telah selesai diukur dan dalam proses merekodkan ke dalam perisian ataupun GIS untuk dicetak. Pejabat EXCO dengan kerjasama BBTOAS juga sedang menjalankan program kesedaran isu penggubalan Akta 134 ataupun Akta Orang Asli bersama dengan program untuk kesedaran awam tentang dasar pemberiman tanah Orang Asli dan kita menumpu program ini di tiga daerah iaitu Sepang, Kuala Langat dan Hulu Selangor. Selain daripada itu, pejabat EXCO juga menyiasat beberapa aduan-aduan pencerobohan tanah. Kita juga menolong beberapa kampung-kampung Orang Asli untuk satu memberi rumah-rumah PPRT khasnya, kita bermula di Kuala Langat, dua membaiki balai raya yang sudah uzur, tiga membaiki rumah-rumah dengan pemberian zink-zink. Kita juga ada program untuk menolong dari segi sosioekonomi, kita bermula dengan pemberian api, dengan menggunakan teknologi baru sebagai contohnya kita sedang membuat ataupun menyiapkan projek memberi api ataupun elektrik menggunakan mikro hidro di satu

kampung Orang Asli di Kuala Langat. Mengenai status ekonomi Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah berusaha membantu menyediakan bantuan kepada semua Orang Asli miskin dan miskin tegar di samping itu mereka juga memberi bantuan di bawah program meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup. Mengikut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Kementerian telah berjaya mengurangkan kemiskinan daripada 3,257 ketua keluarga di negeri Selangor hanya 169 ketua keluarga tergolong miskin tegar dan selebihnya berada dalam kategori miskin dan mudah miskin dan data ini adalah pada tahun 2008. Dalam kemajuan pendidikan, ada pelbagai kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan untuk tahun 2008 dan 2009 terdapat 94 orang asli yang berjaya masuk dalam IPTA di negeri Selangor.

YB TUAN WONG KOON MUN : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN : Ok. Terima kasih. Terima kasih kepada Tuan Speaker, saya nak tanya berapa lamakah kerja-kerja ukur untuk tanah Orang Asli dapat di selesaikan. Tolong berikan satu tempoh. Yang kedua, memandang Orang Asli masih jauh ketinggalan dalam semua aspek walaupun ekonomi, pendidikan dan kesihatan tapi yang lebih menarik pada saya hari ini ialah kemudahan asas kepada Orang Asli kerana sentiasa saya dapat aduan daripada Orang Asli bahawa bila musim buah-buahan, durian khasnya apabila mereka kutip durian daripada dusun, mereka senyum sampai ke pekan durian pula senyum kerana asas ataupun akses jalan ke dusun itu tidak baik kerana tidak boleh disampaikan dengan semua kenderaan. Mereka terpaksa berjalan kaki untuk memikul durian dan serba salah saya sekarang ni Kerajaan Pusat di bawah Pimpinan Barisan Nasional memang berhasrat membantu Orang Asli tetapi sering kali kita menghadapi masalah. Kebenaran untuk membina jalan kepada Orang Asli, pada pandangan saya kita tidak boleh

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan tambahan.

YB TUAN WONG KOON MUN : Itu ada berkaitan, itu ada berkaitan.

TUAN SPEAKER : Heh! Jangan ambil peluang ini untuk berucap. Berucap semalam, panjang masa dua hari berucap tak ucapan. Terus pada soalan.

YB TUAN WONG KOON MUN : Soalan saya ada berkaitan dengan ini. Saya kena...

TUAN SPEAKER : Soalan terus, saya minta soalan.

YB TUAN WONG KOON MUN : Ok. Apakah cara, satu *solution* boleh kita bekerjasama tanpa fahaman politik untuk membantu Orang Asli. Sekian.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Kuala Kubu Baharu. Soalan mengenai kerja-kerja ukur bila ianya akan diselesaikan kita jangka pada tahun ini, 25 perkampungan Orang Asli akan siap dari segi pemetaan GIS ataupun GPS ini. Sejak bulan Mei, selepas latihan tersebut kita telah berjaya siapkan 4 perkampungan dan kalau kita mengikut jadual kerja seperti ini saya jangka pada akhir tahun ini kita memang boleh mewartakan 25 buah kampung dan saya juga harap kerjasama daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu kerana memang ada beberapa perkampungan Orang Asli di Hulu Selangor yang belum diwartakan dan perlu diwartakan. Keduanya, tentang isu kemudahan asas, saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini, bahawa peruntukan untuk memberi kemudahan asas,

bajet itu memang bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan juga Kementerian. Walau bagaimanapun saya memang difahamkan bahawa ada satu dua projek untuk memberi kemudahan asas seperti jalan yang jabatan dan juga Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu ingin menjalankan seperti di Hulu Selangor, memang proses ini bukan susah apa yang boleh dibuat adalah untuk membuat satu permohonan ataupun maklum kepada Majlis Daerah tersebut dan apabila semua perkara ataupun permohonan itu diluluskan kemudahan asas ataupun jalan itu boleh dimasukkan. Ada beberapa kawasan di mana memang jalan tidak boleh dibina ataupun dibangun seperti di kawasan hutan rizab, rizab sungai, hutan simpanan kekal dan sebagainya. Saya harap ini juga satu nasihat di mana Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu boleh memberi kepada beberapa Orang Asli yang duduk di Hulu Selangor. Kita ingin menolong mereka tetapi semua orang termasuk Orang Asli harus ya mematuhi peraturan yang sedia ada.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker, soalan susulan.

TUAN SPEAKER : Ya, Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Soalan susulan. YB. EXCO telah menyatakan bahawa ada juga rumah untuk PPRT untuk Orang Asli. Lazimnya kita menggalakkan mereka duduk dalam perkampungan mereka. Apakah sebab-sebabnya yang boleh.. apakah sebab yang menyebabkan kita menggalakkan mereka duduk di PPRT.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang Berhormat, Kota Damansara, maksud PPRT ini bukan flat PPRT tetapi rumah PPRT terdiri daripada rumah dua bilik ataupun tiga bilik ini bergantung kepada berapa besarnya keluarga jadi kemudahan untuk menyediakan rumah PPRT untuk beberapa keluarga Orang Asli di negeri Selangor sebenarnya juga tanggungjawab ini juga diambil oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli termasuk juga Lembaga Zakat Selangor. Ada beberapa yang perlukan rumah itu tetapi peruntukan daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak cukup jadi Kerajaan Negeri Selangor, kita dengan izinnya top up lah dengan beberapa permohonan yang kita telah terima.

TUAN SPEAKER : Bukit Damansara.

TUAN SPEAKER : Teluk Datuk.

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE : Soalan No. 16. Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT

16. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan kesemua nama Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor yang terkini.
- b) Sila kemukakan senarai nama dan tarikh sebenar Ahli Dewan Negeri Selangor dan Ahli Parlimen yang telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam kesemua GLC dan Anak Syarikat Negeri Selangor.

- c) Sila nyatakan secara terperinci apakah kriteria yang diguna pakai apabila membuat sesuatu pelantikan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, soalan daripada Teluk Datuk adalah mengenai Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Badan Berkanun dan Anak Syarikat. Beliau minta disenaraikan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun, Anak Syarikat negeri Selangor yang terkini.

Saya ingin membuat dua penjelasan, iaitu mengenai Badan Berkanun. Badan Berkanun ini seperti PKNS, PKPS dan Kumpulan MBI *Incorporated* adalah juga Badan yang dipanggil Badan Berkanun. Sebelum 2008, badan-badan dan syarikat-syarikat tersebut dalam jagaan KDEB, Kumpulan Darul Ehsan dan tidak beroperasi sebagaimana mereka ditubuhkan. Oleh itu saya segera mengambil usaha untuk menyusun semula Badan-badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat dan dikumpulkan dalam MBI *Incorporated* iaitu sebuah Badan yang ditubuhkan serupa macam Badan yang ditubuhkan di Persekutuan, iaitu *Minister of Finance Incorporated* dan di bawah MBI itulah kita asingkan dua kumpulan. Kumpulan Badan Berkanun dan Kumpulan Anak Syarikat MBI. Untuk Badan Berkanun kita adakan Lembaga-lembaga Pengarahnya seperti di Kumpulan Darul Ehsan dan Lembaga Pengarahnya dikuasai oleh MBI. MBI hanya dianggotai oleh tiga Ahli, iaitu Dato' Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, dan Pengarah Kewangan Negeri kerana kita hendak menentukan setiap harta negeri Selangor ini dikuasai oleh satu kumpulan yang dipilih berdasarkan statusnya bukan berasas persendirian iaitu setiap Dato' Menteri Besar hendaklah mempengerusikan MBI dan setiap Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi Ahli MBI dan setiap PWN ia juga menjadi Pengarah dalam MBI.

Dalam MBI kita ada Kumpulan Darul Ehsan. Kumpulan Darul Ehsan dan Lembaga Pengarahnya terdiri daripada Dato' Menteri Besar, Dato' Ramli sebagai SS dan Dato' Mohd. Arif Abdul Rahman dan satu lagi Ahli Pengarah yang kita masukkan dalam Kumpulan Darul Ehsan adalah Yang Berbahagia Dato' Abdul Karim Munisar. PNSB adalah syarikat yang ditubuhkan dalam MBI yang terdiri daripada 4 ahli Lembaga Pengarahnya, iaitu Dato' Menteri Besar, Dato' Mohd. Arif Abdul Rahman, PWN, Dato' Noordin bin Sulaiman Pengarah UPEN, Tuan Haji Ahmad Omar, CEO PNSB. Untuk SSIC, Selangor State *Investment Corporation*, Pengerusinya adalah Menteri Besar dan Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya terdiri daripada Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali, Puan Teresa Kok Suh Sim, Tuan Hj. Yaakob bin Sapari, Dato' Ramli Mahmud, Dato' Mohd. Arif Ab. Rahman, Dato' Noordin bin Sulaiman, Dato' Mohd. Jabar bin Kembali. Jadi itu *part* nya, untuk Tourism Selangor Sdn. Bhd Pengerusinya adalah Dato' Menteri Besar, YB. Elizabeth Wong, Dato' Ramli Mahmud, Dato' Noordin Sulaiman, Tuan Edward Lee Poh Lin, Datin Jasmin Abdullah Ng, Encik Karimar Muthu, Encik Wong King Hok.

Kita juga ada menuahkan Yayasan Anak Selangor (YAWAS) untuk menjaga Tabung Warisan Anak Selangor yang terdiri daripada 2 orang sahaja, iaitu Dato' Menteri Besar dan YB Puan Rodziah Ismail. Untuk CCIB, iaitu sebuah syarikat dalam MBI, ia dianggotai Dato' Menteri Besar, Dato' Ramli Mahmud, Dato' Mohd Arif Abdul Rahman dan Dato' Muhd Yunus Mat Said. Untuk Kumpulan Semesta yang hebat diperbincangkan, ahli-ahli Lembaga Pengarahnya adalah Abdul Syukur, Ir., Ramli Majed, Dato' Mohd Arif Ab. Rahman, Encik Wong Su Kok, Encik Muhd Khairul Othman dan baru-baru ini kita melantik 2 Pengarah yang baharu, iaitu YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei dan Encik Ganatirow a/l Viraman. Tarikh-tarikh mereka dilantik juga boleh saya hantar kepada setiap Ahli Dewan supaya dapat melihat dan kita juga boleh pos web site supaya Ahli Lembaga Pengarah menjadi bahan pengetahuan semua. Jadi bukannya ia rahsia. Kita pos dalam laman web supaya semua orang dapat melihatnya. Umpama apabila saya dilantik di Kumpulan Darul Ehsan pada 13 Mac 2008 selepas menjadi Dato' Menteri Besar. Dan

juga untuk PNSB pada 21 Mac, SSIC Sdn.Bhd. Lantikan secara automatik berdasarkan jawatan disandang dan EXCO-EXCO tertentu terus dilantik.

Untuk Tourism Selangor selain Dato' Menteri Besar dan Elizabeth Wong lantikan-lantikan itu berasaskan pada mereka dipilih daripada industri. Ada satu syarikat baharu dimasukkan ke dalam MBI, iaitu Bukit Beruntung Golf Central Club. Ini adalah syarikat yang kita ambil alih sebelum Talam kerana tidak membayar hutang. Jadi 5 Ahli Lembaga Pengarah yang kita lantik adalah Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman, Tuan Nor Hisham bin Muhd Dahlan, Tuan Tukiman bin Nail, Tuan Azizi bin Muhd Zain, dan YB. Amirudin bin Shari. Mereka ini dilantik daripada segi kapasiti mereka yang boleh menyelesaikan masalah-masalah mengenai Bukit Beruntung. Y.B. Amirudin bin Shari dimasukkan dalam Ahli Lembaga Pengarah tersebut berasaskan beliau juga terlibat dalam sukan di negeri Selangor, iaitu salah seorang Ahli Dewan yang bekerja dengan Dato' Menteri Besar untuk menjaga Belia dan Sukan. Bagi Komunikasi Corporation Sdn. Bhd. saya dilantik pada 18 Februari bersama-sama dengan Dato' Ramli , Dato' Arif dan Tuan Haji Yunus. Saya boleh poskan juga hari ini semua senarai ini supaya dapat diketahui oleh bukan sahaja Dewan tetapi oleh semua ahli masyarakat supaya mereka mengenali Ahli-ahli Lembaga, Pengarah Syarikat dan badan-badan ini.

Apakah kriteria digunakan untuk membuat sesuatu lantikan tersebut? Salah satu kriterianya, daripada segi perundangan. Maknanya, Dato' Menteri Besar mestilah menjadi Ahli Pengurus MBI itu sudah termaktub dalam perundangan atau Tatacara tubuh dan mereka yang..? Kedua, kita memilih kita sudah tetapkan EXCO-EXCO yang berkenaan menjadi ahli-ahli Lembaga Pengarah yang ditetapkan. Ketiga, ada juga Perbadanan yang perlu dimasukkan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mewakili Kerajaan Persekutuan iaitu seperti PKPS, PKNS semuanya mesti sekurang-kurangnya 2 wakil daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian yang berkenaan. Ini adalah salah satu daripada cara kawalan supaya syarikat-syarikat Perbadanan-perbadanan ini mengikut Tatacara yang dikehendaki oleh Pengurusan dan Pentadbiran badan-badan ini untuk negara. Seterusnya, barulah kita mengambil kira tentang mereka yang layak untuk bersama-sama di Lembaga-lembaga Pengarah dan badan-badan yang ditetapkan.

TUAN SPEAKER : Meru

YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Tuan Speaker soalan ke 17

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PRESTASI KETUA-KETUA KAMPUNG.

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Masih terdapat sebilangan ketua-ketua kampung tidak mencapai prestasi yang baik yang dihasrat oleh kerajaan negeri, berapakah bilangan mereka yang akan digugurkan untuk digantikan dengan orang yang lebih bertanggungjawab ?

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih kepada Jawatankuasa yang menyusul soalan nampaknya banyak soalan yang dikemukakan kepada saya. Soalan ke 17 Prestasi Ketua-ketua Kampung. Kerajaan Negeri telah menjadikan manual panduan kerja

JKKK sebagai garis panduan dalam menilai seorang Ketua kampung agar dia dapat berfungsi seperti mana dikehendaki oleh Kerajaan Negeri. Seorang Ketua kampung akan diambil tindakan jika gagal melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

1. Tidak mengadakan mesyuarat JKKK selama 3 bulan berturut-turut tanpa sebab-sebab munasabah.
2. Tidak menghadiri mesyuarat yang dijemput oleh Pegawai Daerah, Ketua Penolong Pegawai Daerah dan Penghulu selama 3 kali berturut-turut tanpa sebab munasabah.
3. Tidak menghadiri majlis rasmi Kerajaan Negeri di peringkat negeri dan daerah sebanyak 5 kali tanpa sebab-sebab munasabah.
4. Tidak memberi kerjasama kepada semua Jabatan atau agensi kerajaan.
5. Terlibat di dalam penagihan dadah atau aktiviti penyalaan dadah.

Sehubungan dengan itu, hanya 73% Ketua kampung telah mencapai prestasi yang sangat baik dengan memperoleh markah 85%. Dalam masa yang sama hanya seorang sahaja Ketua Kampung yang digugurkan untuk diganti dengan orang yang lebih bertanggungjawab. Kerajaan Negeri juga sedang menjalankan sedang membuat kajian untuk Pilihan Raya Ketua-ketua Kampung seluruh Negeri Selangor untuk mendapatkan bertanggungjawab lagi efisien dalam tugas-tugas, seandainya cadangan ini diterima akan datang Ketua-ketua Kampung akan dipilih melalui Pilihan Raya.

YB PAUN GAN PEI NEI : Soalan tambahan

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan berkaitan dengan sistem pemantauan kampung JKKK. Kita dapat memang ada kriteria- kriteria dan juga KPI-KPI yang diadakan

TUAN SPEAKER : Y.B. soalan ini adalah berkaitan dengan Ketua Kampung

YB TUAN LEE KIM SIN : Ya Ketua Kampung... Ya bagaimana sistem pemantauan dalam implementasinya memantau memastikan Ketua-ketua Kampung dan JKKK memang menepati kehendak kerajaan. Kita memang mendapat turun ke Hulu Selangor kita dapat sistem pemantauan memang ada kelemahan dan kekurangan sehingga peringkat ke akar umbi Ketua kampung tidak dapat dilaksanakan. Sekian lama dan apakah sistem pemantauan yang memastikan segala kriteria- kriteria diperlukan itu memang tercapai. Sekian, terima kasih.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Saya ucapkan terima kasih kepada Kajang di atas keprihatinan memastikan bahawa prestasi Ketua-ketua kampung dapat dipertingkatkan. Saya akui terdapat sedikit kelemahan di kawasan Hulu Selangor dan saya memastikan Penghulu-penghulu Mukim agar sentiasa memberi laporan kepada Ketua ADO yang bertanggungjawab memastikan semua kriteria- kriteria yang dikehendaki itu dilaksanakan.

TUAN SPEAKER : Meru

YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Soalan tambahan. Adakah setakat ini diadakan *Profession Period* atau kepada tempoh percubaan Ketua-ketua Kampung yang baru dilantik

untuk menilai prestasi mereka supaya setelah dinilai *Profession Period* ini mereka boleh dinilai kembali sama ada terus diserap ataupun tidak.

YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : 6 bulan tempoh percubaan yang diberi kepada Ketua-ketua Kampung sebahagian besar Ketua-ketua Kampung telah melepas. Sebelum disahkan Ketua-Ketua Kampung ini semakan demi semakan telah dibuat saya dan pejabat saya telah memanggil ADUN-ADUN juga untuk memberi komen dan cadangan sama ada untuk meneruskan atau menggugurkan Ketua-ketua Kampung yang telah diberi tempoh untuk perkhidmatan. Seandainya ada Ketua Kampung - Ketua Kampung yang gagal untuk berfungsi dan membantu kerajaan dalam menerangkan dasar kerajaan maka ADUN-ADUN berhak untuk menjalankan tersebut mudah-mudahan ada Pilihan Raya Ketua Kampung kali ini akan memberi ruang kepada Ketua-ketua Kampung untuk memilih Ketua-ketua Kampung yang layak Ketua Kampung tersebut.

YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Taman Medan

YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Ya apa usaha Kerajaan Negeri untuk menambah lagi bilangan Ketua-ketua Kampung Wanita?.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Mudah-mudahan dengan adanya Pilihan Raya kali ini ramai calon-calon Ketua Kampung - Ketua Kampung wanita yang bertanding dan akan dipilih dalam pilihan raya yang dipilih oleh penduduk kampung.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya

YB TUAN KHASIM BIN ABD. AZIZ : Tuan Speaker soalan No.18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
LEMBAH JAYA**

TAJUK : PEKERJA LADANG (*ESTATE*)

18. Di bawah EXCO Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan Dan Kerajaan Prihatin yang bertujuan membantu dengan membina jati diri Pekerja Ladang Rakyat (*Estate*) agar dapat keluar daripada belenggu kemiskinan material, intelektual dan spiritual.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- Berapa banyakkah peruntukan yang telah di gunakan untuk program sedemikian.
- Sejauh manakah keberkesanan peruntukan tersebut bagi meningkatkan pendapatan per-kapita mereka.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Lembah Jaya atas soalan ini. Sejak Kemerdekaan masyarakat pekerja ladang telah menjadi satu golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan negara. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor benar-benar berhasrat untuk menolong masyarakat ladang agar berjaya dalam bidang

pelajaran dan bebas daripada masalah sosial dan kemiskinan. Sebelum saya jawab soalan-soalan ini kita kena tahu keadaan di dalam Negeri Selangor sekarang tentang dengan ladang-ladang yang ada dan berapa jumlahnya penduduk di dalam ladang-ladang di Negeri Selangor. Kini terdapat dekat 10,500 pekerja ladang di 85 buah ladang di Negeri Selangor. Tetapi kurang daripada 40% adalah pekerja tempatan. Itu bermakna kita ada lebih kurang 4,000 pekerja-pekerja ladang dari negara kita. Pelajaran merupakan satu tangga untuk mencapai hasrat tersebut. Kerajaan Negeri Selangor telah mengendalikan beberapa program untuk kemajuan anak-anak masyarakat ladang melalui STANCO pekerja-pekerja ladang. Kita telah belanja dalam tahun 2009, kita telah beri subsidi bas. Subsidi bas yang diberikan untuk anak-anak ladang yang bersekolah menengah luar dari ladang-ladang berkenaan sebab mereka layak bayar dekat 80 sampai 90 ringgit sebulan tambahan bas untuk hantar anak-anak mereka ke sekolah. Kerajaan Negeri mengambil prihatin, sangat prihatin kepada isu ini dan kita telah memberi subsidi bas kepada semuanya pada tahun 2009 kita belanja dekat 43,000 ringgit untuk subsidi sekolah bas. Pada tahun 2010 subsidi ini meningkat kepada 520 pelajar dengan perbelanjaan dia 215,980 ringgit, anak-anak India 298 pelajar, anak-anak Orang Melayu 171 pelajar, dari Kaum Tionghoa 5 pelajar dan Orang Asli, anak-anak Orang Asli- 50 pelajar. Dari sini juga sebab kita hendak bagi tumpuan kepada pendidikan anak-anak kerja ladang kita telah belanja untuk membina makmal komputer di sekolah-sekolah di ladang-ladang di Negeri Selangor. Pada tahun 2009 kita telah belanja 340,000 ribu untuk membina 4 makmal komputer di 4 buah sekolah di Ladang Batu 4, Ladang Rasap, Ladang Akop dan di Ladang Taman Permata. Pada tahun ini kita telah laksanakan dua di Ladang Rinching dan juga di Teluk Merbau. Tiap-tiap makmal ini berjumlah 85,000 ringgit satu makmal. Selain dari ini untuk membangunkan sekolah-sekolah di dalam ladang untuk majukan pendapatan mereka dan meningkatkan taraf hidup orang-orang kerja di dalam ladang, Kerajaan telah belanja dekat 540,816 ringgit untuk sekolah-sekolah dengan kerja-kerja infrastruktur di dalam sekolah-sekolah ini. Untuk membangunkan taraf pendidikan kita telah belanja dekat 112,000 ringgit untuk program-program untuk meningkat taraf anak-anak kita di dalam peperiksaan UPSR sahaja 15 buah sekolah kita telah belanja sekali. Untuk pekerja-pekerja ladang kita akan gunakan *micro credit* yang kerajaan negeri telah luluskan untuk bantu mereka-mereka yang nak mulakan perniagaan-perniagaan kecil di golongan mereka. Ada ramai di dalam estet sampai sekarang tidak dapat air percuma tidak dapat air yang bersih. So sekarang kita kerja dengan syarikat-syarikat berkenaan yang itu di dalam Kerajaan Negeri Selangor. Tiga syarikat besar yang *early* peladang ialah Sime Darby, KL Kepong dan Berjaya Group. Dalam jangka panjang kita hasrat ialah untuk membina satu asrama untuk anak-anak kerja ladang di dalam Negeri Selangor untuk bawa kita keluar dari pinggiran yang ada sekarang dari kemiskinan untuk mereka menjadi individu-individu yang paling bagus di dalam negara kita. Kita juga membawa anak-anak ladang dan selain itu tabung ini digunakan untuk menaja mana-mana anak pekerja ladang yang berkelayakan untuk menjalani latihan kemahiran teknikal di Kolej INSPEL Selangor, tabung ini turut memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah juga yang saya telah katakan. Selain dari bantuan yang dihulurkan kepada sekolah kita pun mampu untuk bayar bantuan yuran kolej ataupun IPTA yang sekarang dihadiri oleh anak-anak pekerja ladang ini dan kita harap dalam masa depan kita boleh juga memberi bantuan kepada anak-anak di ladang melalui membina tadika-tadika di dalam sekolah di dalam ladang berkenaan. Sampai sekarang pada tahun 2009 kita telah bina 15 bilik darjah untuk tadika khas khususnya untuk tadika di dalam 15 di dalam 9 sekolah di dalam ladang-ladang berkenaan so inilah langkah-langkah yang kita ambil untuk bantu pekerja-pekerja ladang untuk keluar dari golongan kemiskinan di dalam Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Soalan tambahan. Beberapa perkara saya hendak timbulkan. Soalan yang pertama adakah Kerajaan Negeri membantu bekas pekerja-pekerja ladang yang tidak tinggal di ladang? Yang keduanya, apakah peranan syarikat-syarikat perladangan untuk membantu mengatasi masalah ini dan ketiganya juga kalau kita memberi *mikrokredit* adakah tindakan susulan ataupun pengurusan untuk mengukuhkan kedudukan mereka di dalam perniagaan?

TUAN SPEAKER : Ini dah keluar tajuk ni? *Micro Credit* pulak masuk.

Y.B TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Ya berkenaan *micro credit*.

TUAN SPEAKER : Janganlah apa tu melencong sangat. EXCO semua sebutkan nak melencong bukan tanggungjawab dia juga.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Maaf.

TUAN SPEAKER : Silakan ya Seri Andalas.

Y B TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih. Kita ada sedikit masalah dengan bekas-bekas pekerja ladang ini yang kita hadapi ya sebab kerajaan yang lepas tidak memberi perhatian kepada bekas-bekas pekerja ladang sebab itu kita ada masalah sosioekonomi di dalam golongan pekerja-pekerja ladang itu di dalam ladang dia diarah keluar dari ladang-ladang ini tanpa mengadakan tempat untuk duduk ramai tidak ada rumah so mereka masuk ke dalam golongan miskin di dalam bandar yang itu dan sekarang hasrat kita untuk dapatkan satu penyelesaian di dalam isu ini iaitu kita sedang berbincang dengan syarikat-syarikat besar di dalam Negeri Selangor untuk bekas-bekas pekerja ini satu maslah besar ialah perumahan untuk duduk mereka tidak ada tempat masing-masing so kita akan ada perbincangan dan kita akan buat satu polisi melalui Negeri Selangor kalau kita hendak bawa polisi itu jadi satu enakmen di dalam dewan ini juga kita sedang berbincang untuk syarikat-syarikat berkenaan untuk tentukan bahawa kerja-kerja ladang yang keluar dari kerja ini akan diberikan tanah untuk membina rumah masing di dalam ladang masing-masing juga. *This is* dengan izin *in discussion* dan saya akan bawa ini kepada dewan siap sedia pada tahun yang akan datang. Memang kita berbincang dengan syarikat-syarikat berkenaan kita tadi saya katakan kita ada 3 syarikat terbesar yang ada tanah-tanah besar yang ada ladang-ladang besar Sime Darby, KL Kepong dengan Berjaya. Kita telah berunding dengan tiga-tiga syarikat ini untuk kita cari bagaimana untuk kita selesaikan masalah-masalah kerja-kerja ladang yang kita ada. Sudah lama dah kita ada bukan masalah baru ya. Masalah ini kita ada selepas kemerdekaan negara kita sampai sekarang masalah ini tidak diselesaikan so sekarang kita ambil perhatian dan kita akan cuba untuk dapatkan persefahaman dari semua pihak yang iaitu syarikat ladang, pekerja union, UPW(Unit Plantion Workers) dengan pekerja ladang dan bekas-bekas pekerja ladang untuk selesaikan maslah ini.

YB TUAN YAP EE WAH : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, berbalik kepada soalan yang dijawab oleh EXCO kita ini di Sepang, ladang Sepang semasa Kerajaan Negeri Barisan Nasional bekas pekerja ladang ditempatkan ke rumah murah yang dibikin oleh developer dan Kerajaan Negeri bantu begini juga di Ladang Teluk Merbau . Jadi selain daripada apa yang digantung, bergantung kepada Syarikat Sime Darby, KL Kepong, rasa

sayalah rasa ada tak cadangan Kerajaan Negeri supaya wujudkan tanah Kerajaan Negeri kepada pekerja-pekerja ladang apabila mereka bersara supaya mereka boleh ada rumah sendiri. Adakah perancangan ini daripada Kerajaan Negeri untuk membantu pekerja ladang yang akan bersara dan mendapat rumah kediaman pada masa yang akan datang. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAN : Terima kasih Sungai Pelek. Tadi saya telah katakan bahawa tanggungjawab kerja-kerja ladang adakah dia masih kerja di ladang ataupun bekas kerja-kerja ladang tanggungjawab ialah di atas syarikat-syarikat pemilik ladang-ladang masing-masing. Ini sekarang kita cadangkan tadi untuk mengadakan satu polisi dari Negeri Selangor untuk syarikat-syarikat ataupun pengurus ataupun pemilik-pemilik tanah ladang-ladang ini untuk memberi tanah di dalam ladang-ladang masing-masing sebelum ditukarkan kepada pembangunan yang lain untuk memberi tanah-tanah di dalam ladang untuk pekerja-pekerja di dalam ladang. Adakah dia bekas atau tak bekas tidak apalah. Kita akan syorkan bahawa ladang-ladang ini bertanggungjawab untuk itu. Ini bukan tanggungjawab kerajaan untuk kita beri tanah kepada bekas kerja-kerja ladang. Tanggungjawabnya ialah kita negeri akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat berkenaan untuk memberi tanah di dalam ladang-ladang masing-masing untuk pekerja-pekerja yang ada di dalam, itu polisi yang kita akan bawa dalam tempoh satu tahun.

TUAN SPEAKER : Batang Kali. Tak datang? Sabak ?

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : ARAK

20. Penjualan arak di kawasan majoriti orang Islam telah menjadi polemik dalam masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah arak boleh dijual di kedai serbaneka seperti 7-eleven di Shah Alam malah turut berlaku di pekan kecil seperti Sabak Bernam sedangkan hal ini tidak berlaku sebelum ini ?
- b) Apakah mekanisme yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa agama dalam membendung penjualan arak di kawasan majoriti Islam?
- c) Jika ada, apakah jaminan pihak berkuasa agama bahawa mekanisme tersebut memang boleh dilaksanakan. Adakah pihak berkuasa agama bersetuju jika saya kata kan bahawa ada pihak tertentu yang memang mahukan agar arak mudah diperolehi.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih wakil daripada Sabak. Permasalahan mengenai minuman keras ini kita bersama-sama dengan rakyat Negeri Selangor ini memanglah pertama sekali sebagai orang Islam kita tidak mengizinkan mana-mana orang Islam terlibat dalam minum arak itu yang pentingnya. Yang kedua oleh kerana Selangor ini adalah merupakan negeri majmuk boleh dikatakan 50-50 penduduknya jadi untuk kita membuat

satu *total planning* tentang arak ini mungkin tidak dapat dilakukan. Yang ketiga yang hendak disebutkan tentang apa yang ditanyakan kepada saya tentang bagaimana caranya hendak menguatkuasakan kalau mengikut soalan yang ditanyakan terdapat tempat-tempat di Shah Alam kedai-kedai seperti *outlet* 7-Eleven dan sebagainya dan juga sampai ke Sabak Bernam saya diberitahu dapat lagi penjual-penjual arak di kawasan yang kebanyakannya penduduknya terdiri daripada orang-orang Islam. Saya ingin nyatakan di sini dengan nasihat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah cuba satu *method* yang dinamakan *self regulate* dan *method* ini kita telah cuba hampir setahun dahulu dan didapati kesannya sangat-sangat menggalakkan. *Outlet-outlet* 7-Eleven dan *outlet-outlet* yang lain di Shah Alam ini yang menjadi projek perintisnya didapati hampir semuanya telah mengeluarkan arak daripada rak-rak jualan arak di kedai-kedai tersebut. Ini yang kita dapat perangkaan-perangkaan yang secara berkala dibuat oleh JAIS, pegawai berkuasa JAIS dan juga oleh Jawatankuasa Masjid Surau yang juga bertanggungjawab melaporkan kepada kita tentang hal-hal yang berkaitan dengan penjualan arak ini. Tuan Speaker, saya ingin juga menyatakan perkara tentang arak di kawasan orang Melayu, orang Islam terutamanya, perkara ini boleh ditangani dengan syarat setiap orang Islam terutamanya dan juga organisasi-organisasi memberikan perhatian kepada hal-hal yang berkaitan dengan penjualan arak ini supaya setiap orang menggunakan mata dan telinga mereka untuk menghilangkan fenomena-fenomena ini yang dikatakan sebagai haram pada pandangan orang Islam. Oleh itu saya ingin mencadangkan Tuan Speaker kita ada tiga puluh lapan ribu orang ahli Jawatankuasa Surau, kita ada sepuluh ribu lebih kurang orang Ahli Jawatankuasa Masjid, kita ada lima ribu dua ratus orang JKKK tak masuk lagi Ahli Majlis, tak masuk lagi YB-YB daripada kedua-dua pihak ini untuk membantu JAIS kerana Pegawai Penguat kuasa JAIS bilangannya tak lebih daripada seratus orang begitu. Seratus orang nak dibahagikan kepada semua tempat adalah mustahil bagi mereka dapat menjalankan tugas dengan berkesan. Jika sekiranya tiap-tiap orang yang telah diserahkan amanah dan sebagai mana yang diketahui masjid-masjid pun mempunyai Penolong Pegawai Penguat kuasa yang tugasnya untuk melaporkan kalau terdapat misalnya penjualan arak dan orang-orang Islam memberi arak di tempat-tempat yang tidak diizinkan itu mereka melaporkan dan Pegawai Penguat kuasa JAIS akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghilangkan fenomena ini. Saya sangat yakin kalau misalnya semua memainkan peranan lima puluh tiga ribu orang memainkan peranan ini tidak termasuk *members of public*, orang awam dan sebagainya, kalau semua memainkan peranannya saya fikir masalah ini, saya fikir masalah ini dapat dihapuskan. Apa pun saya ingin menyatakan kedudukan tentang penjualan arah, minuman arak dalam situasi dalam Negeri Selangor ini sejak dua tahun empat bulan yang lalu, rata-ratanya seperti yang dirakamkan lebih baik daripada sebelum tahun 2008. Jadi saya berharap supaya teman-teman terutamanya YB sendiri yang menanyakan soalan ini akan dapat lebih aktif. Kita bawak kat sidang ini baik tapi yang eloknya YB dapat sebagai pimpinan di peringkat akar umbi, pimpinan di peringkat kawasan, pimpinan di peringkat mana pun dapat mengambil daya utama sebagai pelapor-pelapor dan petindak-petindak untuk menghilangkan fenomena haram yang dinamakan penjualan arak ini. Sekian, terima kasih.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Tuan Speaker, soalan susulan.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya nak bertanya pada Yang Berhormat Gombak Setia, sama ada negeri-negeri lain di bawah Barisan Nasional ada peraturan seperti *self regulation* yang dibuat di Negeri Selangor.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Seri Setia, setahu saya lah tidak ada. Jadi kita mengucapkan sepatutnya saudara-saudara mengucapkan Tahniah kepada YAB

Menteri Besar dan teman-teman yang telah mengutarakan. Ini satu *method* yang agaknya *diplomatic*, satu *method* yang *settle* daripada kita meredah begitu sahaja itu saya rasa satu *method* yang agak *barbaric* sifatnya begitu memang dari segi Islam pun tidak mengizinkan pendedahan pengambilan tindakan yang sedemikian tapi secara *settle*, secara *mauiddah*, secara *hasanah*, secara baik inilah cara yang paling disanjung oleh Islam dan inilah pendekatan yang sedang diambil oleh JAIS, yang sedang diambil oleh EXCO yang sedang diambil oleh pentadbiran Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Kelang.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih tuan Speaker, Soalan saya ialah soalan nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: KELULUSAN MILIKAN TANAH DAN KEBENARAN MENDUDUKI SEMENTARA.

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- Sepanjang pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat, berapakah jumlah milikan dan guna tanah yang telah diluluskan.
- Apakah kaedah kelulusan dan pemantauan untuk milikan tanah atau kebenaran menduduki sementara yang diamalkan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker. Yang Berhormat dari Sijangkang minta memberikan perangkaan tentang kelulusan milikan tanah dan kebenaran menduduki sementara. Apabila kita dapat melihat pengurusan harta tanah dan Pejabat Tanah di Selangor kita dapati terlalu ramai masyarakat di negeri Selangor mempunyai hak pemilikan sementara atau TOL, *Temporary Occupation License* walaupun mereka sudah duduk di tanah-tanah tersebut dan membuat rumah di atas tanah-tanah tersebut begitu lama sehingga setengahnya melebihi 30 tahun. Dan cara yang dibuat oleh penyelesaian yang dibuat sebelum Mac 2008 adalah dengan cara dari semasa ke semasa membenarkan permohonan untuk diberikan hak milik yang bukan sementara lagi tetapi milik pajakan selama 99 tahun. Walau bagaimanapun, cara ini dibuat secara permohonan berasingan, maknanya di kampung tersebut kalau ada seratus orang dalam hak milikan sementara hanya satu atau dua dibawa kertas permohonan supaya diluluskan. Kita rasa cara itu, pertama tidak efisien, kedua, ada terdapat keadaan diskriminasi daripada segi mereka yang layak yang sepatutnya diberikan hak milik tidak dapat berbuat demikian.

Satu langkah yang dijalankan kerajaan sekarang adalah kita ingin menyelesaikan masalah pemilikan tanah ini secara total maknanya secara kumpulan. Dan ini kita mengambil sikap supaya Pegawai Daerah menyelesaikan masalah penempatan dan pemilikan tanah untuk tiap-tiap kampung sekali. Maknanya tidak lagi dibuat dengan cara berasingan tetapi menyelesaikan masalah tersebut secara total kalau mereka yang tak tau pun tentang hak mereka pun kita benarkan mereka membuat permohonan. Jadi kita cari mereka bukan mereka datang ke Pejabat Daerah menunggu berjam-jam supaya dapat peluang pemilikan tanah. Dan untuk

kaedah ini kita sudah lakukan dan di Kelang sahaja kita sudah dapat menyelesaikan lebih 200 kes, Sabak Bernam pada tahun 2008 sebanyak 104 kes, Sepang 100, Hulu Selangor 155, Gombak 332, Hulu Langat 274, Petaling 91, Kuala Langat 31 dan Kuala Selangor 152. kesemua ini boleh bertambah-tambah dan *target* kita adalah supaya dalam masa 3 tahun kita dapat menyelesaikan masalah permohonan untuk memiliki, memajak tanah.

Walau bagaimanapun, kita mengharapkan dan menentukan Pegawai-pegawai Daerah, SO *Settlement Officer* dan semua yang berkenaan mengadakan usaha secara profesional, dengan ada laporan teknikal, maknanya mereka mesti ada laporan teknikal dan kelulusan dasar kemudian adakan penilaian tanah dan harganya kita hendak berikan dengan harga yang sangat berpatutan. Boleh jadi ada sesetengah menggunakan perkataan murah, kemudian notis bayaran premium dan pemantauan. Jadi, ada proses yang kita lakukan dan semua Pejabat Daerah dikehendaki untuk turun padang untuk menyelesaikan masalah pemilikan tanah dan oleh sebab terlalu banyak masyarakat kita menduduki rumah-rumah mereka dengan hak milik sementara yang tak tau bila masa mereka memiliki atau tidak ataupun boleh dihalau keluar daripada tanah-tanah tersebut.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker, soalan nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PERLANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN PEMUTIHAN KILANG HARAM

23. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan melanjutkan tempoh permohonan untuk pemutihan kilang haram?
- b) Berapakah kilang haram yang telah diputihkan semenjak tahun 2008 dan berapakah kilang haram yang masih belum diselesaikan?
- c) Berapakah pendapatan yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 melalui operasi pemutihan kilang ini?

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Subang Jaya. Tuan Speaker, mengenai pencapaian program kilang tanpa kebenaran sehingga Mei 2010 jumlah 1002 lot tanah iaitu 45% daripada 2248 lot tanah yang telah disenaraikan yang telah memohon tukar syarat tanah. Di antara nya 883 permohonan telah diluluskan, manakala 33 kes ditolak dan 78 kes ditangguhkan. Kita boleh mengatakan sebanyak 40% kilang tanpa kebenaran telah diputihkan di Selangor. Jumlah hasil yang dapat dikutip iaitu dari segi bayaran premium dan permit sementara tanah sehingga Mei 2010 ialah 93.5 juta ringgit. Berbanding dari tahun lepas iaitu sehingga Jun 2009 adalah 64.5 juta ringgit telah bertambah sebanyak 29 juta ringgit. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat EXCO pada 30 hari bulan Januari 2008 iaitu sebelum Pilihan raya Umum Ke 12 telah membuat keputusan supaya program ini dilanjutkan sehingga bulan Jun 2010 iaitu telah tamat pada bulan lepas. Namun begitu Kerajaan Negeri akan mengkaji semula isu perlanjutan tempoh isu pemutihan ini. Ini adalah untuk memberi peluang

kepada pengusaha kilang pemilik tanah terus beroperasi secara sah dan mampu menyumbang ke arah pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Sekian.

TUAN SPEAKER : Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, soalan nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : **LESEN INDUSTRI BURUNG WALID**

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah garis panduan yang terbaru tentang pengurusan industri burung walid akan diluluskan?
- b) Senaraikan kawasan yang telah dikenal pasti sebagai zon industri burung walid mengikut daerah?
- c) Badan manakah yang bertanggungjawab terhadap segala pemanduan dan juga aduan awam dalam pengurusan industri burung walid?

YB TUAN LIU TIAN KHI EW : Terima kasih Rawang. Untuk makluman ini adalah soalan mengenai burung walid. Untuk makluman Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif mewujudkan undang-undang kecil berkaitan dengan perlesenan burung walid sahaja di peringkat negeri melalui perbincangan bersama Pihak Berkuasa Tempatan Selangor. Memandangkan buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang masih merangka garis panduan perusahaan burung walid yang lebih terperinci untuk diguna pakai di seluruh Malaysia. Semalam dari berita Menteri berkenaan ada menyentuh beberapa syarat mengenai industri burung walid tetapi bagaimanapun kita masih menunggu garis panduan yang sepenuhnya daripada Kementeriannya. Di samping itu Kerajaan Negeri telah mengadakan Bengkel Penetapan Dasar Kerajaan Negeri, pelan pemutihan dan prosedur perlesenan pemajuan pengusahaan burung walid Negeri Selangor yang melibatkan beberapa jabatan teknikal, antaranya Pejabat Tanah dan Daerah, PBT, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Persatuan Perusahaan Burung Walid dan beberapa jabatan berkaitan. Tujuan bengkel berkenaan dilaksanakan adalah bagi memudahkan penyelarasaran dari segi peraturan dan juga prosedur yang akan diguna pakai oleh setiap jabatan yang terlibat dalam pengurusan pemutihan, pembangunan mahupun perlesenan perusahaan burung walid. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri kini masih dalam tindakan semakan dan penambahbaikan ke atas undang-undang kecil tersebut dan juga prosedur pengurusan pemutihan, pembangunan serta perlesenan industri burung walid. Setelah selesai semakan UUK ataupun undang-undang kecil dan prosedur berkenaan akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan diharapkan Kerajaan Negeri dapat membantu memperkembangkan industri burung walid di Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Berdasarkan beberapa perbincangan melalui Bengkel Penetapan Dasar Kerajaan Negeri, Pelan Pemutihan dan Prosedur Perlesenan Pemajuan Pengusahaan Burung Walid Negeri Selangor yang telah diadakan pada 8 hari bulan hingga 9 hari bulan Jun 2010 telah dipersetujui agar zon industri burung walid tidak praktikal untuk diwujudkan memandangkan habitat burung walid adalah bersifat semula jadi di mana burung walid tidak boleh dipaksa untuk berpindah ke kawasan yang telah disenaraikan sebagai zon industri burung walid. Untuk makluman, cadangan penyusunan industri burung walid tersebut telah pun dilaksanakan di peringkat negeri Kedah dan Kelantan namun gagal. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih membuat semakan dan kajian ke atas pembangunan dan perusahaan burung walid yang dicadangkan hanya boleh dijalankan di kawasan tertentu sahaja. Buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum memutuskan badan yang bertanggungjawab terhadap segala pemantauan dan juga aduan awam dalam pengurusan industri burung walid. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bercadang agar Jabatan Perlesenan PBT akan bertanggungjawab ke atas sebarang aduan berkenaan perlesenan burung walid manakala Pejabat Tanah dan Daerah akan bertanggungjawab ke atas sebarang aduan yang melibatkan perusahaan burung walid di tanah pertanian, persisiran sungai dan tanah puncen di mana akan dibantu oleh tiga (3) agensi utama iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor . Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan Tuan Speaker. Saya ingin satu kepastian ataupun ada tak satu *time frame* dengan izin yang akan ditentukan oleh pihak Kerajaan Negeri sebab kalau kita nampak dalam industri burung walid ini memang merupakan salah satu sumber sekiranya kita dikawal dengan baik dan dipantau dengan baik dan sekiranya kita masih ladi menunggu garis panduan ataupun undang-undang yang ditetapkan oleh Jabatan Veterinar Malaysia kita nampak sekarang dah, saya rasa dah dua (2) tahun lebih, kita masih lagi menunggu garis panduan, jadi ada tak kemungkinan Kerajaan Negeri sendiri mewujudkan satu UUK ataupun enakmen untuk mengawal memandangkan sekiranya kita beri tanggungjawab kepada Jabatan Perlesenan ataupun PBT mereka juga tiada UUK ataupun panduan yang boleh digunakan. Apakah kuasanya mereka untuk menguatkuasakan ambil tindakan, itu pertanyaan saya.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, pandangan daripada Rawang memang tepat dan saya, kita pun sangat bersetuju sebab itu kita telah mengambilkan inisiatif untuk mengadakan bengkel supaya satu garis panduan dan juga undang kecil boleh digubal. Kita tidak boleh tunggu lagi Veterinar Malaysia tetapi walau bagaimanapun kita memang dimaklumkan oleh Veterinar Malaysia melalui Kementerian Pertanian bahawa kita tidak boleh seharusnya menunggu panduan kerana mereka tidak mahu satu garis panduan dikeluarkan oleh negeri bercanggah dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pertanian Malaysia. Sebab itu kita tunggu, tetapi mereka pun sudah janji bahawa garis panduan itu boleh disiapkan pada penghujung 2019 lepas itu, tak jadi juga, 2009 tetapi tak jadi juga sebab itu kita teruskan kita *proceed* dengan izin dengan bengkel kita dan undang-undang kecil itu telah, boleh dikatakan sudah siap, tetapi masih menunggu dengan izin *fine townie* tak lama lagi dan kita menjangka sekarang Menteri Veterinar telah menyentuh beberapa syarat, nampaknya kemungkinanlah garis panduan itu telah pun disiapkan dan kita akan cuba dapatkan garis panduan itu supaya kita tidak bercanggah sangat dan kalau itu pun tidak boleh kita rasa kita harus, kita harus teruskan undang-undang kecil tersendiri dan kita menjangka ini boleh, semua ini boleh disiapkan pada hujung tahun ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Ini adalah soalan tambahan. Saya nak minta penjelasan pandangan daripada Yang Berhormat EXCO Pandamaran mengenai dengan penternakan industri burung walid ini. Kita sedia maklum, di daerah Sabak Bernam khususnya di DUN Sekinchan ini sekarang industri burung walid ini sudah berkembang bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan ye dan di bendang-bendang, kalau Yang Berhormat datang ke Sekinchan akan nampak hotel-hotel bertaraf lima (5) bintang empat (4) tingkat, lima (5) tingkat untuk burung walid bukan untuk manusia dan sehubungan itu saya nak minta, apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu kawasan yang khas dan kerajaan ambil inisiatif peruntukan tanah di daerah Sabak Bernam untuk pada penternak burung walid ini supaya mereka dapat berkumpul di kawasan tersebut supaya tidak menjelaskan industri ini agar nampak tidak tersusun dan sebagainya khususnya di kawasan luar bandar ini. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEN : Tuan Speaker, pandangan Sekinchan memang tepat juga kerana setakat ini oleh kerana kekurangan pemantauan dan juga susunan yang teratur jadi sampai hari ini kita boleh nampak ini rumah burung walid di sini, di sana dan sebagainya, tetapi bukan senang, bukan senang untuk, kerajaan untuk mengenal pasti satu zon yang sesuai untuk burung walid, bukan senang sebab ini adalah satu keadaan yang semula jadi. Jadi walau bagaimanapun kita akan membuat kajian dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan kita akan kalau ada tempat yang boleh digunakan kita akan gunakan tetapi sampai untuk zon khas untuk burung walid itu, kita tak berani buat demikian kerana ini, ini ada, ada dengan izin *involved* banyak kepakaran dan sebagainya. Untuk makluman dewan yang mulia, pada setakat ini hanya 30 peratus pengusaha burung walid yang berjaya, 17 peratus masih gagal. Itu satu kenyataan sekarang, sebab itu kita pun tak berani buat, katakan ini tempat yang sesuai tak sesuai. Sebagai kerajaan kita, terpulanglah kepada pengusaha-pengusaha untuk memastikan tempat mana mereka mahu mendirikan rumah burung walid dan memang di Sabak Bernam dan di tempat-tempat yang lain ada kedai-kedai, rumah kedai digunakan sebagai rumah walid kerana mereka tidak dapat menyewa kepada peniaga-peniaga tempatan tetapi ini telah membangkitkan masalah jugalah kerana jiran-jiran yang tidak mahu burung walid itu, mereka kata bisinglah dan sebagainya. Sebab itu satu undang-undang kecil amat-amat diperlukanlah di negeri Selangor dan kita pun tahu kerana pengusaha pun telah membuat aduan kerana mereka sangat-sangat khuatir apabila kita ada undang-undang kecil yang baru, mereka akan disingkir ataupun dihalau daripada menggunakan rumah kedai yang sedia ada itu tetapi saya rasa perkara ini harus dikaji dengan baik-baik di antara Kerajaan Negeri juga Kerajaan Pusat dan juga kerajaan tempatan supaya satu dengan izin *solution* dapat diadakan supaya kepentingan semua pengusaha burung walid dapat dipertahankan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kalau tidak buat zon nanti, burung tak datang tidak guna. Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker, soalan 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : MENANGANI ISU PERAKUMAN

25. Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak isu-isu yang mencetuskan sentimen perkauman di kalangan rakyat. Kita juga telah menyaksikan beberapa saat genting pada tahun 2009 apabila terdapat beberapa pihak yang ingin mengapi-apikan emosi dan perasaan benci di kalangan kaum.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu sedemikian?
- b) Apakah perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk memupuk pembinaan suatu negeri tanpa manipulasi isu perkauman?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Damansara yang bertanyakan mengenai isu perkauman. Katanya sejak kebelakangan ini terdapat banyak isu yang mencetuskan sentimen perkauman dalam kalangan rakyat. Kita juga pernah menyaksikan beberapa saat genting pada tahun 2009 apabila terdapat pihak yang ingin mengapi-apikan emosi dan perasaan benci dalam kalangan kaum. Apakah tindakan Kerajaan Negeri mengenai isu sedemikian?

Antara usaha kita adalah untuk menentukan tiada perbezaan kaum dan agama dan juga dari segi status ekonomi ialah melancarkan program merakyatkan ekonomi. Program merakyatkan ekonomi telah membanteras konsep perbezaan kaum dan juga perbezaan agama dan oleh sebab itu, konsep ini telah kita mula laksanakan seperti dalam Tabung Warisan Anak Selangor maknanya mereka yang lahir di negeri Selangor tidak kira ibu bapanya dari bangsa mana ataupun agama mana boleh diterima supaya anaknya dimasukkan dalam Skim Tabung Warisan Anak Selangor. Serupa juga Skim Mesra Usia Emas yang khairat kematian itu diberikan kepada keluarga mereka yang meninggal dunia dalam golongan warga usia emas mendapat kebaikan daripada usaha tersebut. Perkara yang paling penting, kita sudah beri bekalan air percuma. Sejumlah 3,000,436 masyarakat Selangor dapat menikmati perkhidmatan pemberian air percuma dan anak-anak pekerja ladang juga kita tidak mengikut bangsa tetapi mengikut status pekerjaan. Jadi, usaha ini dapat membanteras isu perkauman.

Kedua, saya berpendapat, perkara yang penting dalam, kita mesti menerima hakikat bahawa daripada segi isu-isu ini, negeri Selangor mempunyai taburan penduduk yang menggambarkan keadaan di Malaysia, iaitu orang Melayu melebihi 50 peratus dan kaum Cina dan kaum India adalah kumpulan mereka yang jika di campur bersama-sama hingga ke 98 peratus. Jadi, saya membuat beberapa perangkaan mengenai komposisi kaum di kawasan PBT di negeri Selangor. Kajian-kajian kita menunjukkan taburan-taburan penduduk daripada kaum Melayu, Cina dan India menguasai lebih 90 peratus penduduk di kawasan-kawasan PBT. Tetapi yang penting bagi kita adalah konsep bahawa semua rakyat dalam negeri Selangor ini mempunyai peluang dan peluang itu diasaskan pada konsep keperluan bukan perkauman. Konsep keperluan, jika mereka miskin adalah tanggungjawab untuk Kerajaan Negeri memberi pertolongan kepada mereka. Semua rakyat negeri Selangor perlu diberikan pendidikan yang sempurna tidak kira daripada keluarga yang kaya ataupun keluarga yang miskin. Tidak kira daripada kaum siapa dan tidak kira daripada agama mana dan tidak kira juga daripada parti mana. Jadi kita mengambil kira dalam usaha pembangunan masyarakat yang menyeluruh. Dengan itu maknanya negeri Selangor adalah *colour blind*, maknanya kita buta daripada segi memilih kaum jadi itu sangat penting daripada segi satu pemerintahan dan satu kepemimpinan yang beranggapan bahawa negeri ini adalah hak rakyat semua dan pentadbirannya mestilah merangkumi. Walaupun kita juga mesti menerima hakikat bahawa kaum Melayu merupakan

kaum terbesar di negeri ini dan menghormati daripada segi adat dan tata tertib mereka dan menjaga kepentingan daripada segi adat dan istiadat dan seterusnya. Kita juga mesti memahami kebudayaan kaum Cina dan kebudayaan kaum India. Kesemuanya adalah dirangkumi dalam satu usaha untuk pembangunan bersama.

Jadi konsep merakyatkan ekonomi ini akhirnya mampu menyelesaikan masalah yang besar iaitu terdapat jurang. Maknanya *the gap* antara mereka yang berada dan mereka yang tidak berada, dan terdapat jurang yang mengasingkan kaum. Jadi usaha ini merakyatkan ekonomi ini jika berjaya dia menyelesaikan semua bentuk jurang ini, akhirnya Selangor, sudah tentu negara Malaysia berjaya daripada segi pembangunan yang menyeluruh yang dianggap, iaitu satu cita-cita kita semasa kita merdeka dahulu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, terima kasih. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya YAB Tan Sri, berhubung dengan isu perkauman ini. Program-program yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri memang buta warna dan tidak mengira mana-mana kaum untuk diberi bantuan, itu yang saya sanjung dan saya ucapkan tahniah khususnya dalam skim merakyatkan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun saya ingin bertanya kepada YAB Tan Sri bersetuju kah YAB isu perkauman ini dalam konteks isu perkauman ini salah satu punca yang menyebabkan isu perkauman ini berleluasa dan diteruskan dan diapi-apikan oleh wujudnya parti-parti politik yang berteraskan perkauman seperti UMNO, MCA, MIC dan kalau setuju YAB Tan Sri parti-parti ini dibubarkan segera. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya memandang ia tidak perlu. Ia bukan suatu usaha yang perlu kita lihat daripada segi penggunaan sumber-sumber ekonomi. Pada saya perlaksanaan pentadbiran dan juga pengurusan pembangunan jika dibuat secara yang baik dan telus boleh memberikan alternatif kepada rakyat dan itu terpulang kepada rakyat untuk membuat keputusan. Alternatif itu sudah jelas dalam negeri Selangor bahawa pengurusan ekonomi merakyatkan ekonomi boleh memberi alternatif yang lebih telus dan saya menganggap ia lebih berkesan dan rakyat mempunyai satu pilihan yang dahulunya tidak mempunyai pilihan sebegini supaya dapat menentukan sama ada cara politik yang dilakukan oleh Barisan Nasional daripada segi politik yang dilakukan oleh Pakatan Rakyat dapat memberi mereka peluang untuk membuat pilihan. Itu satu aspek dalam perlembagaan kita untuk menentukan rakyat mempunyai peluang yang saksama dalam pemilihan ini.

Saya berdoa supaya negara kita dapat menerima hakikat keterbukaan ini dan dapat menerima hakikat bahawa peranan Pentadbiran adalah satu peranan yang bebas daripada politik supaya ia menyediakan platform yang sangat makmur yang sangat demokrasi. Jadi, walaupun ada permainan politik, namun ia suatu latihan untuk semua orang. Tetapi pada akhirnya daripada segi pemerintahan, penggunaan wang cukai, penjagaan sumber negara mestilah dilakukan sehingga semua rakyat mendapat kebaikan daripadanya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan telah tamat. Yang Amat Berhormat sekalian, sebelum kita meneruskan urusan mesyuarat pagi ini sukacita saya mengalu-alukan 2 rombongan menyaksikan sidang Dewan pada hari ini yang pertamanya rombongan yang terdiri daripada 2 anggota iaitu Yang Berhormat Wong Ho Leng (Ahli Parlimen Sibu) bersama dengan Yang Berhormat Chong Cheng Jing Ahli Parlimen Kuching dan rombongan kedua adalah rombongan MCA Selangor yang diketuai oleh bekas ADUN Dr. Kow Cheong Wei. Terima kasih. Setiausaha.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Enakmen kebebasan Makluman Negeri Selangor 2010.

III. RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010

TUAN SPEAKER : Rang Undang-undang ini dibacakan kali pertama.

TUAN SPEAKER : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen. Bagi mempertingkatkan penzahiran maklumat bagi kepentingan awam untuk memberi kepada setiap individu. Peluang untuk akses kepada maklumat yang dibuat oleh setiap Jabatan Kerajaan Negeri.

YB PUAN ELIZABETH WONG : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semenjak pembentukan Kerajaan Negeri Selangor, di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat pada bulan Mac 2008, Ketuanan Rakyat dijadikan prinsip tunjang yang mempengaruhi segala tindakan dan keputusan yang diambil. Prinsip Ketuanan rakyat inilah yang menjadi pendorong kepada segala usaha Kerajaan Negeri untuk mereformasi, memperbaiki dan mempertingkatkan Pentadbiran Negeri Selangor. Seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat fahami rakyatlah yang memberi peluang kepada kita semua untuk berkhidmat dan rakyat juga yang akan merampas peluang tersebut jika lupa hakikat ini. Ketelusan merupakan salah satu aspek utama yang cuba diketengahkan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Kesetiaan Pakatan Rakyat terhadap prinsip Pentadbiran yang terbuka yang merupakan salah sebab utama, mengapa rakyat telah memberi sokongan padu kepada Pakatan Rakyat kepada Pilihan Raya yang lalu.

Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pendirian Kerajaan Negeri terhadap ketelusan telah dibuktikan dengan jelas sepanjang Pentadbiran Pakatan Rakyat. Misalnya Sidang Dewan Rakyat ini disiarkan sepenuhnya melalui Internet. Barisan Exco ini pula telah mengambil langkah yang progresif yang mana pengisytiharan harta diumumkan secara terbuka. Maklumat tersebut turut boleh dieksisi oleh orang awam melalui laman web Kerajaan Negeri. Pembentukan Jawatankuasa pilihan khas mengenai kebertanggungjawaban dan ketelusan ataupun SELCAT juga merupakan langkah perintis ke arah kebebasan maklumat.

Jawatankuasa SELCAT bukan sahaja menjalankan pendengaran awam secara terbuka berhubung dengan aduan-aduan penyelewengan Pentadbiran yang lepas bahkan ianya juga tidak mengecualikan Ahli Dewan Undangan Negeri Pakatan Rakyat daripada disoal siasat. Selain itu yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mendorong

prinsip ketelusan. Antaranya beliau telah menggunakan hak beliau sebagai Menteri Besar untuk mengklasifikasikan dokumen-dokumen demi kepentingan rakyat seperti dokument-dokumen berkenaan membasmikan kemiskinan, projek revolusi hijau Bukit Cherakah, projek Perumahan Bukit Botak, isu perolehan hasil Kerajaan daripada projek penanaman semula hutan dan banyak lagi. Namun begitu Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Pakatan Rakyat masih gigih berusaha untuk mempertingkatkan taraf pentadbiran dan menjadikan ketelusan sebahagian daripada budaya kita.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang berhormat sekalian. Maklumat merupakan mata wang demokrasi. Begitulah ungkapan yang dipetik oleh Thomas Josephen. Kesedaran bahawa kebebasan maklumat merupakan asas kepada sistem demokrasi telah mendorong lebih daripada 80 negara di merata dunia dari Sweden ke Filipina untuk memperkenalkan Undang-undang yang memudahkan dan memperdayakan peluang dan hak rakyat untuk memperoleh maklumat daripada pihak Kerajaan. Undang-undang di Negara Sweden misalnya telah menjaminkan kebebasan maklumat sejak tahun 1766. Manakala Negara jiran kita seperti Thailand telah mula laksanakan Undang-undang Kebebasan Maklumat mereka.

Oleh itu boleh dikatakan Undang-undang di Negara kita jauh ketinggalan berbanding dengan Negara-negara lain dalam mempertahankan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat daripada pihak Kerajaan. Kerajaan Negeri Selangor tidak berhasrat untuk menunggu Kerajaan Pusat untuk mengambil tindakan. Maka menjadi peneraju ke arah Pengubal Undang-undang Enakmen, Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 dengan kerjasama pandangan dan sumbangan dari NGO-NGO.

Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan yang telus merupakan Kerajaan yang lebih cekap, lebih bertanggungjawab dan lebih Amanah. Ini merupakan sebab-sebab utama Kerajaan Negeri memperkenalkan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat Selangor 2010 ini. Kami juga harap amalan rasuah dikurangkan dan kebertanggungjawaban dipertingkatkan dalam segala keputusan Pihak Kerajaan. Sudah tentu ini akan meninggikan keyakinan pelabur-pelabur terhadap Negeri Selangor di samping membaik pulih kepercayaan kepada sistem Demokrasi dan pemerintahan. Melalui Rang Undang-undang ini rakyat Selangor akan dipulangkan hak yang sepatutnya dimiliki oleh mereka. Rang Undang-undang ini bagaikan cahaya matahari yang memberi sinaran kepada segala tindakan dan keputusan Kerajaan Negeri. “*Sun light is the best* . Setiap rakyat diberi peluang untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki dari setiap Jabatan di bawah Kerajaan Negeri. Inilah yang sepatutnya dijadikan amalan biasa kerana hakikatnya Kerajaan hanya diberi amanah untuk mengurus bukan bermaharajalela bertindak sesuka hati. Melalui Rang Undang-undang ini seorang Pegawai Maklumat akan dilantik oleh setiap Jabatan di bawah Kerajaan Negeri. Dan Pegawai ini diberi tugas dan tanggungjawab untuk menyelaraskan pemberian maklumat. Pegawai maklumat ini juga akan memastikan maklumat-maklumat yang penting disimpan dan diuruskan dengan betul ataupun dengan izin *systematising*. Kita berharap kelulusan Rang Undang-undang ini akan memberi ilham dan dorongan kepada Negeri-negeri lain dan juga Kerajaan persekutuan untuk mengambil langkah dan tindakan yang sewajarnya. Saya difahamkan oleh laporan akhbar bahawa Peguam Negara telah menyuarakan keinginan pejabat beliau untuk mengkaji Rang Undang-undang ini. Kerajaan Negeri Selangor yakin Kelulusan Rang Undang-undang ini akan membawa Pentadbiran Negeri Selangor ke era yang baru dan berbeza, di mana ketelusan, keterbukaan dan kepercayaan merupakan asas dan budaya semua dari Pegawai-pegawai Kerajaan sehingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri. Tidak dinafikan ini merupakan satu tanggungjawab yang amat berat yang dipikul oleh Kerajaan Negeri dan barisan Pegawai-pegawai Kerajaan tetapi inilah yang dinamakan ketuanan rakyat dan inilah yang dimaksudkan reformasi.

Tuan Speaker, dan Ahli-ahli yang berhormat sekalian, izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun.

Padi dan nenas tanam di Tanjung
Tempat pipit membuat sarang
Pemimpin dan Rakyat sama-sama dijunjung.
Kebebasan maklumat Peneraju Undang-undang.

Dengan ini saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali kedua.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker, saya menyokong.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong, saya kemukakan rang undang-undang ini untuk dibahaskan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Kg. Tunku.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Puan Speaker

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Subang Jaya

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Terima kasih Puan Speaker. Subang Jaya berterima kasih kerana diberi peluang untuk membahas enakmen kebebasan maklumat Negeri Selangor 2010. Enakmen ini sudah lama dinanti-nantikan dan sememangnya diperkenalkan tepat pada masanya. Puan Speaker. Sebelum Mac 2008 ramai penduduk Negeri Selangor terutamanya mereka yang berada di kawasan bandar terkilan dengan projek-projek pembangunan atau pun projek-projek di PBT yang menelan perbelanjaan yang besar seperti perjanjian CCTV dan perjanjian tempat letak kereta dengan pihak swasta. Dan setiap kali apabila dipersoalkan mengenai prosesnya dan butir-butir perjanjian penduduk diberitahu bahawa maklumat adalah sulit. Ini tidak harus berlaku kerana perbelanjaan ini melibatkan duit cukai rakyat dan rakyat harus mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat. Butiran projek-projek pembangunan yang boleh mempengaruhi kehidupan sehari-hari rakyat juga dirahsiakan dan dilabelkan SULIT. Oleh itu sebagai satu kerajaan negeri yang baru dan yang sentiasa mengatakan bahawa ketelusan adalah penting enakmen kebebasan maklumat ini seharusnya diwartakan dan dikuatkuasakan secepat mungkin bagi memaparkan kepercayaan kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dengan izin *to reflect our belief*. Beberapa perkara ingin saya bangkitkan mengenai rang undang-undang kebebasan maklumat ini. Terlebih dahulu enakmen ini dikatakan akan memberi kepada setiap individu peluang untuk akses kepada maklumat. Saya berasa perkataan peluang untuk akses ini tidak tepat objektifnya. Ia seharusnya berbunyi hak untuk akses dan bukan peluang untuk akses. Dengan izin *it must be a right and not just an opportunity to access information*. Keduanya, enakmen ini berkenaan maklumat yang dibuat oleh setiap jabatan kerajaan negeri dan saya berpendapat ini seharusnya melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan setiap pihak yang mempunyai hubungan dengan kerajaan negeri dengan izin *any party who has dealing with the State Government*. Ketiga, ruang undang-undang ini mempunyai pengecualian seperti definisi maklumat tidak termasuk dokumen yang telah diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Saya khawatir bahawa pengecualian ini akan sering digunakan bagi sebarang permohonan yang dibuat oleh rakyat jelata sekali gus menjadikan enakmen ini dengan izin *redundant*. Pengecualian seharusnya digunakan hanya untuk keadaan yang boleh menggugat keselamatan dan kesihatan seseorang individu atau pun menggugat kestabilan pemerintahan pentadbiran Kerajaan Negeri. Selain daripada pengecualian ini akses kepada maklumat mestilah merangkumi definisi seluas yang mungkin. Ke empat, berkenaan bayaran *fee* yang akan dikenakan, saya berharap *fee* yang nominal seperti RM satu ringgit akan dikenakan bagi memberi peluang kepada semua lapisan rakyat jelata sama ada miskin atau pun kaya mempunyai akses kepada maklumat. Kelima, saya juga melaung usaha membenarkan permohonan untuk maklumat secara lisan bagi orang yang tidak

berupaya disebabkan oleh buta huruf atau pun ketidakupayaan. Inilah definisi benar satu kerajaan prihatin. Ke enam, mengenai maklum balas permohonan pula jangka masa yang telah diperuntukkan iaitu tiga puluh hari dari tarikh akuan terima permohonan adalah terlalu panjang. Saya berikan satu contoh bagi kes tanah Telekom di USJ 6 yang telah berlaku di MPSJ. Pada 14 Mei 2010 saya telah menulis surat kepada MPSJ mengenai satu mesyuarat yang telah dipanggil pada 27 April di MPSJ di mana satu penarikan balik pembatalan kebenaran merancang telah berlaku. Saya telah menerima aduan bahawa mesyuarat tersebut tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah perintah tetap mesyuarat MPSJ. Bagi pihak penduduk DUN Subang Jaya saya telah menulis surat untuk meminta,

- (a) Penjelasan yang teliti mengenai prosedur untuk pemanggilan mesyuarat tersebut dan bukti-bukti seperti serahan notis kepada Ahli Majlis dan sama ada ia mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan dan lain-lain prosedur yang perlu di patuhi untuk pemanggilan mesyuarat tersebut.
- (b) Senarai nama Ahli Majlis yang hadir dan keputusan undian yang telah dibuat oleh mereka, dan
- (c) Penjelasan daripada MPSJ bahawa atas arahan siapa mesyuarat tersebut telah dipanggil.

Pada 25 Mei saya telah menerima jawapan daripada MPSJ yang berbunyi seperti berikut. “Dimaklumkan juga kepada Yang Berhormat bahawa semua dokumen adalah bertaraf sulit dan tidak boleh dikemukakan kepada orang awam. Sehubungan dengan itu Majlis dengan ini tidak boleh menimbangkan permohonan Yang Berhormat untuk mengemukakan semua bukti-bukti berkaitan.” Bayangkan sebagai Wakil Rakyat saya pun tidak boleh diberikan dokumen MPSJ yang boleh menjelaskan kehidupan penduduk di USJ 6. Dokumen yang ditanya penting untuk saya untuk menulis surat kepada Jawatankuasa Perancang Negeri yang hanya bermesyuarat sekali sebulan. Bayangkan jika maklum balas permohonan tempoh tiga puluh hari digunakan saya mungkin memerlukan masa dua bulan sebelum itu boleh dibincangkan dan diberikan maklum balas daripada Jawatankuasa Perancang Negeri. Oleh itu saya mencadangkan supaya tempoh maklum balas permohonan ini di kurangkan daripada tiga puluh hari ke tujuh hari atau pun maksima empat belas hari. Bak pepatah dengan izin *delayed information is useless information*. Saya juga tidak setuju dengan seksyen 7 sub-seksyen 3 yang menyatakan bahawa sekiranya tiada maklum balas seperti yang ditetapkan permohonan untuk akses maklumat hendaklah dianggap sebagai ditolak. Saya berpendapat bahawa seksyen ini harus dibatalkan kerana ia bercanggah dengan seksyen 8 yang menyatakan bahawa ‘apabila permohonan untuk mengakses maklumat ditolak pegawai maklumat hendaklah memaklumkan kepada pemohon berkenaan’ Untuk seksyen 11 yang menyatakan bahawa mana-mana pegawai maklumat yang menerima permohonan dan mendapat bahawa maklumat yang dipohon tiada dalam simpanan jabatan, pegawai maklumat itu hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada pemohon secara bertulis. Saya berpendapat bahawa usaha ini tidak mencukupi. Jika maklumat yang dipohon tiada dalam milikan pegawai maklumat seharusnya memanjangkan kepada jabatan yang mempunyai maklumat tersebut dan pemohon harus dimaklumkan dan diberikan maklumat dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Dan akhir sekali Pengerusi Lembaga Rayuan yang dilantik tidak seharusnya mempunyai kuasa mutlak. Keputusan Lembaga Rayuan harus dibuat secara bersama oleh semua Ahli Lembaga Rayuan yang dilantik. Perkembangan demokrasi akan terjejas jika kerajaan berfungsi dalam keadaan penuh dengan kesangsian dan rahsia. Tidak kira berapa kerap kita adakan perbahasan. Perbahasan menjadi tidak berkualiti dan tidak bermakna jika tiada maklumat diberikan. Kebebasan maklumat boleh menjadi satu alat pencegah rasuah. Akses kepada maklumat

boleh membongkarkan segala kes rasuah dan kepentingan seseorang individu dengan izin *conflict of interest* perjanjian yang boros dan merugikan rakyat serta perjanjian yang berat sebelah. Dengan izin *lop sided agreement* iaitu menguntungkan pihak konsesi dan merugikan pihak kerajaan. Penipuan rakyat telah berlaku dan berdekat-dekat lamanya. Kini sudah tiba masanya kebenaran mencari tempatnya di dalam pentadbiran kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Kejahanan atau pun *ignorance* boleh menghalang sesebuah masyarakat. Kita perlukan akses kepada maklumat. Thomas Jefferson, Presiden ketiga Amerika Syarikat pernah berkata dengan izin “*if a nation expects to be ignorant and free, in a state of civilisation, it expects what never was and never will be*” saya akhiri perbahasan saya dengan satu ayat daripada Marcus dalam buku al-kitab yang berbunyi seperti berikut “*sebab tidak ada sesuatu yang tersembunyi yang tidak akan dinyatakan dan tidak ada sesuatu yang rahsia yang tidak akan tersingkap*”. Saya berharap ADUN-ADUN Barisan Nasional akan turut menyokong enakmen ini kerana ia membawa faedah kepada mereka juga. Akses kepada maklumat boleh mendaulatkan rakyat kita untuk terus mencapai misi Kerajaan Negeri menjadikan Selangor negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan. Sekian, terima kasih.

YBTUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih kepada Puan Speaker. Seri Setia ingin turut sama. Turut serta dalam perbahasan bersejarah kita pada pagi ini bagi enakmen kebebasan maklumat Negeri Selangor tahun 2010.

Biar bertimpuh di tengah laman
Asal pencak disusun sama
Pembaharuan digarap bukan mainan
Ruang diberi memanfaatkan semua.

Asal pencak disusun sama
Alang bertempoh dengan senjata
Ruang diberi di manfaatkan semua
Bebas maklumat bebas minda.

Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian. Amathiasan pemenang anugerah novel ekonomi daripada India telah merumuskan bahawa kebuluran tidak pernah berlaku dalam Negara demokrasi yang memiliki Negara yang bebas. Ini membuktikan ketelusan adalah salah satu asas penting bukan setakat memastikan integriti dan tadbir urus baik kerajaan, malah untuk menjaga kesejahteraan rakyat. Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor telah pun melaksanakan prinsip ini menerusi pelaksanaan jawatankuasa terpilih mengenai kewibawaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT. Saya tahu sebab saya sendiri dipaksa muncul di hadapan SELCAT tetapi kerana kita hormat kepada semangat Dewan ini maka kita hadir bukan seperti beberapa rakan-rakan Yang Berhormat yang lain. Dewan bertepuk. SELCAT ini antara pembaharuan yang kita perkenalkan. Selain daripada pembaharuan-pembaharuan lain antaranya. Memberikan ruang secukupnya kepada pembangkang untuk berbahas di dalam Dewan yang tidak pernah dirasai oleh Sekinchan dalam penggal Dewan yang lalu. Menghormati kebebasan berhimpun oleh semua seterusnya membenarkan kemudahan Kerajaan Negeri turut digunakan oleh pihak pembangkang. Dalam sidang Dewan ini juga saya difahamkan kita merancang untuk melantik anggota pembangkang sebagai penggerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam atau pun PAC selaras dengan piawaian antara bangsa buat pertama kali di Negara Malaysia. Justeru hari ini Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi mencipta

sejarah menerusi pengenalan rang undang-undang kebebasan maklumat Negeri Selangor 2010. Sekiranya lulus, Selangor menjadi kerajaan pertama dengan undang-undang kebebasan maklumat di Malaysia di peringkat Persekutuan Akta Rahsia Rasmi 1972 selain daripada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1994 yang telah digunakan terhadap Suara Keadilan dan Harakah baru-baru ini. Akta Hasutan 1949 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah mengekang hak rakyat untuk mendapat maklumat daripada Kerajaan. Justeru perjalanan kerajaan ini seolah-olah menjadi satu mistri yang hanya difahami oleh Yang Berhormat - Yang Berhormat atau pun mungkin dalam kes rakan saya Subang Jaya juga tidak dapat diakses oleh Yang Berhormat atau pun pegawai-pegawai kerajaan di Putrajaya dan Shah Alam tetapi sukar untuk diketahui oleh rakyat biasa sama ada di Seri Setia, di Sungai Panjang mahu pun di Sekinchan. Kita tidak perlu hairan mengapa rakyat merasakan diri mereka terlalu terasing daripada kerajaan atau pun urusan kerajaan. Baru-baru ini Merdeka Centre ada menjalankan satu kaji selidik dan mendapati rakyat Malaysia merasakan begitu lemah longlai dan lesu seolah mereka tidak berbuat apa-apa. Mereka merasakan mereka tidak dapat menentukan apa-apa dasar kerajaan dan hubungan mereka dengan kerajaan adalah terlalu longgar. Trend ini adalah negatif kerana ia menggambarkan sebarang usaha kerajaan akan gagal sekiranya rakyat tidak merasakan diri mereka diperkasakan untuk menentukan hala tuju dasar kerajaan. Semua projek-projek kerajaan sebelum ini dibuat dengan penuh kerahsiaan tanpa pengetahuan rakyat walau wang itu datang daripada rakyat dan walau pun kita mendapat mandat daripada rakyat. Rakyat tidak tahu bagaimana wang mereka dibelanjakan. Justeru kita harus berusaha untuk mengembalikan kerajaan kepada rakyat. Kerajaan dipilih oleh rakyat justeru itu wajar perjalanan kerajaan disorok daripada rakyat. Di dunia trend memperlihatkan ke arah akta yang menjamin hak rakyat memperolehi maklumat daripada kerajaan. Lagi pun kita hidup di dunia maklumat yang tersebar dengan bebas, zaman *face book* dan *twitter*, zaman blog dan telefon bimbit. Sabtu lepas apabila saya *twiter* dengan izin saya ke program Angkatan Muda, saya telah ditegur oleh YB Speaker menerusi *twiter* juga bahawa saya tidak pernah hadir ke acara menembak yang dianjurkan oleh Dewan Negeri Selangor. Justeru peraturan-peraturan yang selama ini membebangkan kita dan menongkah arus, harus, yang menongkah arus ini kelihatan begitu sumbang harus kita tukar segera. Bukan hanya di demokrasi-demokrasi maju seperti Britain dan Amerika atau Australia tetapi Negara-negara seperti India, Turki, Thailand turut mempunyai undang-undang kebebasan maklumat. Seperti rakan saya daripada Subang Jaya saya juga fikir walau pun secara umumnya draf enakmen ini memang begitu baik ada beberapa perkara mungkin kita dapat perbaiki untuk memenuhi semangat enakmen ini diperkenalkan. Pertama ialah agar hak yang untuk mendapatkan maklumat ini diolah secara jelas di dalam enakmen kebebasan maklumat agar tidak timbul kekeliruan. Ini berbeza dengan akta kebebasan maklumat di United Kingdom yang digunakan dengan pentakrifan hak mendapat maklumat di dalam perenggannya yang pertama. Rang undang-undang ini juga kelihatan memberi banyak kelebihan kepada pegawai maklumat dan bukannya pemohon. Seri Setia berharap kita dapat mengimbangi keadaan ini untuk memastikan hak pemohon mendapat maklumat dapat dijamin. Rang undang-undang sedia ada juga menganggap sekiranya seorang pemohon tidak menerima maklum balas daripada pegawai maklumat maka permohonannya dianggap ditolak. Ini tidak selari dengan semangat kebebasan maklumat yang kita perjuangkan. Setiap pemohon mestilah menerima jawapan terhadap permohonannya sama ada diterima mahu pun ditolak. Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian. Apa-apa pun semangat yang kita bawa membolehkan wujudnya hak akses kepada maklumat yang tidak pernah wujud sebelum ini. Sebelum ini semua dokumen kerajaan ditadbir di Akta Rahsia Rasmi. Dalam sejarah negara kita pemimpin telah menyorok di belakang OSA bagi mengelakkan rakyat mengetahui perjanjian-perjanjian yang menjelaskan kepentingan rakyat. Misalnya pada tahun 2006 Menteri Tenaga Air, Tenaga Air dan Komunikasi pada waktu Datuk Seri Dr. Lim Keng Yeik enggan mendedahkan perjanjian konsesi teguran Audit terhadap SYABAS dengan alasan OSA rakannya juga Datuk Seri Samy Vellu belum lagi pence juga

pada tahun berikut menggunakan alasan OSA untuk menghukum mereka yang mendedahkan perjanjian konsesi tol, sedangkan kedua-dua perjanjian ini tidak menjelaskan keselamatan negara ataupun soalan-soalan strategik negara. Seharusnya rakyat yang terpaksa membayar *charge-charge* ini mengetahui apakah bentuk perjanjian tersebut. Ikutlah tauladan Pakatan Rakyat Yang Amat Berhormat Ijok telah mendedahkan apa-apa penyelewengan kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dengan menggunakan kuasanya di dalam Seksyen 2(c) Akta Rahsia Rasmi.

Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian Enakmen Kebebasan Maklumat ini satu inisiatif cemerlang daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk mengembalikan kuasa kepada rakyat. Dengan ini kebertanggungjawaban kerajaan negeri dapat diperkuuhkan. Saya fikir rakan-rakan saya di seberang sana pihak pembangkang yang tidak akan mempertikaikan kepentingan inisiatif ini. Pengalaman-pengalaman di Negara-negara luar memperlihatkan akan kebebasan maklumat turut memperkasakan demokrasi berparlimen, Pesuruhjaya Maklumat di Kanada menyatakan Akta Akses kepada maklumat di Kanada telah digunakan sebaik-baiknya oleh Ahli Parlimen termasuk pihak pembangkang dan menjadi elemen penting menambahbaikkan demokrasi berparlimen. Di Thailand pula misalnya seorang Editor akhbar telah menggunakan Akta Maklumat Rasmi 1997 Thailand untuk mendedahkan perihal seorang ahli politik terkemuka Thaksin Sinawatra yang telah menggunakan orang gaji pemandunya dan pengawalnya sebagai peroksida dalam syarikatnya bagi menyorok jumlah kekayaan beliau. Thaksin yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri telah disabitkan dengan kesalahan rasuah berikutan daripada pendedahan ini. Saya berharap rakan-rakan saya pihak pembangkang dapat menceritakan sikap kerajaan negeri yang menghormati sikap kebebasan dan demokrasi ini kepada rakan-rakan mereka di kerajaan persekutuan agar kerajaan persekutuan dapat berbuat perkara yang sama. Janganlah apabila menjadi pembangkang di Negeri Selangor Darul Ehsan ini gunakan ruang yang sepenuhnya yang diberikan tetapi apabila pegang tumpuk kuasa sekat hak rakyat pula.

Yang Berhormat Puan Speaker pada masa yang sama apa yang boleh ditambah baikkan saya fikir Enakmen Kebebasan Maklumat ini hanya terpakai untuk jabatan kerajaan negeri. Seri Setia mengesyorkan agar enakmen ini ditafsirkan dengan lebih luas. Dengan ini pihak swasta menjalankan tanggung jawab awam seperti pembekalan air SYABAS akan turut tertakluk kepada Enakmen Kebebasan Maklumat. Rakyat Selangor berhak tahu bagaimana hak mereka telah digadai oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini. Baru-baru ini Pesuruhjaya Kehakiman Yang Arif Puan Hadariyah Ismail di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengarahkan kerajaan untuk mendedahkan laporan audit dan perjanjian konsesi air antara SYABAS kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Selangor yang telah cuba dilindungi oleh Datuk Seri Ling Keng Yeik sebelum ini. Yang Arif Puan Hadariyah telah menegaskan bahawa pendedahan tersebut tidaklah bertentangan dengan keselamatan negara mahupun kepentingan ramai. Sebaliknya kata Yang Arif pendedahan akan memenuhi kepentingan awam kerana memaklumkan kepada rakyat cara kerajaan berfungsi dan menggalakkan perbincangan tentang perkara berkaitan hal ehwal awam. Malangnya kerajaan persekutuan mengambil keputusan meminta penangguhan terhadap keputusan mahkamah tersebut. Rakyat ingin bertanya adakah kerajaan persekutuan ingin berada di pihak rakyat ataupun di pihak SYABAS. Semalam Timbalan Menteri, Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata rakyat Selangor tidak kisah membayar tarif yang lebih tinggi untuk bekalan air yang bersih. Saya berharap rakan-rakan pembangkang dapat menyokong usaha mendedahkan perjanjian konsesi untuk menghilangkan salah sangka terhadap Timbalan Perdana Menteri dan UMNO Barisan Nasional yang mempertahankan kepentingan SYABAS dan Puncak Niaga bermati-matian.

Yang Berhormat Puan Speaker Enakmen Kebebasan Maklumat ini juga penting bagi syarikat-syarikat swasta. Dengan adanya undang-undang sebegini mereka memperolehi faedah daripada ketelusan kerajaan dengan melihat sama ada kelebihan tertentu diberikan kepada syarikat-syarikat pesaing mereka. Pada 1998 Suruhanjaya Eropah *European Commission* melaporkan syarikat-syarat di Eropah yang tidak mempunyai akses kepada maklumat secara sekata ketinggalan berbanding dengan syarikat-syarikat di Amerika Syarikat yang memperoleh faedah daripada akta kebebasan maklumat mereka. Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat ini memperuntukkan pelantikan pegawai maklumat. Dalam pengalaman negara lain yang telah melaksanakan undang-undang kebebasan maklumat, kos pentadbirannya bukanlah kecil apatah lagi apabila rakyat dan wakil rakyat masyarakat madani, media massa menyedari akan fungsinya. Saya berharap Enakmen Kebebasan Maklumat ini dapat ditambahbaikkan dengan adanya satu *safeguard* dengan izin bagi mengelakkan pentadbiran enakmen ini diswastakan pula kepada syarikat-syarikat swasta memandangkan sensitifnya pengurusan maklumat ini.

Yang Berhormat Puan Speaker kita banyak juga didatangi rakyat tentang masalah mereka tersilap dalam dokumen rasmi kerajaan seperti geran tanah dan lain-lain lagi. Seri Setia mengesyorkan Enakmen Kebebasan Maklumat turut mempunyai mekanisme bagi mengatasi masalah ini. Kita sedia maklum sudah ada mekanisme bagi masalah ini dengan undang-undang yang sedia ada tetapi seharusnya ia dipermudahkan dan di perkemaskan bagi menjamin hak rakyat. Bagi memastikan keberkesanan Enakmen Kebebasan Maklumat ini sebarang tindakan menghalang akses ataupun memusnahkan maklumat dengan sengaja haruslah turut ditakrifkan dengan kesalahan jenayah. Dengan ini semua jawatan jabatan kerajaan akan memastikan sumber yang mencukupi diperuntukkan bagi memastikan penyimpanan maklumat dapat dibuat secara berkesan.

Yang Berhormat Puan Speaker tidak dinafikan perlu ada beberapa kategori maklumat yang dikecualikan daripada peruntukan Enakmen Kebebasan Maklumat. Seri Setia mengharapkan pengecualian ini benar-benar untuk maklumat yang sensitif dan pendedahannya membawa kesan negatif sahaja. Kita tidak mahu pengecualian ini dibuat secara rambang semata-mata untuk maklumat ini sampai kepada rakyat. Seri Setia berpendapat bahawa senarai yang sedia ada terlalu longgar dan tidak memenuhi semangat kebebasan maklumat tersebut. Kerajaan negeri juga saya fikir harus mengkaji memastikan dalam usaha kita meluaskan ketelusan ini kita dapat mempertahankan hak privasi bagi rakyat. Parlimen baru sahaja meluluskan Akta Perlindungan Data Peribadi walaupun akta tersebut mengecualikan maklumat kerajaan, namun hak perlindungan data perlindungan juga satu hak asas dalam dunia hari ini dan mekanisme perlindungan perlu diwujudkan. Seterusnya Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian sebarang undang-undang tidak akan berkesan tanpa kesedaran awam. Justeru sumber yang mencukupi harus diperuntukkan untuk mempromosikan enakmen ini di segenap pelosok masyarakat agar rakyat memahami kaitan enakmen ini dengan kehidupan mereka. Kita boleh mencontohi usaha yang dibuat oleh Majlis Peguam Malaysia yang disokong oleh kerajaan negeri iaitu Kempen Perlembagaan ku yang mana Perlembagaan yang selama ini juga dilihat sebagai satu misteri telah berjaya diterangkan kepada pelajar-pelajar sekolah kepada pegawai-pegawai kepada semua rakyat jelata. Jadi dengan ini rakyat dapat memahami kepentingan enakmen ini dengan kehidupan seharian mereka. Misalnya rakyat di kampung mungkin gagal memahami relevan objektif kebebasan maklumat dalam kehidupan mereka. Tapi sekiranya menerusi maklumat ini mereka mendapat tahu bagaimana selama ini wang mereka dibelanjakan, bagaimana kemudahan-kemudahan kerajaan yang digunakan maka saya yakin rakyat akan menghargai kepentingan Enakmen Kebebasan Maklumat ini. Seri Setia juga ingin mengesyorkan agar kita dapat menyertakan keperluan untuk mengadakan maklumat secara awam bagi beberapa badan kerajaan yang relevan. Kerajaan Negeri Selangor telah

memulakannya menerusi SALCAT dan ini satu inisiatif yang baik dan kita harus meneruskan budaya ini dengan melihat apa lagi maklumat-maklumat yang relevan dapat disampaikan terus kepada rakyat agar rakyat dapat merasakan diri mereka turut serta dalam hal ini. Sebagai penutup Seri Setia berharap kita dapat memperbaiki Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat ini dengan cadangan-cadangan yang telah dibawa dengan mengkaji undang-undang kebebasan maklumat juga yang ada di seluruh dunia. Misalnya di Fluorida yang diiktiraf mempunyai undang-undang kebebasan maklumat paling menyeluruh di Amerika Syarikat. Kita juga boleh membuat perbandingan dengan piawaian yang telah dibuat oleh NGO bernama Artikel 19 bagi mengukur tahap keterbukaan. Saya menyeru pihak pembangkang tidak bermain politik dan menyokong Enakmen ini. Malah pihak pembangkang dapat memujuk rakan-rakan mereka di kerajaan persekutuan untuk menyokong Akta Kebebasan Maklumat di peringkat persekutuan dan memansuhkan Akta Rahsia Rasmi. Jika kerajaan persekutuan tiada kepakaran saya yakin kerajaan negeri Selangor sanggup menawarkan kepakaran mereka. Kalau Speaker pun boleh memberi kuliah rama lagi kalangan di kerajaan negeri sanggup memberikan kelas khas bagi hal ini. Saya berharap rakyat Selangor akan menyokong inisiatif ini dan menggunakan sepenuhnya hak mereka di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat. Ketika kita masih di dalam peringkat di negara kita ini pengenalan satu Enakmen kebebasan maklumat sudah wujud satu lagi elemen kebebasan maklumat di dunia dengan wujudnya laman web *Wickily.org* yang membolehkan mana-mana individu di seluruh dunia membocorkan dokumen-dokumen dengan selamat. Ya ataupun untuk melindungi apa yang ditakrifkan dengan izin *wise blowers*. Laman web ini memberi perlindungan kepada *wise blowers* yang ingin mendedahkan kepincangan pihak berkuasa. *Wickily.org* telah menempa nama pada April tahun ini berikutan pendedahan video yang diberi nama dengan izin *collateral murder* yang menunjukkan bagaimana 12 orang dibunuhi berikutan serangan helikopter Amerika Syarikat di Iraq termasuk wartawan Reuters, Said Cermak dan Namir Nur Eldin. Insiden ini telah menarik perhatian memandangkan mangsa-mangsa tersebut bukan dalam keadaan mengancam keselamatan. Majalah *Time* menganggap *Weekly* ini bakal muncul sebagai alat terpenting bagi wartawan selepas wujudnya Akta Kebebasan Maklumat. Kita tidak boleh lari dari perkembangan teknologi. Justeru jika kita terus mahu melengah-lengahkan usaha untuk meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat yang menghayati semangat undang-undang tersebut kita akan di pintas lagi oleh teknologi terkini. Memetik kata-kata Yang Berhormat Bukit Lanjan biarlah mentari terang menyinar ke dalam urusan kerajaan yang seolah-olah satu misteri bagi rakyat selama ini. Alang bertempur dengan senjata bunga di alun rentak di cula, bebas maklumat bebas minda merealisasikan Selangor yang lebih terbuka. Bunga di alun rentak di cula, buka langkah jangan sumbang realisasikan Selangor yang lebih terbuka demi rakyat Pakatan berjuang. Buka langkah jangan sumbang biar musuh leka terpana demi rakyat Pakatan berjuang ke arah Malaysia yang lebih saksama. Sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang. Silakan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Puan Speaker. *Bismillahi hirrahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.* Salam sejahtera salam satu Malaysia. Puan Speaker, Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan para pemerhati yang saya hormati sekalian Permatang ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian perbahasan mengenai Rang Undang-undang Enakmen, Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan bagi pihak kerajaan negeri. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita baru sahaja mendengar penjelasan dan rasional dari pihak kerajaan mengapa rang undang-undang ini perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Seperti mana masyarakat umum di luar saya juga menghormati harapan murni kerajaan untuk menjadikan enakmen ini salah satu mekanisme untuk memastikan ketelusan dan

kebebasan untuk mendapatkan maklumat kerajaan. Ini juga sebahagian, ini juga sebagai satu usaha untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, telus dan berintegriti. Walaupun begitu, kita juga perlu melihat dari segi nawaitu dan tujuan tersurat serta tersirat di sebalik pembentangan enakmen ini.

Puan Speaker, kita dapat melihat dari segi keikhlasan, keberkesan dan pencapaian sepenuhnya matlamat syumul enakmen ini. Tetapi yang lebih penting dalam konteks ini ialah sama ada penggubalan dan pembentangan enakmen ini selaras dan mematuhi peruntukan Perlembagaan Malaysia dan beberapa undang-undang yang berkaitan dengannya. Saya dan rakan-rakan saya daripada kalangan ADUN-ADUN Barisan Nasional telah meneliti secara terperinci perkara-perkara dalam rang undang-undang enakmen ini dan mendapati bahawa enakmen ini pada prinsipnya tidak selaras dan amat bertentangan dengan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia dan beberapa undang-undang yang berkaitan dengannya. Saya tidak mahu persoalkan tujuan murni enakmen ini sehingga pihak kami akan dituduh oleh Pakatan Rakyat bahawa Barisan Nasional sebagai takut dengan bayang-bayang sendiri, tetapi sebagai Ahli Dewan Undangan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang yang wajar dan bersesuaian, amatlah tidak wajar dewan ini membentang dan meluluskan enakmen ini yang jelas bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia dan kesahihannya boleh dipersoalkan di mahkamah. Berdasarkan kepada prinsip ini...

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan, Puan Speaker.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya mohon teruskan. Berdasarkan kepada prinsip ini dan fakta-fakta yang akan saya dan rakan-rakan saya bangkitkan nanti. Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang enakmen kebebasan maklumat Negeri Selangor ini ditolak oleh dewan yang mulia ini. Pertama, Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini didapati tidak selaras dengan Perlembagaan Malaysia. Ini kerana enakmen ini didapati telah menceroboh

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : *Encroaching* dengan izin, pada kuasa dalam bidang kuasa Kerajaan

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang. Seri Setia, mohon mencelah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya mohon habiskan, boleh bahas kemudian. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Duduk dulu Seri Setia.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini kerana, ini hak untuk menggubal sesuatu berhubung dengan maklumat dan rahsia kerajaan adalah di bawah kuasa Parliment Malaysia atau Kerajaan Persekutuan. Rang undang-undang secara jelas menyebutkan tafsiran maklumat, ertinya apa-apa dokumen dibuat oleh mana-mana Jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk dokumen (a) yang telah diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Walaupun dikatakan maklumat dan dokumen tidak terkait dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 di bawah kuasa Parliment dan Kerajaan Persekutuan, klausma maklumat, ertinya yang membawa erti apa-apa dokumen yang dibuat oleh mana-mana Jabatan Kerajaan Negeri sudah cukup menunjukkan ia tertakluk di bawah bidang kuasa Parliment atau Kerajaan Persekutuan. Maka jelas sekali Kerajaan Negeri atau dewan ini tidak mempunyai hak untuk meluluskan undang-

undang berkaitan maklumat dan kerahsiaan, kerana perkara ini, kerana perkara tersebut jatuh di bawah peruntukkan jadual kesembilan, senarai perundangan perkara 74, 77 senarai satu, senarai persekutuan. Amat jelas di bawah senarai 1 ini, perkara 4, undang-undang dan acara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan termasuk (f), rahsia kerajaan, perbuatan rasuah, termasuk dalam senarai atau bidang kuasa Parlimen Kerajaan Persekutuan. Adalah difahami bahawa maklumat, ertinya apa-apa dokumen yang dibuat oleh mana-mana Jabatan Kerajaan Negeri adalah tertakluk di bawah perkara (f), rahsia kerajaan. Walaupun subjek maklumat itu, adalah di bawah senarai negeri seperti tanah, agama, perhutanan dan sebagainya. Tetapi saya beranggapan bahawa ia tetap tertakluk di bawah perkara (f) rahsia kerajaan. Saya juga mendapati di bawah senarai yang sama

YB PUAN GAN PEI NEI : Puan Timbalan Speaker, minta laluan sikit.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya mohon teruskan.

YB PUAN GAN PEI NEI : Kejap la, sebab rasa ADUN BN dia suka dengan isu pasir, kalau ini diluluskan boleh dapat dokumen berkenaan pasir.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Rawang, Rawang karang boleh bahas. Ada banyak masa, ini giliran saya. Walaupun, subjek ini adalah di bawah senarai negeri seperti tanah, agama, perhutanan dan sebagainya tetapi saya beranggapan bahawa ia tetap termasuk di bawah perkara (f) rahsia kerajaan. Saya juga mendapati Puan Speaker, di bawah senarai yang sama menyebut perkara 22 penapisan. Penapisan ini bukan setakat kandungan dalam filem, bahan-bahan cetakan penyiaran tetapi juga mencakupi penapisan maklumat rahsia kerajaan, setakat mana yang boleh didedah atau diberi kepada rakyat umum. Oleh yang demikian, kedua-dua perkara yang pertama perkara 4 undang-undang acara sivil dan jenayah dan pentadbiran ke aliran termasuk (f) rahsia kerajaan, perbuatan rasuah dan yang kedua perkara 22 penapisan difahami sebagai berkaitan dengan pengawalan maklumat dan rahsia dalam jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang hanya boleh digubal undang-undang nya oleh Parlimen atau Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab undang-undang ini jelas cuba menceroboh peruntukkan undang-undang Kerajaan Persekutuan yang jelas terdapat di bawah senarai persekutuan ataupun *federal list* dengan izin di dalam Perlembagaan Persekutuan, maka sewajarnya rang undang-undang ini ditolak dan tidak diluluskan. Kedua, Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, peruntukkan tentang maklumat dan kerahsiaan kerajaan dalam kerajaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini juga tidak terdapat di dalam senarai bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Dengan izin, Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang, permohonan daripada Seri Setia, dah 3 kali dah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tak mahu bagi Puan Speaker, kerana tadi beliau dah berhujah dengan panjang lebar. Terima kasih.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya nak bertanya bukan nak berhujah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tadi dah berhujah sekarang peluang saya. Terima kasih.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Nak bertanya.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya nak teruskan Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Teruskan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok. Senarai bersama sekadar menggariskan antaranya perkara-perkara berkaitan kebajikan masyarakat, biasiswa, perlindungan haiwan liar, ternakan binatang, perancangan bandar, kutu rayau, penjaja, kesihatan awam, perparitan, pemulihan tanah lombong, pencegahan kebakaran, kebudayaan dan sukan, perumahan, bekalan dan perkhidmatan air. Jika ada sekalipun peruntukan undang-undang yang jelas memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri seperti di dalam senarai bersama ini, maka Kerajaan Negeri masih tidak mempunyai hak atau lokus secara bersendirian untuk meneruskan rang undang-undang enakmen kebebasan maklumat ini. Maka sudah jelas perkara maklumat dan kerahsiaan kerajaan tidak terkandung langsung dalam senarai negeri.

YB TUAN NG SUEE LIM : Puan, Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Peraturan tetap.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Peraturan tetap 35 kurungan. Seorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibaca cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya dan boleh ditengok peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak di cakapnya. Saya tengok Yang Berhormat Permatang ni yang tak matang-matang dari tadi awal hingga akhir baca-baca tapi kalau baca sekejap bolehlah tapi baca-baca, tolong bagi petua sikit.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan nampak ke saya baca.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok. Baik Permatang. Benar kata Sekinchan. Jadi saya mohon supaya jangan dibaca.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ambil maklumat Puan Speaker, ini berkaitan undang-undang dan juga peraturan saya kena ikut ada bahan dan rujukan. Saya tak nak salah dari segi menyatakan tafsiran.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat boleh ambil cabutan daripada perlembagaan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, saya teruskan Puan Speaker. Terima kasih. Sudah jelas perkara-perkara maklumat dan rahsia kerajaan tidak terkandung langsung dalam senarai negeri yang rata-rata meliputi perkara berkaitan agama, adat istiadat, pemegang tanah, perlombongan, pelesenan panggung wayang, tempat hiburan dan tapak bersejarah. Oleh kerana, rang undang-undang ini jelas tiada dalam bawah senarai bersama di antara kerajaan negeri kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dan juga di dalam senarai negeri. Maka sewajarnya rang undang-undang ini ditolak dan tidak diluluskan. Oleh kerana itu, undang-undang ini menjadi tidak relevan tidak boleh dikuatkuasakan besar kemungkinan boleh

terbatal di masa akan datang jika ia di bentang dan diluluskan di peringkat Dewan Undangan Negeri sahaja.

Ketiga, Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Cuba kita lihat kepada kandungan rang undang-undang ini di bawah bahagian kesalahan, kesalahan 15(2) di mana orang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1) apabila disabitkan didenda tidak melebihi 50,000 ringgit (RM 50,000) atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau keduanya. Apa yang saya maksudkan adakah Dewan Undangan yang mulia ini boleh membentang dan meluluskan suatu bentuk hukuman atau penalti yang melibatkan denda kewangan tinggi atau dipenjarakan.....

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat Puan Speaker, minta laluan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ingat saya teruskan Puan Speaker, masa pun dah dekat habis. Jadi saya teruskan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker saya minta Puan Speaker bagi masa lebih kepada rakan dari Permatang sekiranya dia perlu.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia, mohon untuk mencelah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak teruskan Puan Speaker. Tadi saya bangun nak minta soalan tambahan banyak kali tak dapat soalan pun. Ini saya nak bercakap. Terima kasih.

Bukankah ini suatu kesalahan dan hukuman sivil yang layak dibuat Parlimen atau Kerajaan Persekutuan dan penguatkuasaan pendakwaan serta hukumannya oleh pihak Peguam Negara, malah subjek dalam rang undang-undang terang-terang terletak di bawah senarai persekutuan seperti yang telah saya jelaskan. Sehubungan itu, saya ingin mendapat pengesahan kepada pihak kerajaan adakah enakmen ini dipersetujui serta telah mendapat lampu hijau daripada pihak Peguam Negara untuk dibaca dan diluluskan. Situasi yang sama dilihat pada enakmen penghinaan dewan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Puan Timbalan Speaker, minta penjelasan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak teruskan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya minta penjelasan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Nanti giliran Kampung Tunku boleh berhujah.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Akta Kerajaan Tempatan kat bawah siapa, kerajaan tempatan di bawah kerajaan negeri,mengapa melibatkan perlombagaan undang-undang. Ya lah. Jangan lari ya.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tak izin, sebab ini teknikal Tuan Pengerusi, saya nak teruskan lepas ni saya bagi peluang. Saya bagi masa selepas ini untuk Kampung Tunku. Ok.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kita berikan hak setiap Ahli Yang Berhormat. Ya silakan, teruskan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya, sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan pengesahan daripada pihak kerajaan apakah enakmen ini telah dipersetujui dan mendapat lampu hijau dari pihak Peguam Negara untuk dibaca dan diluluskan. Situasi yang sama dapat dilihat dalam enakmen penghinaan Dewan 2008, di mana hukuman 4(a), saya nak bacakan enakmen ini hendaklah dikenakan hukuman penjara untuk tempoh yang boleh dilanjutkan kepada 12 bulan atau dengan hukuman denda tidak melebihi 5,000 ringgit dan (b) hendaklah dikenakan hukuman penjara untuk tempoh yang boleh dilanjutkan kepada 3 tahun dan hendaklah juga dikenakan hukuman denda tidak melebihi 10,000 ringgit. Saya nak rujuk Puan Speaker, dalam kes Yang Berhormat Sungai Panjang yang ingkar serta tidak hadir dalam sesi perbicaraan SELCAT yang telah didakwa menghina dewan. Pihak polis tidak tertakluk dan tidak dapat mengambil tindakan kerana tidak diizinkan oleh Peguam Negara. Amat jelas dalam kes Yang Berhormat Sungai Panjang hanya boleh digantung oleh dewan tetapi tidak dapat diambil tindakan secara perundangan, walaupun undang-undang sudah diluluskan oleh dewan yang mulia ini. Maka itu, Puan Pengerusi, Puan Speaker minta maaf. Justeru itu, apakah maksud dan relevannya undang-undang ini jika tidak dapat digunakan untuk menghukum mereka yang melanggarnya. Ini kenyataan, kita buat undang-undang peraturan waktu yang sama kita tidak ada kuasa untuk menghukum.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat Puan Speaker.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ternyata ini adalah pengubalan dan kelulusan rang undang-undang yang hanya membuang masa, tidak praktikal dan sia-sia. Kerajaan negeri hanya

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan Puan Speaker.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Mahu mencari populariti murahan, maka itu Puan Speaker saya mohon menolak rang undang-undang enakmen kebebasan maklumat 2010 yang telah dibacakan. Sekian.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker, minta laluan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Puan Speaker, minta penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Jangan lari.

YB TUAN NG SUEE LIM : Mana penjelasan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Jangan lari, minta penjelasan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Bacul betul lah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Semua Ahli Yang Berhormat bertenang.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bacul apa, Puan Speaker minta Sekinchan...

YB TUAN LAU WENG SAN : Puan Timbalan Speaker, saya ada soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Biar saya bercakap dahulu. Semua sila duduk. Sungai Burong tolong duduk, Kampung Tunku juga duduk. Terima kasih.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, *Standing order*.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya belum habis bercakap lagi Sungai Burong sudah berdiri. Inikan sesi perbahasan, semua orang diberi peluang untuk berbahas. Saya tidak menghalang sesiapa untuk berbahas tetapi apabila saya sebagai Pengurus minta Yang Berhormat Sekalian mengikut peraturan Yang Berhormat semua mesti mengikut peraturan. Saya dapati apabila waktu perbahasan ramai tak mahu berdiri untuk bercakap tetapi apabila ada orang lain bercakap ramai yang ingin celar. Sungai Burong tolong duduk dulu, Sungai Burong tolong duduk dahulu. Saya akan berikan laluan, saya belum habis cakap lagi Sungai Burong. Terima kasih, terima kasih kerana faham apa yang saya ingin sampaikan. Baik perbahasan akan diteruskan kalau kita mengikut peraturan.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Sungai Burong.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak untuk memohon kebenaran bercakap. Ini hak peraturan

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Tapi Sungai Burong mesti faham juga, saya baru nak buka

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya bukan cakap tak faham saya nak cakap dari segi *Standing Order* 35

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, silakan.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, saya nak merujuk kepada peraturan 36(6) iaitu ucapan yang dicakapkan oleh Sekinchan sebagai bermaksud seorang Ahli yang tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas setiap ahli yang lain. Untuk maklumat YB Permatang hanya meneruskan mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan kerana tiada masa lagi sedangkan YB Sekinchan menuduh Permatang ini bacul. Perkataan bacul itu adalah satu sangkaan jahan yang tidak sepatutnya diucapkan di dalam dewan, itu sahaja yang ingin saya bangkitkan. Ini untuk rekod. Tiada masa oleh Permatang boleh berbahas nak pendek ke nak panjang, tapi jangan buat sangkaan jahat. Jadi saya minta ditarik balik Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih sila duduk. Jadi saya ingin mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat kita mempunyai peraturan dalam Dewan Yang Mulia Ini kalau sekiranya Yang Berhormat Sekalian ingin melanggar peraturan kita tidak akan teragak-agak

untuk mengambil tindakan jadi mengikut Peraturan 36(6) adakah Sekinchan telah mengeluarkan perkataan tersebut.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya minta perkataan itu kalau dia tersinggung saya tarik perkataan tersebut tapi saya tukar dengan takut.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik terima kasih. Perbahasan diteruskan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker, tadi saya minta penjelasan sebenarnya dan laluan tidak diberi. Jadi saya nak tanya kepada Yang Berhormat Permatang bertekan bahawa kebebasan maklumat ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Dan saya ingin bertanya jika kalau macam itu adakah kuasa di bawah Kerajaan Negeri seperti Kerajaan Tempatan Kampung Baru, Kampung Tradisional Melayu semua ini Kerajaan Persekutuan tidak boleh masuk campur betul kah? Kalau Kerajaan Persekutuan masuk campur adakah ini melanggar undang-undang atau Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan kita. Kalau dikatakan bahawa Kerajaan Negeri ada hak untuk membuat sebarang bentuk dasar polisi tentang bidang kuasa ini. Mengapa Kerajaan Persekutuan pergi menghalang perlaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan? Mengapa Kerajaan Persekutuan melaksanakan menubuhkan JKPP bukankah Kerajaan Persekutuan suka melanggar Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat Speaker,

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya panggil Kampung Tunku tadi untuk berbahas.

YB TUAN LAU WENG SAN : Oh ya, tapi, tapi saya silap. Yang Berhormat Permatang memberi laluan, jadi ada sedikit...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sebab Permatang sudah habis menyampaikan perbahasannya.

YB TUAN LAU WENG SAN : Dia bagi, dia bagi kepada saya.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Puan Speaker, kalau nak saya boleh jawab, tak apa. Tetapi perbahasan sudah habis.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Perbahasan, dari Permatang sudah tamat.

YB TUAN LAU WENG SAN : Kalau macam itu saya teruskan dengan Ucapan ... saya, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker, jadi saya suka ingin memasukkanlah persoalan-persoalan tadi itu ke dalam ucapan perbahasan saya. Dan saya minta ulasan daripada EXCO nanti kalau boleh. Puan Timbalan Speaker, saya berasa bangga pada hari ini kerana sekali lagi Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat mencipta paras sebagai Negeri yang pertama menggubal undang-undang tentang kebebasan maklumat. Dan sekarang ini menujukan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat sekali lagi mendahului Kerajaan Persekutuan dalam menggubal Undang-undang yang memupuk semangat ketelusan, kecekapan dan beramanah. Puan Timbalan Speaker biar pun begitu apa yang menyediakan kita iaitu Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat Negeri Selangor ini masih tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi Tahun 1972 di mana orang ramai tidak ada

akses kepada sebarang maklumat yang telah diklasifikasikan Rahsia Rasmi di bawah Akta ini. Walaupun sesuatu maklumat itu mungkin mempunyai kepentingan awam untuk kepada orang ramai. Jadi cadangan saya atau pun kesan saya kepada Kerajaan Negeri ialah supaya pada masa-masa yang akan datang jikalau permohonan untuk menderetkan separuh maklumat yang telah diklasifikasikan sebagai Akta Rahsia Rasmi di bawah Akta ini saya meminta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh terus menerus menggunakan kuasa di bawah Seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi ini untuk kepentingan orang awam.

Yang kedua apa yang saya ingin bangkitkan ialah tentang *Public Fund* terhadap Jabatan. Saya berpendapat *Public Fund* ini mungkin terlalu longgar ataupun terlalu ketat kerana ianya tidak menyentuh tentang Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri Selangor GLC, Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan juga Badan-badan Berkanun jadi cadangan saya ialah supaya mungkin dalam peringkat Jawatankuasa ataupun Jawatankuasa Pilihan kita boleh menuruti sama ada kita perlu mengembangkan tak *refund* atau masuk Jabatan Kerajaan ini kerana pada saya, apa yang saya fahamkan ialah maksudnya adalah terlalu sama atau berlonggar.

Dan yang ketiga saya juga ingin menyentuh tentang *Fees* Seksyen 6(3) menetapkan bahawa pihak berkuasa Kerajaan Negeri boleh menerapkan *Fees* terhadap setiap permohonan yang dikemukakan. Apa yang menimbangkan saya ialah mungkin kah peruntukan ini disalah gunakan oleh pihak berkuasa negeri iaitu peruntukan ini dijadikan sebagai satu bentuk *double edge sort* apabila Kerajaan Negeri nak hentikan sesuatu maklumat itu tak diberi kita mengenakan *Fees* atau bayaran yang terlampau tinggi. Sehingga sesuatu permohonan yang ringkas dengan tujuan untuk mengelakkan sesuatu permohonan yang ringkas itu dapat diproses. Ini bukan, pernah berlaku di Malaysia saya ambil contoh draf Rancangan Tempatan Bandaraya Kuala Lumpur kalau saya tak silap. Draf Laporan atau pun Rancangan itu dijual dengan RM1,000 kalau saya tak silap pernah sekali jadi kalau fees yang macam ini terlalu tinggi ianya walaupun boleh diberi dan dibeli oleh orang ramai ianya masih menyekat kebebasan maklumat yang kita ingin mencapai. Kita juga sedia maklum bahawa oleh itu saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya perkara ini dapat diperincikan supaya ianya tidak disalah gunakan untuk melindungi sesuatu maklumat yang mempunyai kepentingan awam daripada diperolehi oleh orang ramai. Kita boleh mengkaji sama ada mengujudkan satu bentuk karya maksimum mengikut kategori maklumat atau dokumen yang kita hendak beli. Ini adalah satu pemasaran teknikal. Yang ketiga jika maklumat dipohon dan telah diberi kepada pemohnnya. Adakah pemohon berhak untuk menyediakan salinan kepada orang lain atau pihak ketiga maknanya bolehkah saya beri kepada orang lain, beri kepada media, beri kepada semua seluruh masyarakat. Bolehkah pemohon membuat salinan fotokopi dan adakah tindakan fotokopi ini melanggari hak cetak, hak milik pencetak asal iaitu Kerajaan Negeri. Dokumen itu kepunyaan Kerajaan Negeri kita beri kepada pemohon dan pemohon membuat salinan fotokopi adakah ini melanggari Akta Hak Milik Tahun 1987 ini masalah teknikal jadi dan juga persoalan saya. Yang keempat walaupun Enakmen ini hanya dikuatkuasakan terhadap Jabatan-jabatan di bawah Kerajaan Negeri adakah ianya termasuk Agensi dan Badan Berkanun di bawah Kerajaan Negeri? Bagaimana dengan Jabatan pula Jabatan Kerajaan yang menerima peruntukan daripada kedua-dua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Kalau kita memohon maklumat daripada suatu jabatan misalnya Jabatan Kerja Raya dan misalan kata projek itu menerima sumbangan atau pun *fund* daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan bolehkah Kerajaan Negeri atau Jabatan memberi maklumat kepada pemohon itu juga satu masalah teknikal yang perlu kita mengalami.

Kelima saya ingin bertanya di bawah Enakmen Entiti adakah Kerajaan Negeri memberi satu anggaran berapa ramai pegawai maklumat yang akan dilantik? Adakah pegawai maklumat ini

tertakluk kepada apa-apa bentuk semakan jika tidak saya mencadangkan supaya pegawai maklumat ini peranannya dan kerjanya dipantau. Ianya belum bertanggungjawab kepada EXCO begitu juga dengan Lembaga Rayuan ianya perlu dipantau oleh EXCO dan setiap tahun EXCO ataupun Kerajaan Negeri perlulah membentangkan satu Laporan Tahunan ke Dewan Yang Mulia Ini berhubung dengan prestasi dan kerja pegawai maklumat dan juga Lembaga Raya ini. Saya berbeza pendapat dengan Yang Berhormat ini Subang Jaya dan Seri Setia. Saya berpendapat Kerajaan memang ada hak untuk menolak permohonan maklumat tetapi hak ini atau pun kuasa ini perlu disemak dan saya cadangan salah satu bentuk semakkan boleh buat ialah Dewan Yang Mulia Ini mengawal menyemak kuasa yang terletak pada Kerajaan Negeri ini. Keenam adakah Enakmen ini mempunyai kesan *restoratives*. Kita juga sedia maklum bahawa terdapat dokumen dan perjanjian yang pernah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dengan Syarikat Swasta dan kebanyaknya dokumen atau perjanjian ini dia mempunyai banyak tertentu yang melindungi atau pun mengelak sebahagian atau seluruh bahagian daripada kandungan perjanjian itu didedahkan atau pun diberi kepada orang ramai. Contohnya apa yang kita bincangkan baru-baru ini Perjanjian Konsesi Air di antara Syabas, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ini melibatkan Kerajaan Persekutuan sekali lagi masalah timbul jadi adakah Enakmen ini mempunyai kesan-kesan terhadap perjanjian yang ditandatangani sebelum penguatkuasaannya Enakmen ini? Yang keenam saya juga ingin memberi cadangan tambahan bahawa beberapa bentuk atau pun jenis dokumen atau pun maklumat tidak boleh sekali kala ditakrifkan sebagai Rahsia Rasmi di bawah Enakmen ini. Contohnya seperti Minit Mesyuarat Majlis Bulanan PBT, Minit Mesyuarat Pejabat dan Tanah Daerah dan sebagainya atau mungkin bolehkah kita jadikan dokumen-dokumen seperti ini seperti surat menyurat yang ada Jabatan sebagai dokumen yang boleh diberi dengan bebas di bawah Enakmen ini apabila ada permohonannya. Kita takrifkan, kita tetapkan Enakmen bahawa ianya tidak boleh sekali kala dinyatakan sebagai Rahsia Rasmi. Mungkin kah kita berbuat demikian. Tujuan saya mencadangkan ini adalah menunjukkan komitmen kita terhadap ketelusan dan semangat CAT di mana memang ada dokumen tertentu kita tidak akan menghalangnya daripada diperolehi oleh orang ramai.

Yang ketujuh saya juga ingin menyentuh kesalahan kita di dalam Rang Undang-undang ini ada menyentuh kesalahan tetapi kesalahan ini hanya menyentuh terhadap mereka yang menyalah gunakan dokumen atau pun maklumat yang diberi oleh Kerajaan. Adakah mungkin kita menetap kesalahan terhadap mereka siapa pun yang cuba melengah-lengahkan pemberian maklumat pembelian sesuatu maklumat yang telah pun diluluskan misalan ianya tidak dibekalkan langsung walaupun tak diluluskan atau pun ia dibekalkan tengah lewat tersangat lewat mungkin kita boleh mengkaji sama ada kita perlu memasukkan peruntukan dalam Seksyen ini berkenaan dengan kesalahan. Saya juga ingin tadi Yang Berhormat EXCO menyentuh tentang pengisytiharan aset dan harta EXCO ianya dilakukan pada tahun awal tahun yang lalu. Pada masa itu kalau saya tidak silap pengisytiharan sepatutnya dibuat pada hujung tahun ini saya menyarankan supaya komitmen kita kepada kebebasan maklumat mungkin kita menjalankan pengisytiharan ini, kalau setengah tahun sekali terlalu kerap sangat, mungkin satu tahun sekali. Memang kalau kita buat setahun sekalipun ia sudah tamat tarikhnya. Saya minta supaya perkara ini juga boleh dibincangkan sesama EXCO supaya sesuatu boleh dilakukan pada akhir tahun ini. Jadi inilah apa yang saya berharap, saya berharap EXCO dan juga Jawatankuasa pilihan yang akan ditubuhkan nanti boleh meneliti enakmen ini dan meneliti masalah-masalah yang saya bangkitkan tadi. Apa pun sekali saya mengucapkan syabas kepada kerajaan negeri Selangor, syabas kepada Dewan yang mulia ini kerana sekali lagi kita mencipta sejarah menjadi Dewan nombor satu di seluruh Malaysia yang membawa undang-undang yang positif ini. Terima kasih.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum* dan selamat sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan juga semua yang mengikuti Sidang Dewan pada tengah hari yang mulia ini.

Dusun Tua terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan pada pagi yang mulia tadi.

Bila bercakap soal kebebasan maklumat ini Puan Speaker, hari ini mungkin kita berada di sidang Dewan ini membentangkan Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat. Dan di luar sana, pada saya hari-hari maklumat terlepas begitu sahaja. Hari ini kalau kita nak sebut soal maklumat dan kebebasannya, kalau kita lihat dalam Internet dan sebagainya berita-berita aksi dan gambar mereka-mereka dalam bilik tidur pun boleh terlepas keluar seperti mana yang dia sedia maklum, Puan Speaker. Jadi justeru itu, Dusun Tua juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor pada tengah hari yang mulia ini. Dusun Tua masih sangsi dan ragu tentang hasrat kerajaan negeri yang dilihat mahu menjadi hero dalam ketelusan dan kebebasan untuk mendapatkan maklumat kerajaan. Sedangkan dalam masa yang sama kita sedia maklum bahawa undang-undang yang dibentangkan ini adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, serta menceroboh perkara yang ternyata terletak bawah bidang kuasa Parlimen dan Kerajaan Persekutuan.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Puan Speaker, saya mohon teruskan. Saya rasa saya ada 12 minit aje.

YBTUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan, Puan Speaker, kalau kita boleh bagi masa tambahan kepada Dusun Tua untuk berucap lepas kita kembali lepas makan tengah hari. Seri setia akan sokong.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia, Seri Setia, biar Pengerusi yang tanya Dusun Tua. Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Terima kasih Puan Speaker, saya nak teruskan. Di Dewan yang mulai ini, Dusun Tuan akan membawa beberapa perkara yang diambil kira oleh Ahli Dewan Undangan Negeri sebelum membuat keputusan untuk meluluskan Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Yang pertamanya, Puan Speaker, Rang Undang-undang ini jelas, sesuatu yang tidak perlu untuk menjadi maklumat Akta Rahsia Kerajaan, itu sebagai boleh diakses. Dan diketahui oleh masyarakat umum, kerana ini hanyalah gimik politik dan permainan Kerajaan Parti Pakatan Rakyat yang mahu dilihat seolah-olah pro rakyat, cintakan ketelusan dan kebertanggungjawaban.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan, Puan Speaker.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Oleh itu niat untuk meluluskan enakmen ini wajar dibuat dan dipertikaikan ..

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan, Puan Speaker.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : dan ini hanyalah pendekatan popular kepada rakyat tetapi jelas tidak perlu dan tidak relevan sama sekali.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan, Puan Speaker.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Rang undang-undang ini jelas membataskan maklumat

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua, Dusun Tua

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : sebagai dokumen yang tidak termasuk ...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua, Setia dari tadi lagi minta untuk mencelah

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya rasa dia dah bercakap tadi. Izinkan saya, ini untuk saya..

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Ini nak bertanya, nak minta penjelasan daripada Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Rang undang-undang ini jelas membataskan maklumat sebagai dokumen yang tidak termasuk atau yang telah diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Ia menyebut sebagai maklumat yang ertiya apa-apa dokumen yang dibuat oleh mana-mana Jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk dokumen A, yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Maka rakyat boleh dikelirukan dengan nama besar Enakmen Kebebasan Maklumat. Seolah-olah semua maklumat boleh di akses dan diketahui oleh rakyat jelata. Sedangkan dalam masa yang sama masih ada maklumat yang tidak boleh di akses di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, seperti mana yang disebutkan oleh pembahas-pembahas sebelum ini. Setelah Rang Undang-undang ini diluluskan maka lengkaplah

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : maka lengkaplah pusingan akses.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua, ada Yang Berhormat ingin minta penjelasan.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Nak tanya

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya nak teruskan, Puan Speaker.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Saya tak cakap lagi, tapi dia dah cakap dah. Boleh.

- YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Saya nak teruskan. Saya nak teruskan.
- PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dusun Tua boleh ‘excercise’ dengan izin, hak Dusun Tua..
- YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Terima kasih..
- PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tidak menjelaskan hak Dusun Tua kalau memberi laluan kepada Yang berhormat.
- YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Saya nak teruskan, Puan Speaker, terima kasih.
- YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Setelah Rang Undang-undang ini diluluskan maka lengkaplah maka lengkaplah pusingan akses dan pemberian maklumat kepada orang awam kerana ini suatu perisytiharan seolah-olah bahawa kerajaan negeri telah mengelaskan semula, mengelaskan semula semua maklumat rahsia kerajaan dan kini boleh diakses dan diketahui oleh rakyat. Pada hal hakikatnya Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar boleh mengelaskan semula apa juga maklumat atau rahsia kerajaan yang bersesuaian dengan skop di bawah Seksyen 2(C) bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, seperti mana yang disebut juga oleh Kampung Tunku dalam perbahasannya tadi.
- YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan....
- YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Seksyen ini menyebut Menteri Besar atau mana-mana pegawai awam yang telah dipertanggungkan dengan apa-apa tanggungjawab terhadap mana-mana Kementerian jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam.
- YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya, Puan Speaker, saya minta penjelasan.
- PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dusun Tua. Nampaknya awak kena beri laluan.
- YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Saya nak teruskan, Puan Speaker.
- PUAN TIMBALAN SPEAKER** : terlampau banyak sangat permintaan.
- YB TUAN LAU WENG SAN** : Nama saya disebut tadi, Puan Timbalan Speaker, jadi minta penjelasan sama ada
- YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Saya rasa saya nak teruskan.
- YB TUAN LAU WENG SAN** : sama ada Yang Berhormat turut faham apa yang saya katakan tadi atau tidak.
- YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Terima kasih Puan Speaker, saya teruskan. Terhadap mana-mana Kementerian jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri, sesuatu negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal ehwal pentadbiran sesuatu negeri, boleh pada bila-bila masa mengelaskan semula apa-apa suratan yang dinyatakan dalam jadual atau apa-apa suratan rasmi maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi rahsia rasmi. Jadi bererti tanpa Rang Undang-undang

Enakmen Kebebasan Maklumat ini juga kita masih boleh mengakses maklumat dengan keizinan Dato' Menteri Besar.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan. Puan Speaker.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Ini bermaksud apa-apa maklumat yang telah dikelaskan sebagai rahsia rasmi boleh pada bila-bila masa berhenti jadi rahsia rasmi jika dilakukan oleh Menteri Besar.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan. Puan Speaker.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya ulang sekali lagi. Atau pihak-pihak yang mempunyai kuasa untuk, dalam Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat 2010 ini jelas tidak mempunyai apa-apa fungsi dan menjadi sia-sia belaka. Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat, dan lagi jika rang undang-undang enakmen ini diluluskan, ia seolah-olah memberikan satu jalan yang senang untuk mana-mana pihak bagi mendapatkan rahsia rasmi, semasa atau lampau maklumat itu dikelaskan sebagai bukan rahsia setelah mana diterangkan seperti di atas.

Cuba bayangkan, sekiranya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengelaskan semula sesuatu maklumat secara senyap-senyap kemudian meminta mana-mana pihak rakyat daripada parti politik dokongan beliau datang meminta maklumat tersebut. Maka dia dapat maklumat tersebut yang seolah-olahnya telah dikelaskan dan mudah diperolehi dek kerana enakmen kebebasan maklumat ini. Sedangkan tanpa enakmen ini semua perkara di atas boleh dilakukan.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan, Puan Speaker.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Malah beliau boleh juga berpaktat dengan mana pihak untuk mencungkil maklumat tertentu.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya rasa Dusun Tua salah faham enakmen.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : tentang sesuatu perkara demi maklumat matlamat parti beliau. Jadi..

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan. Puan Speaker. Boleh bagi laluan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya mohon teruskan. Dalam keadaan yang kedua pula Puan Speaker, cuba bayangkan pula ada rakyat daripada parti politik yang bertentangan meminta sesuatu yang diklasifikasikan berhubung dengan tindak tanduk kerajaan sekarang, maka tentulah kurang cerdik kalau Yang Berhormat Dato' Menteri Besar mengelaskannya semula. Lagipun jelas dalam enakmen bahawa pegawai maklumat boleh menolak mana-mana permohonan dengan apabila ;

a) pemohon tidak berhak untuk mengakses maklumat yang nyata, boleh membuat alasan tersebut mengikut budi bicara untuk menolak sebarang permohonan.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan. Puan Speaker.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Maka apakah makna kebebasan maklumat dalam konteks enakmen yang dibacakan ini..

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan. Puan Speaker.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Justeru itu Dusun Tua melihat enakmen ini hanya sekadar permainan Pakatan Rakyat dan tidak relevan langsung dalam konteks pengurusan dan pengawalan maklumat.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker. Minta laluan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : kerahsiaan kerajaan yang sebenarnya. Puan Speaker, perkara ke dua yang ingin saya bawakan di sini, Dusun Tua dan juga bersama barisan Ahli Dewan Undangan negeri Barisan Nasional cenderung mahu mengumpulkan enakmen ini juga sedikit sebanyak mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk kroni rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat. Cuba kita lihat

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua. Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : bahagian dua pelantikan pegawai maklumat, saya rasa

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : saya rasa ada perkara kita bersetuju di sini, saya nak bertanya. Boleh.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua, saya sebenarnya sebagai pengurus boleh beri kebenaran untuk Seri Setia untuk bercakap. Tapi baik, Dusun Tua berbuat demikian.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya nak teruskan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : sebab..

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya nak teruskan, Puan Speaker. Cuba kita lihat bahagian, dua pelantikan pegawai maklumat, tiga, menyebut pihak berkuasa negeri bolehlah melalui warta melantik pegawai maklumat bagi setiap jabatan. Sudah tentu pegawai maklumat dilantik akan dibayar gaji oleh kerajaan negeri, jabatan atau agensi kerajaan berkaitan. Kemudian kita lihat pula perkara enam menyebut, ahli lembaga rayuan hendaklah dibayar daripada kumpulan wang disatukan negeri. Elaun yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri, ini membuktikan sudah terang lagi bersuluh. Enakmen ini hanyalah satu lagi sekian banyak mekanisme dalam Pakatan Rakyat untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada kroni

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker, minta laluan. Saya rasa Dusun Tua tak baca enakmen ni.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : apakah kerajaan negeri boleh memberi jaminan bahawa pelantikan pegawai maklumat dan lembaga rayuan adalah bebas daripada pengaruh politik kepartian.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker, minta laluan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Peraturan Mesyuarat, peraturan mesyuarat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : kalau ingin bercakap guna peraturan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, peraturan mesyuarat di bawah 36(5), seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap ahli yang lain. Di sini Yang Berhormat Dusun Tua menyatakan bahawa EXCO membentang enakmen rang undang-undang ini adalah untuk memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang tertentu, jadi saya rasa ini adalah satu sangkaan jahat. Saya rasa enakmen ini baik buruknya ia tidak harus, sangkaan jahat sebegini tidak harus dilemparkan pada kerajaan ataupun ahli EXCO yang berkenaan untuk kepentingan sendirinya. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Dusun Tua tarik balik kerana saya rasa ini adalah satu sangkaan jahat.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Ini pandangan, saya tidak menuduh.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada, unsur sangkaan jahat.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya beri pandangan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kalau ada unsur sangkaan jahat mesti tarik balik.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya tidak menyangka jahat, Cuma ini pandangan daripada saya, ini menunjukkan kerajaan...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kalau Ahli Yang Berhormat yang mendengar

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker.. minta laluan..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : kalau ingin bercakap, mesti... sekarang ini waktu perbahasan.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tak, saya nak tanya, Tuan Timbalan Speaker, sangkaan jahat, seksyen berapa tu. Kalau Puan Speaker nak suruh tarik balik.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Cuba bacakan.

YB TUAN LAU WENG SAN : 36(5)

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Itu pandangan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Itu sangkaan jahat. Sangkaan jahat menuduh bahawa ada muslihat atau ada udang sebalik batu.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker, bila nak suruh tarik balik tu ke, kena bagi tau seksyen juga lah.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya tak menyebut mana-mana individu, Puan Speaker. Saya tak menyebut mana-mana individu. Ini pandangan saya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya minta kalau Dusun Tua ingin teruskan, tarik balik sangkaan jahat tersebut.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya tak anggap itu sangkaan jahat. Kalau begitu banyak lagi perkara dinyatakan oleh kerajaan tadi, yang lebih bersangka jahat, lagi banyak daripada itu. Adakah disebabkan kita unkit baru dikatakan sangkaan jahat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya ingin mengingatkan, tak ada, tidak menjelaskan maruah kalau menarik balik kenyataan....

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Pada saya ini pandangan saya,

PUAN TIMBALAN SPEAKER : berunsur sangkaan jahat...

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Ini pandangan saya..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : seperti mana Sekinchan dah berbuat demikian tadi.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya tak menyebut mana-mana individu..

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sekinchan lain.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya tak menyebut mana-mana individu. Ini pandangan saya. Dan saya rasa banyak juga Yang Berhormat Dewan ini memberi pandangan yang sama.. Dan saya rasa kalau dengan Bukit Antarabangsa berucap lagi jauh sangkaan jahatnya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya tak minta dihuraikan perkara yang lain. Perkara apa yang berkaitan dengan ucapan Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya anggap ini pandangan saya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker, habis masa. Terima kasih.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Ha ini lebih daripada Speaker. Sekinchan ni berlagak lebih daripada Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua, saya minta duduk. Baik, jam sudah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari,

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Okey, Puan Speaker, saya tutup bahawa enakmen ini memang tidak relevan untuk dibentangkan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah pun menunjukkan 1.00 tengah hari, dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, Rawang ingin turut serta perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat. Berikutan dengan mengenai pengumuman harta oleh Menteri Besar dan barisan EXCO Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Khalid dan EXCO pada kali ini kita sudah mara langkah ke hadapan dengan membentangkan Enakmen Kebebasan Maklumat di dalam dewan yang mulia pada hari ini. Dan juga ingin kita ingatkan dalam beberapa minggu yang lepas telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga bahawa Kerajaan Negeri akan mengimplikasikan integriti *pack* (dengan izin) dengan Kumpulan Semesta Sdn Bhd bagi memastikan ketulusan dalam pentadbiran syarikat tersebut. Dengan ini, menunjukkan kerajaan Pakatan Rakyat sangat komited dalam merealisasikan dalam apa yang kita katakan ketulusan dan kebertanggungjawaban dalam urus tadbir negeri Selangor. Enakmen ini adalah sangat penting dalam mengiktiraf hak untuk mengetahui (dengan izin) *read to now* pembayar cukai dan mereka kepentingan dalam pembangunan negeri (dengan izin) *state holder of the state*. Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor bukan sahaja merakyatkan sumber ekonomi negeri bagi memastikan pengagihan hasil negeri kepada rakyat Selangor pelbagai kaum dan bangsa, tetapi kali ini, kita juga merakyatkan maklumat agar supaya semua rakyat atau warga negeri Selangor boleh mendapatkan maklumat yang berkenaan pembangunan dalam sesuatu kawasan atau dalam konteks yang lebih besar dalam negeri Selangor. Jadi, saya tidak ingin mengulang apa yang dikatakan oleh rakan-rakan kita sebelum ini, cuma ingin ditegaskan tadi bahawa perlu ada satu Enakmen yang seiring atau berimbang untuk memastikan hak peribadi *privacy right* seseorang individu itu tidak akan terancam dengan pelaksanaan enakmen ini. Dan, saya juga ingin mencadangkan supaya bahagian 372 yang menyatakan bahawa maklumat berkaitan nyawa atau kebebasan seseorang individu maklum balas hendaklah di buat dalam masa tempoh tujuh (7) hari ditukar kepada satu (1) hari ataupun dua puluh empat (24) jam memandangkan maklumat seperti ini adalah amat *urgent* (dengan izin). Dan setelah mendengar apa yang dikatakan oleh ADUN-ADUN tadi saya rasa amat penting sumber yang besar diletakkan untuk membuat kempen kalau boleh kita buat *handbook* (dengan izin) ataupun buku panduan kepada orang awam kerana tiada maknanya kalau satu enakmen atau akta diadakan tetapi orang awam atau orang ramai yang merupakan majoriti *state holder of the state* tidak gunakan enakmen ini dengan sebaiknya. Dan Saya rasa, kita tidak perlu takut sekiranya enakmen ini diadakan, saya rasa ini bukan bertentangan dengan perlembagaan persekutuan, bertentangan dengan Akta Rahsia Rasmi, tapi adakah ia bertentangan dengan kepentingan sekumpulan orang yang hendak menghalang enakmen ini daripada diluluskan dalam dewan ini dan saya rasa adalah ADUN-ADUN dari BN patutnya mengalu-alukan enakmen ini seperti sebab kita tahu semua begitu minat dengan isu pasir. Kalau dengan kelulusan enakmen ini kamu semua boleh dapat dokumen pasir dengan begitu senang tanpa melalui bawak lawat tapak pasir tetapi melalui pintu belakang, tapi tidak nampak papan tanda Kumpulan Semesta. Saya cadangkan ADUN-ADUN dari BN bersama-sama berlapang dada,

buka semua you minda, kita sama-sama sokong enakmen, sekian begitu sahaja berbahasan saya, sekian terima kasih

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Tuan Speaker, boleh saya minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Batang kali.

YB PUAN GAN PEI NEI : Habis dah.

TUAN SPEAKER : Sudah habis.

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Cuma saya hendak maklumkan pada Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sudah habis. Nasib baik sudah habis.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih Tuan Speaker, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang khususnya pada Yang Amat Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO-EXCO dan juga pegawai tertinggi kerajaan yang berada dalam dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih khususnya kepada Tuan Speaker kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat 2010 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan bagi pihak Kerajaan Negeri. Tuan Speaker saya merasakan bahawa Enakmen yang di bawa ini ada kebaikan dan ada keburukannya. Maka bagi saya dalam masa yang singkat ini dalam ucapan saya, saya hendak membawa perhatian kita sama-sama bahawa Enakmen ini kalau sekiranya benar-benar satu enakmen yang boleh memberi yang terbaik kepada rakyat di dalam negeri Selangor maka saya sendiri walaupun dari pihak BN mengalu-alukan enakmen ini, Tetapi, seperti mana yang saya nampak isu-isu atau beberapa *point* (dengan izin) yang di bawah oleh ADUN-ADUN oleh pihak negeri sendiri ada membangkitkan bahawa enakmen ini walaupun dibawa ada beberapa kepincangan yang boleh diperbaiki, maka saya sendiri ingin mengambil tahu beberapa maklum kepada beberapa pihak yang menyediakan enakmen ini bahawasanya bagi saya apa yang saya rasa musykil adalah beberapa perkara tetapi yang lebih ringkas ialah pada bahagian tiga (3) dalam *part* dua (2) iaitu bahagian tiga (3) iaitu (dengan izin) *parmesans of officer* ini kita di maklumkan bahawa (dengan izin) *state of turoti maybe cazeť appoint officer for ever department*. Saya rasa yang ini kita tahu bahawa kuasa sepenuhnya diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk melantik pegawai maklumat ataupun *information officer* tetapi dalam itu juga kita hendak tahu apakah kriteria pegawai ini yang dipilih, kerana kita takut walaupun enakmen ini betul hendak memberi kebebasan untuk mendapatkan maklumat kepada rakyat tapi mungkin juga kalau kita di pihak pembangkang memerlukan beberapa maklumat tetapi masih akan sukar untuk mendapat kerana pegawai ini hanya menerima arahan dari pihak-pihak tertentu dengan itu saya rasa

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ok.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat Taman Templer yang dapat menerima celahan, dan saya juga mengalu-alukan pandangan Yang Berhormat yang lebih positif terhadap enakmen ini berbanding dengan rakan-rakan Yang Berhormat lain. Cuma, saya hendak bertanya, kalau kita lihat dalam draf enakmen tersebut, ada disebut bahawa pegawai maklumat tersebut dilantik daripada kalangan bekas... pengerusinya adalah dari bekas hakim atau peguam bela, maaf itu lembaga rayuan. Kita di sini ada menyebutkan ada *check and control* terhadap pelantikan tersebut di mana kalau kita dilantik misalnya yang prejudis dia boleh di bawah kepada lembaga rayuan yang ada dilantik dari bekas anggota kehakiman dan sebagainya.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih Seri Setia, dalam itu juga rasa eloklah kita dengan lebih terperinci dimasukkan dalam enakmen ini kriteria-kriteria pegawai itu yang dilantik, kerana seperti mana yang kita maklum, kita hendak membuat sesuatu maklum dengan kepentingan rakyat, walaupun begitu saya rasa elok juga kita di pihak pembangkang ini mahupun sesiapa di pihak rakyat perlu tidak diberi peluang untuk tidak dapat semata-mata kerana mungkin fahaman politik sebagainya yang berlainan. Tuan Speaker, saya juga berharap apa yang dibawa oleh Kota Damansara, Kampung Tuanku pun betul dari segi *part tiga (3) application part tiga (3) part enam (6)* di mana disebutkan (dengan izin) *application soluble submition together by payment of fee* maka di sini juga kita hendak tanyakan jumlah bayaran pun juga kita ragu kerana tidak diperincikan dengan lebih jelas kerana mungkin dengan bayaran yang dikenakan mungkin cukup tinggi kalau sekiranya maklumat-maklumat yang lebih sulit dipihak kerajaan negeri yang memerintah ini, kalau kita hendak keluarkan kita tidak mengetepikan peluang untuk sesiapa mendapatkannya maka bayaran ini akan dikenakan dengan lebih tinggi, juga tuan pengerusi, Tuan Speaker saya merasakan bahawa kalau sekiranya enakmen ini diluluskan, maka ia bebas sepenuh-penuhnya kerana saya merasakan kalau sekiranya kita masih lagi mengenakan syarat-syarat khususnya di seksyen tiga (3) nombor lapan (8) menyatakan bahawa pegawai yang diberikan kuasa ini masih boleh mempunyai kuasa untuk menolak sebarang permohonan, maka di sini saya nampak kononnya nampak ikhlas, minta maaf, kononnya nampak ikhlas tetapi mungkin dalam keikhlasan ini hanya untuk mengaburi mata rakyat. Tuan-tuan, puan-puan, Tuan Speaker sendiri saya hendak maklumkan di sini bahawa sebenarnya, inilah sebenarnya apa yang dilakukan oleh kerajaan Pakatan Rakyat selama dua setengah tahun. Minta maaf, kerana bagi saya, saya sendiri memang merasakan bahawa mungkin ada perubahan yang bakal dilakukan tapi saya, Tuan Speaker, saya merasa sedih kerana baru-baru ini kita digemparkan satu jawapan yang diberikan oleh EXCO Pandamaran di mana sahabat saya dari Kuang memaklumkan bahawa beliau bertanyakan pada dewan ini khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mana saya nampak hendak membuat perubahan tetapi EXCO Kuang ini maklumkan kepada EXCO Pandamaran bahawa kerajaan negeri yang lepas telah menyatakan bahawa cukai pintu akan dikurangkan sebanyak 20% sepatutnya sebagai seorang EXCO yang bertanggungjawab beliau menjawab dengan lebih jelas dan ikhlas tetapi saya rasa Bukit Antarabangsa pun mungkin terkejut walaupun baru masuk petang ini, saya rasa beliau pun mesti terkejut kerana jawapan yang diberikan itu cukup mendukacitakan. Beliau memaklumkan bahawa kita maklum tetapi bila hendak buat itu kita tidak tahu dan kita tidak janji. Nampaknya seolah-olah kita menipu rakyat negeri Selangor, saya rasa cukup rasa kecawa. Ya Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : ADUN daripada Rawang minta mencelah.

YB PUAN GAN PEI NEI : Minta penjelasan sedikit, ini DUN yang sebelah adalah DUN yang baik adalah DUN Taman Templer, Saya cuma ingin bertanya kalau Yang Berhormat Taman Templer ingin betul-betul bebas adakah Yang Berhormat akan menyokong kalau dalam

Akta Rahsia Rasmi di peringkat persekutuan supaya kita betul-betul boleh bebas, tidak boleh terikat dengan akta-akta ini.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker itu dalam dewan ini saya tidak berkuasa, kalau saya mungkin menjadi Menteri Dalam Negeri lain cerita ya. Tapi saya rasa tidak lah sampai ke tahap itu, kerana Menteri Dalam Negeri ini cukup hebat, tetapi ADUN-ADUN BN sanggup masuk Barisan Nasional, pembangkang, apa ini, Kerajaan Negeri masuk BN insya-Allah mungkin saya ada peluang ya. Tapi Tuan Speaker, berbalik kepada ini saya ingin menekankan di sini bahawa kalau benarlah ikhlas apa ini, warta ini atau rang undang-undang ini diluluskan, biarlah ikhlas dan betul-betul, jangan kita buat sekadar hendak menunjukkan kepada rakyat di negeri Selangor kita yang pertama membuat perkara ini tetapi akhirnya tidak berubah. Masih lagi kita sukar untuk mendapat maklumat-maklumat yang saya rasa kadang-kadang rakyat juga perlu tahu apa yang berlaku tetapi... Tuan Speaker, Seri Setia dia ni mungkin baru macam saya dia seronok sangat hendak bercakap. Tetapi tidak mengapa boleh cakap

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih, kita sama-sama baru kita sama-sama belajar. Cuma saya fikir dipihak penyokong kerajaan tadi ada beberapa penambahbaikan yang kita syorkan untuk enakmen ini dan mungkin saya hendak jemput kalau ada usaha peringkat dewan untuk menambahbaikkan enakmen ini kita jemput Taman Templer untuk turut sama dalam usaha tersebut.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, saya bercakap ini bukan untuk mendapat pujian. Dapat pujian daripada Sekinchan seorang pun cukuplah. Kerana saya nampak Sekinchan ini memang hebat kerana itu saya setiap kali dalam dewan saya menyuruh Menteri Besar supaya melantik Sekinchan menjadi EXCO tapi nampaknya Menteri Besar ini tidak mahu dengar, tetapi tidak mengapa itu kuasa dia. Tapi, saya hendak beritahu Sekinchan ni tapi sekiranya Sekinchan masuk dalam BN Insya-Allah saya akan syorkan dia orang pertama yang dilantik sebagai EXCO. Tuan Speaker, saya berbalik kepada perbahasan ini jadi di sini, *point* atau isu yang saya hendak bawa di sini adalah supaya kalau kita hendak buat ini jangan sekadar kita hendak seronokkan atau pun kita hendak menambat hati rakyat, tapi yang pentingnya, biar dibuat, dibuat dengan baik ikhlas dan kita sendiri di pihak pembangkang ini akan menyokong, hanya sahabat-sahabat saya pada pihak pembangkang membawa perkara-perkara nampaknya bukan tidak menyokong langsung tetapi kita merasakan bahawa warta ini perlu dibuat dengan baik dengan lebih terperinci, dengan lebih ruang seluas-luasnya kerana kalau hendak membuat sesuatu biarlah buat dengan elok, dengan baik supaya kita benar-benar mendapat manfaat daripada ini, saya juga hendak maklumkan kepada Tuan Speaker bahawa contoh beberapa perkara kononnya yang hendak dibuat tetapi masih tidak buat kerana dalam masa singkat ini saya kena cakap fasal kawasan saya juga di Taman Templer di kes Bukit Botak ini, baru-baru ini kita pun tahu kerajaan negeri telah berjumpa dengan rakyat di situ yang mana saya tahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun telah terlibat dengan langsung, maka rakyat di situ telah pun dijanjikan untuk menyerahkan geran mereka supaya mereka akan dibayar pampasan-pampasan di atas pemberian balik geran kepada kerajaan supaya mereka diberikan rumah yang sekian lama memang betul dah lama sangat mereka tertunggu-tunggu tetapi baru-baru ini, saya sendiri pun terkejut...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sudah melencong dah,

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tahu tetapi nak bawa *point* ini.

TUAN SPEAKER : Dah selalu Bukit Botak je ini pun dah masuk.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ini saya botak pun tak selesai lagi.

TUAN SPEAKER : Tetapi bukan masanya.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ok Tuan Speaker, tetapi saya cuba nasiblah, tetapi kalau Speaker ini lebih arif saya rasa Speaker ini hebat jadi saya mengesyorkan Speaker ini memang bagus, hebat saya pun akur dan hanya saya berharaplah supaya kalau boleh biarlah perkara ini walaupun tidak masuk dalam isu yang kita bincangkan ini tetapi diberi perhatian yang serius kerana seperti mana yang kita nampak kita nak tolong rakyat, betul-betullah tolong rakyat ya kerana itu Tuan Speaker saya dalam singkat ini saya maklum atau saya menyeri pihak Kerajaan kalau naik buat sesuatu biarlah buat dengan betul. Jangan kita buat sekadar kita nak seronok, kita nak tunjuk rakyat kita telus dan sebagainya. Tetapi saya pun rasa tadi dalam perbincangan ADUN daripada Subang Jaya pun isu yang dibawa pun betul, beliau pun saya rasa menyokong apa yang saya menyatakan bahawa nak buat elok tetapi biarlah buat dengan baik, biarlah telus supaya kita sama-sama dapat memberikan yang terbaik untuk rakyat di Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Kajang.

YB LEE KIM SIN : Terima kasih kepada Tuan Speaker untuk memberi peluang kepada Kajang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini Enakmen kebebasan maklumat. Tuan Speaker rang undang-undang ini memang satu langkah yang memang baik dan usaha yang memang begitu murni untuk memperkasakan rakyat. Dan bukan sahaja tetapi orang awam dan juga NGO dan juga pihak pembangkang yang akan memudahkan untuk mendapatkan maklumat. Dan ini menunjukkan, ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan bawah Pakatan Rakyat ini dia bertindak secara terbuka, ketulusan memang wujud dan demokrasi. Sesiapa sahaja boleh dapat akses kepada maklumat dan keikhlasan dan memang kita bertekad nak menjadikan Kerajaan kita, Kerajaan Negeri kita satu Kerajaan Negeri yang ada akauntabiliti, ketulusan dan urus tadbir baik. Jadi apa yang disebutkan oleh dengan harapan Templer memanglah kita akan tunjukkan. Jangan risau dan kita akan sama-sama ambil tanggungjawab ini untuk memastikan pemerksaan rakyat ini diteruskan. Kita dapati dalam Kerajaan yang aristokrat yang dulunya dalam keadaan feudal kesemuanya maklumat dikawal dan dikuasai oleh segelintir kecil yang berkuasa. Kerana mereka takut sumber-sumber yang dikawal oleh mereka ini akan diketahui dan diambil ataupun dituntut oleh rakyat sekiranya rakyat tahu apa yang berlaku itu sebenarnya. Untuk menguasai harta dan sumber-sumber ini maka maklumat-maklumat yang seharusnya diberi kepada rakyat disekat dan dimonopoli. Dan kita dah nampak sudah lima puluh tahun lebih daripada lima puluh tahun Kerajaan Barisan Nasional mentadbir di Negara kita termasuk Negeri Selangor, kita nampak bawah Kerajaan Barisan Nasional yang tidak ada perubahan dari segi ataupun inisiatif untuk mengubah keadaan sebegini kerana nak menguasai maklumat supaya rakyat tidak dapat akses. Tambahan dengan apa yang disebut oleh rakan-rakan kita tadi OSA dan Akta Cetak dan Mesin Cetak dan sebagainya yang menyekat rakyat daripada mendapat maklumat daripada ini. Dari penyekatan ini merupakan satu Kerajaan ya bawah Kerajaan autokratik dan pseudo - demokrasi yang memang tidak ada yang demokrasi sebenarnya. Ini adalah yang dilakukan oleh BN selama ini. Dan usaha kita bukan setakat nak membebaskan maklumat, memberi akses kepada rakyat tetapi kita telah tunjukkan beberapa langkah dan juga usaha Kerajaan Pakatan Rakyat sejak 2008 kita ambil alih. Kita telah ujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas (SELCAT) di mana pendengaran awam diadakan dan semua sesiapa saja dapat mengakses kepada maklumat bukan sahaja datang hadir diri tetapi di rumah melalui Internet boleh juga menonton secara langsung proses yang dilangsungkan. Selain daripada itu kita ada

juga tubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas seperti ABAS, kita ada PADAT dan ada juga PAC. Dan dokumen-dokumen ini memang dapat akses seterusnya. Kajang ada suatu pengalaman yang memang amat mengecewakan pada masa yang tahun lepas, walaupun sudah jadi ADUN tetapi pergi ke Pejabat Kerajaan di Hulu Langat minta maklumat berkaitan dengan pemohon-pemohon tanah di mana tanah itu sudah dilupuskan oleh Kerajaan Negeri untuk penempatan semula. Dan bila Kajang berjumpa dengan pegawai berkenaan telah dimaklumkan bukan saja jumpa dengan surat bertulis meminta maklumat dan dimaklumkan pegawai ini tidak ada kuasa memberi maklumat ini. Dan terpaksa dan dinasihatkan supaya jumpa dengan EXCO, hanya EXCO melalui permintaannya itu baru maklumat boleh diberikan kepada EXCO bukan pada ADUN. Jadi ini menunjukkan bahawa betapa susah seorang rakyat ADUN pun tidak dapat mengakses kepada maklumat apa tah lagi orang awam. Jadi keadaan ini akan terus berlaku sekiranya kita tidak ada Enakmen Kebebasan Maklumat yang kita akan luluskan di dalam Dewan kita ini.

Tuan Speaker Kajang menyokong penuh rang undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat kerana ini merupakan satu usaha reformasi dan juga transformasi kerajaan kita dan kita janjikan pada rakyat dan bukan sahaja janji dan ini merupakan hasrat rakyat di mana satu proses maklumat yang begitu banyak, yang begitu senang akses melalui Internet, kesemuanya kita boleh dapat tetapi kalau kita sekat maka kita akan melambatkan kemajuan kita bukan sahaja di Negeri bahkan di peringkat Negara dan kalau kita lihat dari segi skop bukan sahaja rakyat perseptif rakyat kita tengok juga pihak parti baik pihak Kerajaan maupun pembangkang seperti disebut tadi kita sama-sama dapat akses kan maklumat dengan sama *opportunity* sama. Selain daripada itu kita kalau lihat dari segi pentadbiran pegawai-pegawai Kerajaan juga tidak rasa takut atau pun teragak-agak kalau kita ada enakmen ini maka mereka berdasarkan enakmen ini mereka dapat membekalkan maklumat kepada sesiapa yang minta mengikut apa yang dijelaskan dalam enakmen ini. Dan selain daripada permintaan-permintaan ataupun orang awam yang datang memohon untuk maklumat ini Kajang bercadang kita sebagai seorang Kerajaan yang memang galakkan penglibatan rakyat perkasan rakyat, kita harus bertindak bukan sahaja pasif menunggu orang datang meminta maklumat tetapi kita harus bertindak secara aktif. Dan Kajang memang menganggap apa yang telah dilakukan oleh inisiatif yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengklafikasikan dokumen-dokumen berkaitan dengan Bukit Botak seperti yang disebut oleh Templer tadi dan juga berkaitan dengan Hutan Simpanan, Yayasan Basmi Kemiskinan, dokumen-dokumen yang telah diklasifikasikan untuk makluman awam. Jadi usaha yang aktif ini memang kita harus amalkan dan kita bukan sahaja lagi cetakan risalah kita boleh ada pameran di kampung-kampung, di Balai raya, di tempat-tempat pasar raya di mana orang awam dapat akses maklumat yang lebih termasuk kita adakan taklimat khas di kawasan-kawasan di mana tempat perumahan, di taman-taman, di kampung-kampung untuk menjelaskan supaya mereka yang kurang mobil baik dari segi kewangan, tanggung kewangan ataupun kenderaan ataupun kecacatan, mereka dapat maklumat yang begitu senang yang lebih dekat daripada mereka. Selain daripada ini Kajang juga anggap kelulusan atau pun enakmen ini membawa makna juga dari segi demokrasi keadaan ataupun situasi demokrasi yang ditunjukkan di Negeri kita dan kalau diperingkat Nasional, kalau dapat diluluskan juga akta sebegini maka ini menunjukkan Negara kita dan negeri kita memang terbuka. Ada ketulusan maka keadaan-keadaan yang gawat sebegini pelabur-pelabur asing memang anggap tempat ini memang sesuai untuk mereka labur. Dan ini akan meningkatkan lagi pelaburan-pelaburan dan juga akan mengatasi kemelesetan ekonomi yang kita hadapi sekarang. Jadi Kajang menyokong penuh dan mengucap tahniah dan syabas ke atas usaha ini dan juga menganggap usaha ini harus seharusnya di sokong bukan sahaja oleh pihak Kerajaan tetapi pihak Pembangkang dan memang di luar memang disokong oleh Kakitangan penjawat awam dan juga orang awam keseluruhannya. Dan ini memang sesuatu yang ditunggu-tunggu dah begitu lama tidak dapat dilahirkan dan insya-Allah kita dapat zahir

kan dalam sesi atau pun dalam peringkat pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat kita kali ini. Dengan ini Kajang menyatakan sokongan penuh rang undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat ini. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya silakan Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang mulia. Batu Caves turut terpanggil untuk bersama-sama membahaskan termasuk dalam sejarah penting negeri kita mahupun negara kita kerana buat pertama kalinya dalam sejarah negara kita, kita berani untuk melangkah setapak bagi pihak kerajaan negeri Selangor dan kali ini kita bukan saja melaungkan reformasi tapi langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan dengan membentangkan enakmen kebebasan maklumat ini membuktikan bahawa kita benar-benar ingin melakukan reformasi khususnya dalam memberi ruang kepada rakyat dan juga masyarakat secara amnya, mengetahui tentang kepentingan-kepentingan mereka.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang setia, sesungguhnya pelaksanaan enakmen ini tidak memberikan keuntungan kepada pihak kerajaan atau pun kepada pihak pembangkang sebaliknya pelaksanaan enakmen ini serta kewujudan enakmen ini memberikan keuntungan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Tuan Speaker, daripada sejarah yang kita ikuti dan kita lalui sesungguhnya kebebasan enakmen kebebasan maklumat ini masih lagi dianggap baru di beberapa buah negara. Negara-negara seperti Indonesia, India sekitar tahun 2000 hingga 2005 melaksanakan akta kebebasan ini dan jika negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat membentangkan laporan ini kita sebenarnya sedang seiring ke arah sebenar-benar negeri yang maju dan sebuah negeri yang mampu memastikan setiap perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh pihak kerajaan khususnya pihak eksekutif yang diberikan tanggungjawab oleh rakyat dapat dipantau dari segenap segi dan ruang.

Tuan Speaker, maklumat adalah sesuatu yang sangat berharga dalam kehidupan kita. Dan maklumat juga akan menentukan satu jatuh bangun pemimpin, jatuh bangun kerajaan, jatuh bangun satu parti dalam satu kawasan. Kalau kita nilai dan mengingat peristiwa *water gate* di Amerika Syarikat yang melibatkan Nixon sudah pasti sebahagian dari kita menonton tayangan filem dokumentari terbaru dan menjadi antara filem terbaik 2009 iaitu *Nixon and Frost* yang melibatkan temu bual antara David Frost dan juga Presiden Nixon yang baru sahaja dilucutkan jawatan selepas isu *water gate*. Nixon tidaklah membuat perkara yang begitu besar kesalahannya tetapi Nixon membuat sesuatu perkara yang berunsur *cover up* dengan izin atau pun melindungi sebahagian maklumat di mana beliau menggunakan agensi kerajaan pada masa itu iaitu CIA untuk mengintip perbuatan, tingkah laku serta bukti-bukti dan perkara-perkara strategik demokrat pada waktu itu.

Tuan Speaker, daripada itu kita dapat belajar daripada sejarah bahawa rakyat sememangnya mempunyai hak dan ruangan untuk mendapatkan maklumat dan *Frost* berjaya memerangkap Nixon kerana Frost didepankan maklumat-maklumat yang sememangnya ada pada ketika itu dan diberikan ruang kepada beliau untuk mendapatkannya daripada *library* ataupun perpustakaan atau dari arkib-arkib berkenaan. Usaha melakukan kebebasan maklumat di India misalnya sebagai contoh bermula pada tahun 90 an dan sebelumnya itu antaranya mendapat banyak rintangan dan rintangan-rintangan itu berjaya dilepasi dengan keazaman serta keiltizaman setiap ahli politik dan pentadbir mereka untuk memastikan akhirnya pelaksanaan pelaksanaan kerajaan itu dapat dilaksanakan dan kalau kita lihat dari cerita fasal kebebasan maklumat ini di India sebagai contoh salah satu peristiwa yang sangat autentik atau satu cerita

yang sangat klasik bagaimana ketika mereka cuba untuk membentangkan satu masalah tak tau kes dan yang dibincangkan itu satu bangunan dan bila kebebasan maklumat itu dapat dan baru mereka mengerti bahawa dewan yang mereka bicarakan itu ada unsur-unsur *corruption* itu adalah dewan yang mereka bincangkan mengenai bangunan yang tidak wujud itu. Jadi saya rasa sebagai satu negeri yang maju dan ingin mencapai tahap ke hadapan untuk memastikan negeri kita ini mampu diangkat dan diiktiraf sebagai sebuah negeri yang maju bukan hanya pembangunan fizikal tapi juga memberi ruang yang sebaik mungkin pada rakyat dan pembangunan demokrasi sebagai satu corak dan pendirian politik yang paling terkini yang diterima pakai di seluruh dunia sebagai yang paling demokratik dan maju.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang budiman yang saya kasih sekalian. Namun begitu saya setuju dengan beberapa pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Dewan kita berkenaan dengan beberapa perkara yang dikhuatiri boleh menyebabkan enakmen ini tidak dapat mencapai matlamatnya. Namun begitu kita harus faham bahawa kita juga ada beberapa langkah yang terhad Dewan Undangan Negeri. Jadi saya nak sentuh tadi kawan saya Permatang ataupun Dusun Tua menyebut tentang perkara empat yang memberikan definisi tentang maklumat. Tuan Speaker kita di dalam dewan ini juga tertakluk pada perundangan dan akta negara dan bila disebutkan tentang akta rahsia rasmi ia tidak termasuk dalam bidang kuasa dewan ini jadi kita terpaksa meletakkan begini. Jadi pihak kerajaan Barisan Nasional di peringkat federal dan wakil-wakil mereka yang jadi pembangkang di sini kalau betul-betul ingin melaksanakan dengan sesungguhnya dan melaksanakan dengan sebetul-betulnya, inilah satu tapak yang penting untuk kita sama-sama menolak akta rahsia rasmi yang telah mengelubui banyak isu dan telah menenggelamkan banyak perkara selama ini. Tahun 80an beberapa orang wartawan dibuang daripada kerja dikenakan tindakan di bawah OSA kerana telah mendedahkan harga maggi yang berharga RM3.00 pada ketika itu. Tetapi perkara itu tidak menjadi inspirasi kepada kita untuk mengubah justeru pada hari ini dengan langkah yang setapak ini ataupun dua tiga tapak ini yang ingin kita pergi kepada seribu langkah saya rasa ini adalah satu langkah yang baik untuk kita laksanakan dan memastikan setiap perkara itu dapat kita buktikan untuk kebaikan rakyat secara keseluruhannya. Hujah-hujah pihak pembangkang saya tidak nampak yang disebut kontradiksi mungkin yang berlaku antara akta ini ataupun enakmen ini dengan apa yang berlaku dalam akta-akta yang diluluskan oleh pihak parliment. Justeru oleh itu tugas kita adalah untuk menyepakukan dan menyelaraskan bukan kita menafikan dan saya tak rasa dipihak sana saya tak nampak lagi dipihak sana sepanjang perdebatan di pihak mereka baik dari yang awal tadi hingga pada teman saya di Taman Templer tidak mendakwa bahawa kepentingan maklumat ini adalah suatu yang utama. Juga dihujahkan tentang akta rahsia rasmi ada kuasa dua C oleh 12C atau 2C yang dimiliki oleh Menteri Besar adalah satu perkara yang sangat penting dengan kelahiran akta atau enakmen ini, rang undang-undang ini kita tidak lagi memberikan kuasa sepenuh-penuhnya kepada Menteri Besar untuk mengklasifikasikan akta itu, perkara itu rahsia ataupun tidak. Dan ini adalah satu ruangan dan kemenangan kepada rakyat yang harus diraikan oleh semua tak kira kerajaan atau pun pembangkang. Dibangkitkan juga soal kuasa untuk mendakwa dengan mengambil kisah dan cerita daripada SELCAT.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang setia, sebab itu saya mintak kita fokus dan mengerti dalam negara kita, kita dalam dewan undangan negeri ini tidak ada kuasa pendakwaan sebab LA (*legal advisor*) pada state dengan izin atau Penasihat Undang-undang Negeri tidak menjadi pendakwa raya yang diberikan kuasa oleh akta ataupun dalam pertubuhan ataupun dalam perlombagaan negara. Kuasa untuk melaksanakan satu pertuduhan itu terletak di Chamber atau Pejabat Peguam Negara. Jadi Pejabat Peguam Negara menentukan suatu perkara itu salah ataupun tidak dan contoh yang diberikan tadi mengenai Sungai Panjang juga tidak tepat kerana Sungai Panjang tidak termasuk dalam akta menghina dewan. Perbuatan menghina

dewan itu kita berikan ketika kita meluluskan rang undang-undang yang berkenaan dengan SELCAT, penghinaan dewan itu adalah merujuk kepada ahli-ahli di luar dewan yang gagal bertindak secara sengaja tidak memberikan maklumat kerana dari maklumat yang kita faham seperti PAC (*Public Account Committee*) ataupun Komiti Kira-kira Awam Negeri mendapat sejarah bagaimana kalau bila kita panggil pegawai, pegawai enggan hadir dan meletakkan mereka-mereka yang gagal memberikan maklumat dan tidak memberikan maklumat yang sebenarnya. Jadi bagaimana dewan dan bagaimana satu badan yang bernama SELCAT atau PAC atau badan yang disebutkan lagi CAT ke apa bunyinya sekalipun untuk mendapat maklumat yang sebenarnya. Jadi kita buat undang-undang itu untuk memberi ruang kepada kerajaan melaporkan pada polis mereka-mereka yang gagal. Tapi bila kita lapor siasatan di buat oleh polis, pendakwaan di buat oleh Pejabat Peguam Negara. Kalau nak sangat dikenakan tindakan oleh orang yang menghina dewan sebenarnya Yang Berhormat Sungai Panjang tidak dikenakan tindakan itu sebab Sungai Panjang terletak dalam lingkungan Ahli-ahli Dewan yang ada jawatankuasa hak dan kebebasan yang menentukan beliau menghina atau tidak menghina dewan tetapi pendakwaan itu boleh dikenakan terhadap isteri beliau yang gagal hadir. Kalau nak sangat kita tukar AG dan AG mungkin boleh dakwa untuk kes-kes yang dibangkitkan. Itu yang saya nak bangkitkan begitu juga dengan undang-undang ini. Jika undang-undang ini telah sah dibentangkan, diterima dan kita memperbaiki beberapa kesilapan ia daripada hasrat murninya telah jelas dan saya juga percaya *template* juga bersetuju kita nak undang-undang ini dilaksanakan tetapi apa-apa kelemahan kita akan perbaiki dari masa ke semasa dan kuasa pendakwaan yang terletak kepada AG itu kita boleh desak di mana-mana mengikut saluran parti, mengikut saluran dewan undangan negeri, mengikut saluran media dan sebagainya. Tuan Speaker saya mohon menyokong undang-undang ini ataupun rang undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Burung.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker. Assalamualaikum WBT. dan salam sejahtera. Sungai Burong mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengadakan perbahasan perbincangan rang undang-undang enakmen kebebasan maklumat Selangor 2010.

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Rang Undang-undang ini telah dicadangkan bertujuan untuk memberikan kebebasan kepada rakyat di negeri Selangor khususnya dan orang awam amnya untuk mengakses atau untuk mendapatkan maklumat daripada pihak berkuasa mempunyai tujuan yang pada asasnya adalah untuk memberikan kebebasan berdasarkan demokrasi untuk memberikan ruang untuk mendapatkan maklumat-maklumat. Pada asalnya niat atau nawaitunya adalah baik kerana dengan adanya maklumat-maklumat itu maka kita adalah lebih *transparent* dan seterusnya dengan adanya ketelusan ini kita akan dapat melihat perkara-perkara yang lebih telus berlaku dalam urusan perniagaan dan pentadbiran di sebuah negeri ini ataupun di negeri ini. Walau bagaimanapun dalam menyediakan rang undang-undang ini satu perkara yang perlu kita titik beratkan ialah memastikan bahawa undang-undang yang kita nak buat itu biarlah ia dapat menepati dan mencapai matlamatnya. Kalau kita perhatikan Tuan Speaker telah dibangkitkan tadi beberapa isu dalam penggubalan rang undang-undang ini di mana terdapat berbagai-bagai masalah bagi menjadikan rang undang-undang ini boleh dilaksanakan. Sungai Burong ingin membangkitkan beberapa isu tentang penggubalan undang-undang ini terutamanya daripada beberapa aspek yang pertama ialah aspek untuk maklumat itu sendiri. Kuasa-kuasa untuk mendapatkan kebebasan maklumat tersebut. Dalam dunia hari ini memanglah maklumat itu mudah diperolehi hari ini dengan dunia teknologi yang tiada sempadan dengan ada teknologi yang kita boleh akses maklumat-maklumat ataupun kita mendapatkan maklumat-maklumat

melalui Internet dan sebagainya maka kita lebih mudah mendapatkan maklumat-maklumat tersebut dan dalam satu hal ini menunjukkan bahawa tahap kebebasan itu adalah lebih baik berbanding barang kali dalam masa-masa yang lepas. Tetapi kita lihat dalam penerapan rang undang-undang ini kita juga ada menghadapi masalah-masalah yang pertama sekali ialah keterbatasan untuk mendapatkan maklumat. Pertama sekali telah dijelaskan tadi ialah kerana ada masalah bidang kuasa yang telah diwujudkan antara persekutuan dan negeri. Kita ada fasal senarai satu dalam perlombagaan yang telah memberikan kuasa kepada kerajaan persekutuan, kuasa-kuasa kerajaan negeri dan kuasa-kuasa mengenai fasal-fasal yang *disshare* atau dimiliki atau pun bersama oleh kuasa persekutuan atau negeri. Dan saya lihat ada dalam hal-hal tertentu kita akan terbatas untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang pertama tersebut.

Yang keduanya kita boleh lihat kuasa selagi ada beberapa kuasa untuk mendapatkan keputusan ini kita tidak *remove* atau kita tidak keluarkan mungkin kita ada keterbatasan yang pertama untuk mendapatkan maklumat itu dengan adanya tapisan atas budi bicara. Yang kedua atau pun hak-hak yang diperuntukkan di bawah Undang-undang tertentu misalnya kuasa Menteri Besar untuk dengan izin *di classification of files* atau pun maklumat. Jadi ini terpulang kepada budi bicara Menteri Besar sama ada keputusan-keputusan itu perlu diklasifikasikan untuk maklumat orang ramai atau tidak. Sebagai contoh,

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan.....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya hendak bagi contoh, beri peluang saya insya-Allah ya. Saya faham, Yang Berhormat dah banyak masa sekarang ya, untuk tidak jadi lagi menjadi Setiausaha Politik YAB Menteri Besar Selangor mungkin banyaklah masa untuk berhujah dalam Dewan tapi berikan izin saya untuk menghabiskan perkara-perkara yang ingin saya huraikan. Yang pertama saya hendak beri contoh, contohnya sekarang ini keputusan-keputusan EXCO dalam Negeri Selangor adakah sekarang ini kalau diberikan kebebasan maklumat kita boleh ya maknanya pemohon datang memohon, dan boleh akses kepada semua keputusan-keputusan EXCO berkenaan. Kalaulah niat dan nawaitunya begitu memang cukup baik alhamdulillah saya berharap kalau ada ini kita boleh berikan kebebasan kepada semua keputusan-keputusan yang dibuat misalnya oleh EXCO, oleh Jawatankuasa-jawatankuasa di dalam EXCO oleh keputusan-keputusan dalam Majlis ini, kita berikan untuk kebebasan kepada maklumat. Yang kedua saya fikir juga dalam negeri tentu ada urusan-urusan yang boleh menyebabkan akses tidak boleh diberikan kesemuanya kepada orang ramai atau pun individu. Ada perkara-perkara tertentu yang mungkin boleh menimbulkan keselamatan, ancaman dan sebagainya yang perlu dilindungi bukan sahaja di peringkat Federal tetapi di peringkat negeri. Jadi adakah benda ini kita kalau nak bercakap tentang kebebasan kita kena beri peluang untuk memberikan kebebasan untuk akses kepada maklumat ini.

Yang keduanya Tuan Speaker, dari segi kebebasan maklumat juga kita kena melihat dari segi penggunaan maklumat. Adakah bila kita mendapatkan *assessment* maklumat ini kita boleh menggunakan dengan sebebasnya. Kita perlu ada peruntukan untuk memberikan kawalan kepada pengguna maklumat. Kerana *information is power* dengan izin Tuan Speaker, hari ini *information* atau pun maklumat boleh diperdagangkan dan mempunyai nilai ekonomi dan nilai kewangan. Jadi ada mungkin pihak tertentu yang dengan cara ini boleh pergi ke Pejabat Tanah mendapatkan data, mungkin data yang ditukar dan adanya data ini kemudian boleh diperdagangkan sedangkan dalam keadaan hari ini pun kita tahu di mana kita mendapat kesukaran untuk mendapatkan maklumat atas asas *need to know basis* dengan izin ada golongan-golongan tertentu yang telah mengambil kesempatan menjadi agen, konsultan yang tidak sama ada sah atau tidak sah yang mendapatkan maklumat-maklumat sama dengan tujuan

untuk tu fasilitet dan sebagainya dan memperdagangkan maklumat ini. Saya berpendapat DUN Sungai Burong berpendapat perkara ini kena diberi perhatian yang besar. Yang ketiganya kalaupun Undang-undang bertujuan untuk mendapatkan kuasa-kuasa mendapat maklumat, saya DUN Sungai Burong berpendapat tidaklah perlu kita *encroaching further into other authority*. Ada kuasa-kuasa yang kita terbatas misalnya kuasa-kuasa pendakwaan tidak perlu dimasukkan dalam peruntukan ini kerana ini adalah bidang kuasa kerajaan persekutuan. Memadai akses-akses tertentu kepada maklumat dan kita meminda atau pun menggubal rang undang-undang ini berdasarkan apa yang kita boleh lakukan oleh kerajaan negeri ini sendiri. Apalah maknanya kita membuat sebuah undang-undang yang bagus tetapi kerana kecacatan dan kelebihannya ia tidak boleh dilaksanakan sepertinya kita membina sebuah kapal tapi oleh kerana cacat dan dia tidak boleh belayar di lautan, ini yang mungkin akan berlaku. Dan kalau kita lakukan itu maka saya fikir Dewan ini, kita telah melakukan kesilapan kerana kita tidak menghalusi dan meneliti peruntukan undang-undang itu sebaik-baiknya dan kita orang-orang awam yang tidak begitu mahir dalam undang-undang pun kita boleh terpesong atau *being misled* kepada mungkin perkara-perkara yang pada pandangan kita sebagai ahli dewan ini adalah baik tetapi kita tahu apabila dilaksanakan sama ada ia akan terbantut atau pun dengan lain perkataan boleh dipergunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab seperti saya nyatakan diperdagangkan dipergunakan untuk misalnya memfitnah mengancam ugut orang lain pun boleh digunakan dalam kaedah undang-undang yang diadakan ini kalau kita tidak membuat kawalan-kawalan tertentu. Dan sekiranya juga kita terlarang undang-undang ini sebab perkara-perkara yang telah ditimbulkan ini dibangkitkan tadi jadi saya tidak perlu huraikan perkara tersebut ada terdapat banyak kecacatan jadi perlulah ini diambil kira dengan sepenuhnya. Saya ingin mengesyorkan oleh kerana dicadangkan oleh Jawatankuasa yang ingin ditubuhkan untuk ini, kita libatkan sama penggubal undang-undang persekutuan dalam *committee* ini supaya mereka duduk bersama berbincang dan menghalusi undang-undang ini supaya ia nanti bermakna. Kalau tidak *in the end* seperti undang-undang sebelumnya yang telah diperluluskan oleh Dewan ini ia akan menjadi sebuah *exercise infertility*. Itulah pandangan saya, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010. Sebelum saya memulakan perbahasan saya ingin menjawab sedikit dakwaan daripada Taman Templer yang memberikan, cuba menyenggung saya kononnya saya masuk lambat, saya pagi tadi ada Dewan Rakyat Parlimen, petang di negeri. Saya ada dua Dewan berbeza dengan pemimpin UMNO, dia dua rumah itu beza saya dengan merekalah.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, Tuan Speaker 351, sangkaan jahat. Saya satu rumah saja Tuan Speaker, dia kata saya dua rumah. Itu sangkaan jahat.

TUAN SPEAKER : Ya, 366...366

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ya 366 betullah.

TUAN SPEAKER : Baik, duduklah. Jadi saya kenalah buat petua kan buat *ruling* bila ada bangkitkan 366, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tak sebut Taman Templer ada dua rumah dia kata lain dengan orang Barisan Nasional ada rumah tak, tak spesifik untuk Yang Berhormat, kalau dia rujuk Taman Templer ada dua rumah maka terpaksa beliau tarik balik. Jadi ini bukan sangka jahat terhadap Taman Templer. Silakan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Kalau ada dua pun apa salahnya benda yang baik.

TUAN SPEAKER : Empat pun bolehkan....

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Empat pun boleh. Tuan Speaker pun pandai.

TUAN SPEAKER : Jangan sensitif sangat.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Saya nak mulakan perbahasan saya pada petang ini dengan mengingatkan dewan melihat seolah-olah teman kita daripada UMNO dan Barisan Nasional ini semakin cemas sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan pada petang ini kerana apabila Rang Undang-undang ini diluluskan sudah pastilah rakyat Negeri Selangor dapat melihat secara telus, terbuka siapa perompak khazanah Negeri Selangor sebenarnya. Kita dapat melihat siapakah yang mencuri pasir selama hari ini. Kita dapat melihat siapakah yang mengambil tanah-tanah milik rakyat di Negeri Selangor. Kita dapat melihat bagaimana kontrak tender diberi kepada secara sewenang-wenangnya sehingga merugikan kerajaan Negeri Selangor. Sebab itu mereka bersungguh-sungguh berhempas pulas pada petang ini untuk menafikan supaya Rang Undang-undang ini diluluskan. Tapi alhamdulillah saya berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar dan juga EXCO kerajaan negeri yang telah berani mengemukakan satu Rang Undang-undang dan ini merupakan negeri yang pertama dalam negara Malaysia yang membentangkan Rang Undang-undang (dewan menepuk meja). Kita tidak harus mengambil sikap yang begitu apologetik atau pun cuba menafikan kepentingan Rang Undang-undang ini. Kalau benar pun ada kelemahan ini kali pertama dibentangkan, sudah tentulah dari masa ke semasa kerajaan negeri akan melihat keperluan untuk menambah baik Rang Undang-undang ini. Saya melihat sebagai satu contoh di Finland mereka juga telah meluluskan Rang Undang-undang yang sama yang disebut *Act on the Openers of Public Documents* 1951. Yang ketika itu ruang likupnya hanya menetapkan semua rekod dan dokumen milik kerajaan negeri, PBT dan komuniti sahaja. Tiga bidang yang ditumpukan pada tahun 1951. Dan akta ini dipinda pada tahun 1990 ditambah baik dan melibatkan juga organisasi yang melibatkan kepentingan awam seperti dan *Public Utilities*. Apa yang hendak saya tegaskan di sini ialah akta yang pertama kali dibentangkan dalam sejarah negara kita ada kebaikan dan ada kelemahan-kelemahan yang boleh kita baiki dari masa ke semasa tetapi jangan mengambil sikap untuk menolak Rang Undang-undang ini tanpa melihat kepentingan dan hak rakyat dalam sesebuah negara dan negeri itu. Di India sebuah negara yang memiliki ratusan juta penduduk juga telah meluluskan akta yang sama dan sehingga hari ini terdapat 85 buah negara di seluruh dunia yang sudah mempunyai enakmen kebebasan maklumat ini. Yang belum hanya Malaysia dan Zimbabwe yang lain saya ingat majoriti negara dalam dunia telah pun meluluskan akta ini kerana hasrat kita khususnya di Negeri Selangor di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar ialah untuk kita memperkasakan rakyat negeri itu. Memberikan laluan melalui perundangan dan peruntukan yang ada untuk rakyat bebas mendapat maklumat-maklumat bagi kepentingan mereka. Dan rakyat tidak perlu bimbang kalau ada dalam perbahasan mungkin ada beberapa maklumat peribadi juga akan terbongkar, ini tidak akan berlaku kerana di peringkat pusat di dalam Parlimen baru-baru ini kita telah pun meluluskan Akta Pelindungan Data (*Data Protection Act*) yang memberikan pelindungan kepada setiap rakyat Malaysia dalam konteks maklumat-maklumat peribadi seperti rekod kesihatan atau pun rekod bank, kredit kad yang ini memang sudah termaktub dalam perlombagaan bahawa mereka akan diberi pelindungan.

Dan kita harus bimbang dalam meluluskan enakmen kebebasan maklumat ini. Apa yang menjadi tumpuan dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa rakyat itu dikembalikan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang ada kepentingan awam dan kepentingan mereka sebagai rakyat negeri dan juga pembayar cukai. Sebagai contoh di peringkat pusat mereka telah mengkhianati prinsip dan semangat Akta Rahsia Rasmi Kerajaan (OSA) di mana semangat peruntukan ini adalah untuk melindungi maklumat tentang

YB TUAN SULAIMAN BIN ADBUL RAZAK : Tuan Speaker, boleh mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya Bukit Antarabangsa.

YB TUAN SULAIMAN BIN ADBUL RAZAK : Terima kasih Bukit Antarabangsa. Saya pagi tadi ada membuat perbahasan yang sama cuma saya nak mohon pandangan daripada Bukit Antarabangsa, ada dua perkara yang saya nak tanya di sini yang pertama mohon penjelasan, yang pertama apakah ertiya atau pun nilai sebuah Rang Undang-undang yang diluluskan dalam Dewan ini atau pun mana-mana Dewan tapi pada waktu yang sama Undang-undang yang diluluskan tidak disertakan dengan kuasa pendakwaan. Jadi pada pandangan Yang Berhormat Antarabangsa bagaimana Undang-undang itu ingin dilaksanakan atau boleh dilaksanakan. Undang-undang boleh dibuat, dicipta diluluskan tetapi kuasa pendakwaan terletak di suatu pihak yang lain. Ini bagaimana Undang-undang itu nak dilaksanakan, satu. Yang kedua, dalam kita di peringkat Barisan Nasional pun bukan menentang sepenuhnya cuma kita mencadangkan atau pun sebagaimana rakan-rakan Sungai Burong dan Templer sebut bahawa kita nak undang-undang ini diperhalusi, apa bezanya dengan kuasa yang ada diberi kepada Y.A.B Menteri Besar untuk mengelaskan semula semua maklumat dan itu sudah membolehkan mana-mana maklumat didekah dengan kuasa Menteri Besar. Itu saya nak tanya dua pendapat daripada Menteri Besar. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Isu yang pertama saya akan membantu memberikan penjelasan dalam rumusan saya sebentar lagi sebab saya pun ada beberapa cadangan untuk menambah baik Rang Undang-undang ini. Merujuk kepada perkara kedua saya setuju bahawa Y.A.B Dato' Menteri Besar memang mempunyai bidang kuasa untuk menukar taraf sesuatu dokumen yang di klasifikasikan sebagai OSA dan ini telah disahkan sendiri oleh Peguam Negara dalam akhbar The Star bertarikh 24 Mei 2010 baru yang lalu. Di mana Peguam Negara sendiri mengesahkan bahawa Y.A.B Dato' Menteri Besar mempunyai kuasa untuk menukar taraf sesuatu dokumen itu, namun kita tidak mahu ianya dilihat sebagai dalam keadaan *ad hoc* kalau berlaku sesuatu krisis atau pun sesuatu isu yang dibangkitkan, yang dikejutkan dalam sesebuah komuniti atau masyarakat baru kita nak mendesak Menteri Besar untuk membuat dokumen itu secara terbuka. Enakmen ini bertujuan untuk memberikan hak itu kepada rakyat at *anytime* yang difikirkan perlu untuk mereka mendapatkan maklumat, sudah tentulah saya hendak habiskan ayat. Sudah tentulah ada prosedur dan dari segi mekanismenya yang dinyatakan boleh diperolehi maknanya respons *time* itu disebutkan 30 hari dan ada kes-kes kecemasan dalam masa tujuh hari tetapi maksud enakmen ini rakyat itu diberikan hak mereka untuk mendapatkan maklumat pada setiap masa yang diperlukan bukan kerana berlaku sesuatu krisis ataupun keperluan yang mendesak untuk mendapatkan dokumen yang berkenaan.

TUAN SPEAKER : Ya Seri Setia

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker , pertama saya nak puji YB Bukit Antarabangsa kerana sanggup menerima soalan daripada Permatang, sebab

tadi saya nak Tanya Permatang dari awal sampai habis tak dapat, yang kedua bukankah Bukit Antarabangsa berpendapat lebih baik bagi pihak pembangkang kalau mereka berminat sangat isu pasir bila adanya enakmen ini bermakna Kerajaan Pakatan Rakyat tidak boleh menghalang kerana selagi mana berada di dalam bidang kuasa enakmen ini, mereka boleh menuntut sebarang maklumat tentang sebarang isu termasuk isu pasir yang mereka ghairahkan pada waktunya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Seri Setia kita sedia maklum, UMNO ni seperti juga UMNO pusat dia banyak dasar *flip flop* hari ni lain besok lain hari ni dia serang kita sebab pasir bila kita nak buat enakmen ini dia tak nak sebab dia tahu bila kita bongkar maklumat memang pencuri nya adalah UMNO dan Barisan Nasional. Itu jawapan saya

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh saya mencelah Tuan Speaker

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti dulu baru nak *start*

Salah seorang pencuri nya tidak kan

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, itu sangkaan jahat tu panggil saya pencuri

TUAN SPEAKER :dia tanya. Tadi kata kahwin dua ni pencuri dia tanya

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ya Tuan Speaker saya nak bertanya adakah YB Bukit Antarabangsa bersetuju dengan saya, macam mana yang dia tuduh ni dia kata BN ni orang kata kejap macam ni kejap macam tu sama tak dengan janji pakatan rakyat seperti mana YB Pandamaran maklum nak bagi cukai 20% pemotongan tapi dah lepas menang pilihanraya saya kata tak kan buat tak tahu bila nak buat setuju tak?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Pastinya tidak setuju sebab itu bukan *flip flop* ini dalam proses pelaksanaan jadi kena lihat dulu lah

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : boleh saya mencelah Bukit Antarabangsa

TUAN SPEAKER : Ya Permatang

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : ni baru nak belajar tak per? Bukit Antarabangsa saya berminat dengan soalan tadi menekankan bahawa ini tujuan rakyat dapatkan maklumat tapi keadaan kita dalam dewan pun kita yang ahli dewan sendiri pun dalam sidang yang lepas saya menulis kepada pihak kerajaan dalam soalan bertulis minta disenaraikan peruntukan-peruntukan yang diberi di dalam kawasan saya sebanyak lima ratus ribu yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat tetapi soalan itu sampai sekarang tidak berjawab saya tidak pasti ditolak atau tidak itu maklumat saya ahli dewan pun tidak boleh dapat, kenapa tak berani nak dedahkan berapa dalam lima ratus ribu dibelanjakan dalam DUN Permatang ke mana perginya. Ini maklumat yang sepatutnya saya boleh tahu kerana melibatkan kawasan saya, itu pun saya tak dapat jawapan sama ada jawapan bertulis ataupun ditolak dan rakan-rakan kita kemukakan soalan yang sama namun sampai hari ini tidak ada jawapan. Bagaimana kalau ahli dewan pun tak boleh dapat maklumat yang melibatkan kawasan kita bagaimana pandangan YB nak ketulusan yang lebih besar,

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Permatang, dalam perkara ini saya setuju seratus peratus dengan Permatang Kerajaan Negeri, EXCO, dan Sekretariat Dewan perlu mengemukakan jawapan balas sama ada bertulis ataupun lisan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ini soal *delivery system*

TUAN SPEAKER : YB ini kenyataan ini saya perlu betulkan kerana jawapan tu bukan soal dewan, dewan tidak menjawab soalan, yang jawab soalan EXCO, dewan Cuma sampaikan saja dewan tolong sampaikan

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ya itu ayat yang betul, tapi saya setuju semua pertanyaan perlu dijawab dan dengan adanya rang undang-undang ini pastinya pihak kerajaan terikat dengan perundangan untuk mengemukakan maklumat yang diperlukan dan Permatang kena sokong, Taman Templer kena sokong jadi kita boleh syer maklumat ini bagi kepentingan semua, kalau tidak kita akan sama watak kita dengan Kerajaan Persekutuan, jangan kata nak bawa satu rang undang-undang yang berani seperti ini hari ini kita tengok bukan setakat rang undang-undang tak berani bawak gunakan kuasa untuk menyekat kebebasan rakyat dan rakyat mendapat maklumat, Suara Keadilan diharamkan, Harakah di beri amaran, Roket pun telah pun diberikan amaran jadi di mana kebebasan demokrasi yang dinyatakan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional, kalau ini pun mereka telah lakukan saya yakin bahawa UMNO tidak berani bawa rang undang-undang seperti ini sebab mereka tahu kalau maklumat ini sampai kepada rakyat UMNO akan menjadi sejarah, akan masuk Muzium Negara dalam pilihanraya umum akan datang, sebab itu mereka tidak berani dia sekat maklumat tengok hari ini Suara Keadilan tidak dapat diterbitkan lagi, Roket tidak dapat diterbitkan lagi, Harakah pun tidak dapat diterbitkan lagi...

YB PUAN GAN PEI NEI : YB.....

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : tetapi mereka menggunakan fitnah dengan Utusannya TV3 nya untuk menyerang kita di mana keadilan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan maka kita tidak harus mencontohi sikap berkenaan sebab itu Kerajaan Negeri Selangor pun mengambil sikap yang cukup terbuka berani mendedahkan maklumat kerana itu adalah hak rakyat yang mesti kita pertahankan.

TUAN SPEAKER : Ya YB Rawang

YB PUAN GAN PEI NEI : pertanyaan sikit, tadi menurut YB Suara Keadilan tidak diluluskan, Roket, dan Harakah juga terima amaran. Cuma ada sedikit pertanyaan tentang Suara Perkasa ada apa-apa halangan tak?

TUAN SPEAKER : Ini melencong sikit la

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya pun macam Taman Templer kalaupun saya Menteri Dalam Menteri saya boleh jawab kan, insya-Allah nampak dah dekat dah tu Taman Templer nampak semakin jauh saya nampak semakin dekat insya-Allah

TUAN SPEAKER : YB Kajang nak tanya

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : belum jawab lagi ini, Suara Perkara ini adalah satu badan budak suruhan UMNO sebab itu dia mendapat lesen untuk mencetak suara perkara sekarang ini ada Perkasa Melayu, Perkasa Cina (MCA) dan Perkasa India dalam MIC

di mana satu Malaysia nya, sebab itu UMNO ni dia berbohong dari dulu kini dan selama-lamanya. Kalau benar UMNO nak bawa satu (belum....belum habis dia dengan jer UMNO dia panas) kalau benar dia faham dan yakin dengan semangat Satu Malaysia mana boleh ada Perkasa Melayu, Perkasa Cina dan Perkasa India, MCA ini apa nak jadi ni kebetulan MCA Selangor pula itu nak jadi Perkasa Cina dan jadi Perkasa India nak jadi Perkasa Melayu apa nak jadi Negara kita sebab itu rakyat hari ini sudah yakin bahawa hanya Pakatan Rakyat yang dapat mengangkat martabat rakyat Malaysia

TUAN SPEAKER : ok cukup YB sedang melenceng dah jangan perkasa lagi ya, ya Permatang mintak

YB TUAN LEE KIM SIN : nanti Kajang dulu

TUAN SPEAKER : ya Kajang dulu

YB TUAN LEE KIM SIN : terima kasih kepada Bukit Antarabangsa, Kajang ingin bertanya minta penjelasan berkaitan dengan dokumen-dokumen dan maklumat yang telah dilupuskan misalnya sewaktu Pakatan nak masuk ambil alih Kerajaan Negeri Selangor keadaan itu sudah di lopus bagaimana kita nak akses pada maklumat ataupun ada maklumat dokumen-dokumen yang telah dibawa oleh SPRM dan tidak ada di pejabat jabatan-jabatan berkenaan. Dan dalam keadaan ini bagaimana pula keadaannya

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Kajang, maklumat yang hilang dan dilupuskan semasa 8 Mac yang lalu memang kita dimaklumkan berlaku satu operasi secara sulit untuk membawa lari beberapa dokumen yang penting daripada Bangunan SUK tapi jangan bimbang kita punya *intelligent* pun banyak juga hilang di sini ada di tempat lain jadi tunggu masa dan ketikanya kita akan bongkar kan, saya nak balik pada rang undang-undang ini, Tuan Speaker, memberi contoh seperti Akta Rahsia Rasmi Kerajaan OSA ini yang sepatutnya semangat itu untuk mempertahankan dan melindungi kepentingan Negara khusus soal keselamatan Negara tetapi telah diselewengkan telah dikhianati oleh pimpinan pusat UMNO dan Barisan Nasional sebagai contoh banyak kontrak yang diberikan secara sulit tidak tender terbuka mereka menggunakan Akta OSA untuk menafikan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat, seperti tol konsisten seperti kita sedia maklum, ratusan juta wang rakyat habis disalurkan kepada kroni-kroni UMNO bila kita nak dapat maklumat ini tidak boleh ini Akta Rahsia Rasmi Kerajaan ada Menteri yang memberikan saham, ratusan juta ringgit kepada menantu dan keluarga mentua mereka, tak boleh didedahkan dan ini kerana OSA, OSA ini adalah

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker minta laluan

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti habiskan ayat dulu, habiskan ayat dulu, OSA adalah satu akta yang digubal atas prinsip dan semangat untuk melindungi keselamatan Negara bukan melindungi keselamatan pemimpin-pemimpin dan anak-anak serta kroni UMNO sebab itu semangat ini telah dikhianati maka tanggungjawab kita Kerajaan Pakatan Rakyat untuk memperbetulkan keadaan dan kita bermula di Negeri Selangor dan tahniah saya ucapkan kepada Dato' Menteri Besar yang berani dan berjaya untuk mengemukakan satu rang undang-undang bagi kepentingan bagi negeri ini. Saya juga nak bawa satu contoh kawasan saya Bukit Antarabangsa runtuh bukit runtuh ada mangsa yang meninggal puluhan rumah musnah Kerajaan Persekutuan berjanji kita akan buat kajian tentang struktur tanah di kawasan tersebut janji enam bulan akan didedahkan sekarang sudah hampir dua tahun saya kemukakan dalam Dewan Rakyat mana laporan ini, tak boleh ini OSA, apa nak

jadi dengan UMNO dan Barisan Nasional ini kepentingan rakyat apa kena mengena dengan tanah runtuh dengan keselamatan Negara, tanggungjawab Kerajaan Pusat, JKR dan IKRAM untuk memberikan maklumat kepada rakyat di Bukit Antarabangsa kalau benar struktur tanah itu tidak selamat adalah adil diberikan tahu kepada mereka supaya mereka boleh berpindah mengapa kerajaan takut untuk mendedahkan maklumat ini kerana penganugerahan tanah-tanah tersebut melibatkan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional pada satu ketika dahulu, cerun pun dia lulus, cerun empat pun dia lulus, kerana kepentingan kroni-kroni mereka. Maka kita di Negeri Selangor tidak boleh meneruskan cara ini dan saya cukup gembira kerana Kerajaan Negeri mengambil inisiatif ini dan saya percaya ianya dapat membantu Kerajaan Negeri untuk terus memperkasakan rakyat di Negeri ini, Cuma saya nak memberikan beberapa cadangan untuk menambah baik rang undang-undang yang kita bahaskan pada petang ini yang saya kira pada asasnya kita boleh terima tetapi kalau boleh dibuatkan sedikit pindaan supaya kita lebih proaktif sebab ini komitmen dan kesungguhan kita ini bukan *political reverie*, *political pronouncement* untuk menghiburkan hati rakyat tidak ini *conviction* Dato' Menteri Besar untuk melaksanakan rang undang-undang yang penting ini maka saya mencadangkan walaupun saya tengok dalam rang undang-undang ini ada Lembaga Rayuan tetapi Lembaga Rayuan ini bagi saya masih lemah dalam soal yang ini yang saya nak jawab Adun Permatang tadi, maknanya *enforcement* nya pendakwaan nya pelaksanaannya, bagi saya Lembaga ini masih lemah saya mencadangkan supaya diwujudkan satu Suruhanjaya Kebebasan Maklumat, di mana suruhanjaya ini diberikan kuasa untuk memastikan setiap agensi-agensi kerajaan negeri yang enggan memberikan maklumat supaya diambil tindakan terhadap mereka, kalau sekarang kalau rakyat nak dapatkan maklumat, Permatang nak dapatkan maklumat atau tadi saya dengar Kajang nak dapatkan maklumat daripada Pejabat Daerah dan Tanah kalau agensi berkenaan enggan memberikan maklumat setakat ini rang undang-undang ini mereka hanya boleh merayu di Lembaga Rayuan saya ingat itu tidak cukup kuat menunjukkan komitmen dan kesungguhan kita, kalau benar kerajaan negeri bersungguh-sungguh untuk melaksanakan enakmen ini maka saya mencadangkan supaya satu suruhanjaya kebebasan maklumat itu ditubuhkan untuk memastikan kebebasan diberikan kepada rakyat bagi mendapatkan maklumat sekiranya ada halangan dari mana-mana badan ini maka suruhanjaya boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap agensi yang enggan memberikan maklumat kepada rakyat yang memerlukannya. Yang keduanya, ini juga sebagai satu cabaran kepada kerajaan Persekutuan, supaya segera melaksanakan enakmen kebebasan maklumat ini, kerana banyak maklumat yang sedang ditutup ataupun disorok oleh kerajaan persekutuan..

Speaker, boleh mohon penjelasan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Bukit Antarabangsa. Saya mengusik balik kepada soalan mendapat maklumat kalau enakmen ini diluluskan , betul. Rakyat boleh access maklumat. Tapi dalam isu aa...pendakwaan..saya nak tanya pandangan Y.B. Bukit Antarabangsa , itu yang menerima maklumat, bagaimana kalau orang yang membocorkan maklumat. Pihak yang membocorkan maklumat. Dengan pendakwaan yang tidak ada, kuasa di peringkat undang-undang ini, bagaimana , boleh enakmen ini mendakwa orang atau pun pegawai ataupun mana-mana individu yang membocorkan maklumat kerajaan negeri. Ini masalah kelemahan yang kita pertikaikan. Ini masalah yang kita bangkitkan daripada pagi tadi. Sehingga Bukit Batu Caves ada mencadangkan nak guna desakan politik, supaya AG ditukar dan sebagainya , ini pada saya tidak relevan. Tapi isunya bagaimana , orang yang membocorkan pula maklumat, bagaimana kita nak mengetahui mereka sehingga mereka boleh dihukum berdasarkan peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh enakmen ini.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Permatang. Saya bersetuju supaya perkara ini di perkemaskan dan kalau diizinkan dalam peringkat jawatankuasa, kita

boleh memperincikan. Memang ada beberapa peruntukan yang saya lihat di dalam ini bukan setakat membocorkan maklumat, tetapi menyalahgunakan maklumat juga. Maknanya maklumat yang diperolehi itu bukan untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam permohonan . Mungkin maklumat itu diperolehi dengan tujuan yang lain dan menyalahgunakan maklumat yang telah diberikan. Ini juga tindakan harus diambil. Maka saya ingat mekanisme pendakwaan itu harus lebih jelas dan saya , sebab itu saya mencadangkan supaya Suruhanjaya itu diberikan kuasa penuh untuk melaksanakan perkara-perkara yang boleh menyimpang daripada matlamat enakmen yang berkenaan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : YB, boleh saya mencelah lagi sikit. Saya rasa Suruhanjaya mencadangkan,boleh dicadangkan tapi saya Suruhanjaya tidak boleh memenjara ataupun menghukum , tidak boleh menjatuhkan penalti, denda, jadi pemberi maklumat tetap akan, hanya terlepas kalau mungkin pegawai kerajaan, mungkin boleh diambil tindakan di peringkat pentadbiran tetapi bagaimana orang awam...atau orang yang ada maklumat. Ini satu perkara sebab undang-undang akan nampak cantik, akan nampak elok, akan dapat apa ni, dilaksanakan dengan cermat, kalau ia disertakan dengan pendakwaan. Itu isu yang kami bangkitkan daripada pagi tadi ialah kerana masalahnya ialah di antara *list federal* dengan *list negeri*. Tidak bersama. Itu yang menjadi persoalan kenapa kita pertikaikan . Bukan kita menolak. Supaya kalau boleh di peringkat jawatankuasa , tangguhkan dulu undang-undang ini sehingga diperhalusi baru di bentang semula dalam dewan. Itu isunya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ya, sebab itu saya nyatakan tadi, bahawa ini satu cabaran besar kepada kerajaan persekutuan yang juga harus memainkan peranan. Seperti saudara tahu dalam SPRM , Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, telah berulang kali kita cadangkan supaya SPRM satu suruhanjaya diberikan kuasa pendakwaan . Sekarang ini kuasa pendakwaan itu masih diletakkan kepada Jabatan Peguam Negara. Maka apa yang dilakukan sekarang ialah beberapa pegawai kanan , Jabatan Peguam Negara dipinjamkan kepada SPRM untuk melakukan pendakwaan. Jadi perkara ini jugak boleh kita teliti dalam Suruhanjaya , aaa kebebasan maklumat yang saya nyatakan tadi. Tidak semestinya suruhanjaya itu tidak boleh mendakwa, di peringkat pusat, telah berulang kali kita menggesa supaya SPRM juga diberikan kuasa penuh untuk mendakwa sebagai satu badan yang bebas dan tidak perlu merujuk kepada jabatan Peguam Negara. Dan ini belum dilakukan. Dan kalau belum dilakukan, tidak semestinya kita tidak boleh lakukan. Kita harus mengambil satu tindakan yang lebih proaktif yang saya nyatakan dalam penjelasan perbahasan sebentar tadi.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Y.B, Bukit Antarabangsa. Eh. Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir saya ingin bertanya, kerana kalau kita lihat dalam draf enakmen yang telah diberikan pada kita , aa...dalam perkara 16 atau seksyen 16, wujud jelas antara isu pendakwaan dinyatakan di sini, yang mana ia tertakluk kepada keizinan daripada Pendakwa Raya. Cuma daripada masalah yang saya fikir kita hadapi selama ini, pendakwa raya,,prosecution nya itu, dengan izin, kadang-kadang bersifat selektif, aa..jadi bagi mana kita nak atasi masalah tersebut. Aaa.. saya ingin bertanya kepada Yang .Berhormat Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Seri Setia. Saya ni bukanlah seorang peguam, tapi dah 10 tahun ni saya memang dibesarkan di mahkamah dan lokap, jadi bolehlah sedikit sebanyak saya memberikan pandangan perundangan ...

TUAN SPEAKAR : Tapi yang tanya tu peguam..

...ketawa...

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN Ali : Tu lah, yang tanya peguam..kepada bukan peguam..

TUAN SPEAKER : Baik sikit.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Jadi saya kena rujuk peguam, nilah *our legal advisor*. Ya, betul memang masih, kalau kita tengok para, seksyen 16 ini, kita perlu mendapat keizinan daripada pendakwa raya. Yang ini juga berlaku dalam SPRM, yang saya sebutkan tadi, memang kita telah tegaskan supaya suruhanjaya itu mesti ada kuasa untuk mendakwa. Tak perlu dapat keizinan. Di SPRM , masih berlaku, dipinjamkan beberapa pegawai untuk melihat sesuatu kes untuk mendakwa. Dan dalam kes ini saya minta kerajaan persekutuan untuk membantu bekerjasama demi kebaikan rakyat keseluruhannya . Memberikan kuasa kepada suruhanjaya untuk aa..melakukan pendakwaan dan tidak perlu mendapat keizinan secara bertulis daripada pendakwa raya di peringkat pusat. Saya juga ingin mencadangkan supaya seperti yang saya nyatakan tadi, dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini, masa bertindak selama 30 hari itu. Dan kalau ada kes-kes kecemasan, dalam tempoh 7 hari. Saya kira kerajaan negeri harus memberikan takrifan yang jelas tentang apa maksud kes-kes kecemasan ini. Kalau tidak, dia terlalu aa...*open ended* punya, apa ni, klausa, klausa yang akan memberikan banyak tafsiran yang boleh menimbulkan masalah di masa yang akan datang. Maknanya dalam Rang Undang-undang ini harus diteliti dan ditakrifkan secara jelas apa maksud kes kecemasan yang membenarkan maklumat diperolehi dalam 7 hari. Dan akhirnya saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan negeri tentang takrifan keselamatan awam. Aa...apa maksudnya keselamatan awam ini. Aa...curi saham itu keselamatan awam, ataupun ambil tanah, curi pasir, jadi ini juga kena *define* secara khusus dalam rang undang-undang ini supaya tidak timbul masalah yang akan datang. Jadi Y.B. Tuan Speaker, akhirnya saya dimaklumkan rang undang-undang ini akan diluluskan dalam bacaan yang kedua dan akan diserahkan kepada jawatankuasa untuk meneliti seterusnya, dan saya berharap di peringkat tersebut kita berikan ruang yang seluas mungkin termasuk kepada Adun-adun di pe, di pihak Barisan Nasional, *civil society* , NGOs dan kumpulan sasaran yang lain termasuk BAR Council untuk memberikan pandangan dan input mereka. Sebelum rang undang-undang ini dibawa balik kepada dewan ini untuk diluluskan. Sebab rang undang-undang ini akan memberikan kesan terus kepada rakyat, maka mereka harus diberikan peranan untuk bersama-sama menggubal rang undang-undang ini dengan memberikan input-input yang dapat mempermudah lagi. Cuma saya berharap , tidaklah terlalu lama sehingga tahun depan kerana ini satu rang undang-undang yang cukup penting , dan menjadi sejarah dalam negara kita kerana Selangor dapat memimpin negara, negeri-negeri yang lain dalam menggubal rang undang-undang ini tetapi pada masa yang sama , kita mahu semua maklumat yang diperolehi daripada rakyat, dan *civil society* ini dapat diberikan perhatian secara serius dan kita perkemaskan dan kita bawak semula ke dalam dewan ini untuk diluluskan. Terima kasih Tuan Speaker, saya menyokong rang undang-undang yang dimaksudkan.

TUAN SPEAKER : Ada lagi pembahasan. Ini adalah rang undang-undang kebebasan maklumat. Jadi saya nak beri kebebasan yang sepenuhnya sebelum saya dituduh tidak memberi kebebasan untuk ...*(ketawa)....membahaskan rang undang-undang kebebasan*. Kalau tidak, saya meminta pihak kerajaan untuk menggulung.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat . Pertamanya saya ingin ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang telah

menyertai pendebatan dalam dewan yang mulia ini termasuk emm....dari pihak pembangkang. Ada beberapa perkara saya rasa perlu dijelaskan. Aaa..yang dibangkit oleh Yang .Berhormat Yang Berhormat. Satu tapi sebelum itu saya ingin umum, dan maklum kepada dewan yang mulia ini bahawa beberapa perkara di mana saya rasa kajian yang lebih terperinci perlu dijalankan . Perkara-perkara tersebut boleh dimasukkan ke dalam jawatankuasa pilihan (dengan izin) *select committee* yang memang dipertugaskan untuk melihat dan mengkaji rang undang-undang enakmen ini. Jadi soalan seperti yang dibentangkan oleh Y. Berhormat Bukit Antarabangsa , Subang Jaya, tentang...ee...tempoh, masa untuk mendapat maklumat 30 hari ke , 24 hari ke, atau pun 48 jam dan sebagainya, perkara itu boleh ya, dikemaskinikan dan juga disiasat dalam jawatankuasa pilihan itu. Emm..tetapi apabila kita menggubal rang undang-undang enakmen ini, memang tempoh masa 30 hari merupakan standard ataupun piawai dalam majoriti undang-undang kebebasan maklumat di dunia tetapi kalau kita ingin mengambil langkah yang lebih maju daripada 85 negara di merata dunia, saya memang akan terima pindahan ataupun syor daripada jawatankuasa pilihan. Beberapa perkara juga seperti mengenai fee, ataupun bayaran yang dibangkit oleh Subang Jaya dan Kampung Tunku, perkara ini juga boleh di perinci kan lagi dalam jawatankuasa pilihan. Tetapi apa yang penting adalah kos ataupun *fee* bayaran tersebut mestilah minimum. Atau minima. Kalau untuk dokumen-dokumen kosnya, tidak boleh melebihi kos untuk (dengan izinya) to produce the document or to produce the information . Ada beberapa, emm..maklumat yang tidak perlu kos. Ya, kita boleh memohon, masuk dalam pejabat berkenaan, dan kita boleh (dengan izin), view the document. Kalau kita datang ke sana untuk melihat dokumen tersebut, saya jangka kos itu tiada ataupun paling minima. Tetapi sebagai contohnya kalau Taman Templer ingin *fotograf satelite* , aa..di kawasannya jadi kos untuk membuat aa... *photo satelite* itu, memang perlu ditanggung oleh sesiapa yang memohon, kalau Yang .Berhormat Taman Templer memohon.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya..

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya ingat satu *point* yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang ialah berlakunya pertentangan dari segi akta kerajaan persekutuan dengan enakmen yang kita akan luluskan..saya nak pastikan jawapan, bagaimana kedudukan sebenarnya, akan berlaku pertentangan atau bagaimana untuk diselesaikan.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Sabar, sabar Bangi. Saya akan sampai ke situ. Saya ingin memetik beberapa isu yang perlu dikaji dan di bincang ya, selanjutnya di jawatankuasa pilihan mengenai enakmen ini. Emm...isu tentang pegawai maklumat. Memang kita ada, kita semua telah dengar beberapa cadangan, syor-syor yang berkaitan. Apa yang penting adalah saya tidak , kerajaan negeri tidak, (dengan izin), *visualise*, bahawa ada satu birokrasi yang baru ataupun syarikat, Pegawai Maklumat itu diswastakan dan sebagainya, tidak. Ini bukan niat Kerajaan Negeri apabila kita masukkan Pegawai Maklumat. Pegawai Maklumat sepatutnya datang dari jabatan dan Pegawai Maklumat itu adalah bertanggungjawab untuk menolong dan memudahkan 'access' kepada maklumat-maklumat yang dipegang oleh jabatan tersebut. Jadi, saranan yang di bentang tadi oleh, saya rasa Permatang, bahawa ini adalah cara kita memberi kerja-kerja kepada Pakatan Rakyat, ini memang satu saranan yang amat salah. Ke empat, isu tentang fotokopi ataupun 'copyright' yang di bentang oleh Kg. Tunku memang sesiapa yang memohon itu kerana maklumat itu telah diklasifikasikan, dengan izin, '*already has been declassified*', mereka mempunyai hak untuk menyebar maklumat tersebut. Perkara mengenai tentang istilah yang dibentangkan oleh Seri Setia dan juga Subang Jaya, istilah tentang peluang dan hak. Saya memang menerima saranan dari mereka dan isu ini juga perlu dikaji dan juga di bincang dalam Jawatankuasa Pilihan tetapi maksudnya, saya

difahamkan, adalah agak beza antara peluang dan hak, ‘opportunity and rights’ dan saya menerima cadangan untuk menambah ataupun menukar perkataan itu dari peluang kepada hak ataupun tambah perkataan hak. Kalau Yang Berhormat Subang Jaya dan Seri Setia mendengar ucapan cadangan saya tadi memang saya menggunakan kedua-dua perkataan itu tetapi ‘what is important’, dengan izin adalah ‘the issue of rights is important’, jadi, ‘detail-detail’ bagaimana Rang Undang-undang ini ditulis memang, saya rasa Jawatankuasa Pilihan boleh mengukir satu perkataan yang lebih cantik daripada yang mungkin saya menyatakan tersebut. Isu tentang GLC-GLC, ini adalah satu isu hangat. Saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa GLC-GLC merupakan badan-badan berkanun. Jadi, kuasa mereka adalah terhad dan memang terikat kepada undang-undang penubuhannya. Oleh demikian, kalau kita ingin masukkan GLC-GLC dalam liputan enakmen kebebasan maklumat, jadi badan-badan berkanun itu perlu memindah undang-undang penubuhannya sebelum GLC tersebut boleh dimasukkan dalam enakmen.

Kita mempunyai ratusan GLC, saya difahami dan bukan semua GLC-GLC Kerajaan Negeri mempunyai seratus peratus ‘share holding’. Ada kita mempunyai 30 peratus, ada mungkin majoriti jadi kalau kita ada yang majoriti, kita mesti, Kerajaan Negeri mesti membuat satu proses di mana undang-undang penubuhannya boleh masukkan perkara ini. Baru GLC ini boleh dimasukkan.

YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD : Minta laluan, Yang Berhormat.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Silakan.

YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD : Saya terima penjelasan Yang Berhormat tentang GLC tersebut tetapi saya fikir kalau cadangan yang kami bentangkan tadi juga, bahawa kita boleh anggap syarikat-syarikat swasta mungkin tetapi yang menjalani ‘public function’, dengan izin, termasuk syarikat utiliti tertakluk kepada enakmen ini mungkin akan meluaskan hak yang kita diberikan kepada rakyat.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Seri Setia. Saya rasa ini adalah satu ‘Chicken and egg question’, dengan izin, jadi, kita bermula dengan ‘egg’ ataupun telur dan dari telur itu saya harap lebih, kita dapat ‘more chicken’, dengan izin (ketawa), ‘I know it’s a bad example’. Tapi apa yang penting adalah proses ini mesti dijalankan oleh GLC-GLC di mana Kerajaan Negeri mempunyai 100 peratus ‘share holding’, dengan itu kita boleh masukkan. Kg. Tunku juga telah membentang satu soalan, adakah enakmen ini adalah enakmen retrospektif? Sebenarnya, rang undang-undang, ‘sorry’, enakmen-enakmen ataupun apa undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ataupun Parlimen dan sebagainya sepatutnya mesti, dengan izin, ‘applied prospectively’. Jadi, masalah yang saya akan jangka adalah kalau terdapat perjanjian dari dahulunya yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan beberapa, mungkin, satu.. ‘you know’, syarikat swasta, kita terikat dengan perjanjian tersebut. Majoriti, kalau tidak semua perjanjian yang Kerajaan Negeri telah tandatangani mempunyai satu klausa, ‘confidentiality clause’. Tetapi, pada masa yang sama, ‘confidentiality clause’, dengan izin, boleh dibebaskan kalau mendapat persetujuan dari dua pihak. Saya ingin memberi satu contoh, di mana Kerajaan Negeri telah membuka perjanjian yang telah ditandatangani dari dahulunya kepada penduduk-penduduk di Klang yang berkaitan dengan ‘bus station Klang’, jadi ada satu syarikat swasta yang diberi kontrak untuk membangunkan ‘bus station’, bukan Klang, ‘sorry’ dekat Meru, betul ya Meru? Dan ‘party’ yang ke dua adalah Kerajaan Negeri Selangor. Jadi, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan untuk mendedahkan perjanjian tersebut dan kita juga memohon syarikat swasta itu membuat yang sedemikian dan syarikat

swasta itu, dengan izin, ‘*disagree*’, jadi kita dapat memberi perjanjian itu kepada Ahli Parlimen Klang pada masa itu.

Ada 2 perkara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Permatang, Sg. Burong, iaitu tentang isu penalti. Ya, penalti. Pandangan Kerajaan Negeri adalah kesalahan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor tidak bercanggah dengan Peruntukan Kanun Keseksian. Tambahan pula, kesalahan yang diperuntukkan tidak termasuk di dalam mana-mana kesalahan di dalam Undang-undang Persekutuan. Seperti yang dinyatakan dalam butiran 4(F) Senarai 1 Jadual Pertama Senarai Persekutuan. Oleh yang demikian, peruntukan untuk kesalahan boleh diadakan. Ke dua, pihak PBT juga mempunyai kuasa untuk membuat kesalahan ataupun penalti, iaitu melalui Undang-undang Kecil. Dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh campur tangan dan keduanya, Kerajaan Persekutuan juga tidak mempunyai hak untuk memberi kebenaran kalau kita mengukir atau menggubal apa-apa Undang-undang Kecil untuk PBT yang mempunyai penalti. Ketiganya, kalau kita meneliti Rang Undang-undang enakmen ini di bawah Seksyen 16 pendakwaan, saya baca, dengan izin, Tuan Speaker, ‘Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi kesalahan di bawah subseksyen 15(1) tanpa keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya. Jadi kita perlu keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya, jadi semua orang jangan khuatir, kita tidak akan sewenang-wenangnya menuduh atau mendakwa sesiapa pun. Isu kes di mana Ketua Pembangkang dirujukkan kepada Jawatankuasa, ‘*Privileges Committee*’, Keistimewaan. Sebenarnya, apa yang telah berlaku kita tidak menggunakan akta penghinaan yang diluluskan oleh Dewan ini tetapi kita menggunakan Jawatankuasa Keistimewaan ataupun, dengan izin, ‘*Privileges Committee*’ untuk menangani isu tersebut. Jadi, akta penghinaan di mana kita telah meluluskan dalam Dewan ini, kita tiada masalah. Pejabat, dengan izin, ‘*Attorney General’s office*’, tidak datang kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatakan Akta Penghinaan Dewan, yang kita telah luluskan itu adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dua perkara sebelum saya tamatkan penggulungan ini, isu OSA yang dibentangkan oleh Sg Burong dan juga rakan-rakan Sg. Burong untuk Kerajaan Negeri Selangor, kita melihat Akta Rahsia Rasmi ataupun OSA sebagai satu kaedah pentadbiran, ‘*Administrative Measure*’ yang membenarkan maklumat diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi, tetapi, OSA bukan hak muktamad untuk sesiapa pun mengklasifikasikan semua dokumen di bawah pentadbiran mana-mana kerajaan. Jadi ini adalah satu pendekatan yang agak berbeza. Dulunya, mana-mana Kerajaan di bawah Barisan Nasional semua dokumen bermula pada asasnya adalah dokumen rahsia. ‘*It starts with the premise that all documents are secrets*’, dengan izin, apa yang kita sedang buat adalah, kita ingin menukar pandangan tersebut iaitu ‘*Maximum Disclosure*’, dengan izin. Tambahan pula, Seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi, yang beberapa Yang Berhormat telah bentangkan, jelas memberi kuasa kepada wakil Kerajaan Negeri Selangor iaitu Menteri Besar Selangor untuk mengklasifikasikan dokumen-dokumen yang terkandung dalam jadual ataupun dokumen rasmi dan sebagainya. Jadi pandangan kita adalah kuasa untuk mengklasifikasikan adalah, dengan izin, ‘*entranced*’, di dalam rang undang-undang ini. Pandangan kita juga adalah undang-undang ini tidak mengubah fakta bahawa terdapat akta rahsia rasmi, OSA, dan bukan niat untuk Kerajaan Negeri untuk, dengan izin, ‘*succumbent the OSA*’. Akhirnya, akhirnya, 2 soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Permatang, dan juga Dusun Tua, iaitu isu adakah enakmen kebebasan maklumat itu bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan? Pandangan kita adalah, Dewan Negeri boleh meluluskan undang-undang berkaitan dengan, dengan izin, ‘*State or concurrent list*’ ataupun senarai negeri ataupun senarai yang ‘*concurrent*’. Ini terkandung dalam artikel 73 dan 74, Perlembagaan Persekutuan. Dewan Negeri juga mempunyai, dengan izin, ‘*Reschedule Powers*’, untuk meluluskan undang-undang yang berkaitan dengan perkara yang tidak dinyatakan di dalam senarai ‘*State*’ ataupun ‘*concurrent*’. Tambahan kuasa untuk menggubal undang-undang

berkaitan dengan perkara ini iaitu maklumat atau hak untuk menerima dan ‘access’ maklumat tidak dinyatakan di dalam senarai kesalahan dalam undang-undang Persekutuan. Oleh demikian, adalah pandangan Kerajaan Negeri bahawa kita mempunyai hak untuk menggubal dan membentangkan enakmen ini. Dalam soalan kesahihan Rang Undang-undang di bawah Perlembagaan Mahkamah juga memutuskan bahawa ujian isi kandungan perlu dipertimbangkan iaitu dengan izin *The Peat and Substance Test* maksud ini adalah tajuk dan wajar Undang-undang mesti dilihat untuk mengenal pasti *characteristic* sebenar dan sifat dasar Rang Undang-undang semacam ini. Rujukan kita adalah Mamak bin Daud *and others verse Government of Malaysia* 1988. Jadi dengan izin *Peat and Substance* Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat. Ini adalah:-

- 1) Mempromosikan Kebebasan Maklumat.
- 2) Mempertingkatkan Penzahiran Maklumat bagi Kepentingan Awam.
- 3) Mempermudahkan saiz kepada Maklumat yang dipegang oleh Jabatan Kerajaan Negeri dan memberi setiap individu hak dan peluang kepada akses maklumat tersebut.

Jadi Dewan Negeri Selangor boleh dikatakan mempunyai kuasa untuk meluluskan Rang Undang-undang yang berkaitan dengan isu-isu maklumat yang jatuh di bawah bidang kuasanya. Saya ingin stress kan menekankan bahawa yang jatuh di bidang kuasa. Kita tidak ada percanggahan dengan bidang kuasa Persekutuan. Kita tidak ingin mendapat maklumat tentang tindak laku polis. Sebagai contohnya kerana itu bukan di bawah bidang kuasa negeri tetapi kita ingin membebaskan maklumat yang dipegang oleh Kerajaan Negeri. Dengan itu akhirnya Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin memetik satu *point* yang di bentang oleh Seri Setia rakyat merasa amat terasing daripada Kerajaan. Niat dan objektif Enakmen Kebebasan Maklumat adalah untuk mengurangkan jurang antara Kerajaan, Pihak Berkuasa dan juga rakyat. Kita perlu melihat semangat atau pun *spirit of this* Enakmen di mana kita tunggu memulihkan keyakinan rakyat terhadap pemerintahan Kerajaan. Saya tidak pada masa ini mengatakan Kerajaan mana tetapi kalau Pakatan Rakyat memegang Kerajaan Negeri Selangor memang kita tunggu rakyat ada sedikit keyakinan atas keputusan yang kita buat dan juga proses yang kita ingin mempromosikan. Rakyat dengan adanya Enakmen Kebebasan Maklumat saya yakin Kerajaan Negeri yakin bahawa rakyat boleh menyertai dalam penggubalan proses atau pun penggubalan dasar menyertai dalam keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan juga PBT niat untuk menggubal Enakmen Kebebasan Maklumat bukan untuk mendedahkan tingkah laku yang salah tetapi untuk membuka ruang supaya Kerajaan Negeri hari ini boleh membaiki apa yang salah jadi kita perlu bersama-sama, bersama juga dengan Yang Berhormat dari Pihak Pembangkang kita perlu memulihkan kepercayaan rakyat kepada Sistem Demokrasi dan juga kepada Kerajaan. Saya ingin akhiri dengan satu *phrase* Tuan Speaker dengan izin “*Access to Public Record give citizen the opportunity to participate in public life. Help at priorities and hold their government accountable. A free flow of information can be an important tool for building trust between a government as citizen. It also improves communication between Government to make the public administration more efficient and more effective in delivering services to its constituencies. But perhaps most importantly access to information is a fundamental human rights and can be used to help people exercise other criticize human rights such as clean water, health care and education*” dengan itu sekian.

TUAN SPEAKER : Silakan, Y.A.B.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan Yang Berhormat di dalam Dewan kerana menyertai perbincangan dan

perbahasan mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010. Sebagai rekod, saya mengucapkan terima kasih kepada Penasihat Undang-undang Datin Paduka Zauyah dan Pejabat Yang Berhormat Elizabeth Wong kerana menyediakan bersama satu Rang Undang-undang yang boleh kita kemukakan kepada Dewan sebagai asas perbincangan yang kita boleh halusi dan jika menjadi Undang-undang sebagai satu teras kepada kita dalam usaha membangun negara Malaysia ini.

Saya berharap Yang Berhormat - Yang Berhormat juga dapat meluang masa untuk membaca buku yang dikarangkan oleh Tun Suffian iaitu mengenai *Introduction to the Constitution of Malaysia* yang menegaskan bahawa *our Constitution* atau pun Perlembagaan kita adalah satu usaha *evolusion* bukan pendapatan. Ini juga ditegaskan oleh Sir William Reed dalam *Commission* yang diminta untuk menggubal Undang-undang Malaysia. Dan antara buku yang saudara boleh dapat baca daripada mereka yang berjiwa besar iaitu Sir I ?? antara mereka yang dijemput untuk menggubal Undang-undang ini. Sehingga Halim bin Malik, Hakim India juga yang datang ke sini untuk menolong kita, iaitu antara mereka yang bersedia untuk menerima *Right to Information* untuk rakyat di India. Jadi hari ini kita mesti bersama berbesar hati kerana dapat bersama-sama dapat membincangkan satu perkara yang dilihat takut dibincangkan oleh semua orang. Walaupun agak ramai mempersoalkan sama ada boleh dijayakan atau tidak.

Saya berpendapat yang Dewan ini juga pernah berbincang tentang Enakmen Jenayah Syariah Selangor, dan ada yang mempersoalkan tentang perselisihan pandangan tentang kuasa jenayah atau pun kuasa untuk menentukan hak mereka ini boleh di *prosecute* tetapi hasilnya kita sudah lihat keadaan yang ada sekarang. Jadi oleh itu saya berharap rakan-rakan semua di Dewan ini semua bersedia untuk mempunyai pandangan terbuka bersama-sama sebagai satu pasukan untuk membawa pembaharuan yang paling penting untuk negara Malaysia iaitu negara ini terbuka untuk rakyat. Rakyatlah yang dapat membuat keputusan dengan terbaik. Jadi saya sangat-sangat berharap Undang-undang ini diperkemas lagi dan dalam masa yang singkat kita dapat membawa saudara-saudara untuk membincang satu usul yang semua pihak dalam Dewan ini bersedia untuk perbincangan supaya ia akhirnya satu Undang-undang Enakmen yang mantap dapat dihasilkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibaca kali kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. DIPERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama Suatu Enakmen bagi mempertingkatkan penzahiran maklumat bagi kepentingan awam, untuk memberi kepada setiap individu peluang untuk akses kepada maklumat yang dibuat oleh setiap jabatan Kerajaan Negeri.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul No. 4 Tahun 2010, Usul Menyerahkan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 kepada Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker dan Yang Ahli Berhormat Sekalian, saya memohon untuk membawa satu usul seperti berikut:-

“ Bahwasanya menurut Peraturan 54, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini mengambil ketetapan bahawa:-

- i) Bagi maksud menimbang Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010, ia hendaklah diserahkan kepada suatu Jawatankuasa Pilihan iaitu Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 untuk membuat syor-syor mengenainya;
- ii) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah ditubuhkan dengan keanggotaan yang berikut:-

Pengerusi

- 1) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADUN Kawasan Hulu Kelang)

Ahli-ahli Jawatankuasa

- 1) Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADUN Kawasan Setia Setia)
- 2) Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
(ADUN Kawasan Sijangkang)
- 3) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
(ADUN Kawasan Batu Caves)
- 4) Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
(ADUN Kawasan Subang Jaya)
- 5) Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus
(ADUN Kawasan Kuang)
- 6) Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor
(ADUN Kawasan Tanjung Sepat)

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Peraturan 54, Peraturan – Peraturan Tetap Dewan Negeri Usul ini hendaklah dikemukakan serta merta kepada mesyuarat bagi diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas. Oleh itu, Ahli-ahli yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian Sidang Dewan hari ini tamat pada waktu ini iaitu 4.30 petang. Saya menangguhkan Sidang kepada hari esok 15 Julai 2010 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)